
Jilid IV
Bil. 45



Hari Selasa
15hb November, 1994

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

Jilid IV
Bil. 45

Hari Selasa
15hb November, 1994

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 7173]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:

Tindakan Kerajaan Negeri Johor Terhadap Penduduk Kampung Restu, Mukim Pogo, Labis, Johor
— Y.B. Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka) [Ruangan 7213]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 7218]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1995 [Ruangan 7218]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan 1995 [Ruangan 7218]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 7302]

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA TERENGGANU
1999

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

,, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

,, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

,, Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

,, Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

,, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

,, Menteri Pendidikan, DATUK AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

,, Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.G.S.M., D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun–Langkawi).

,, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

,, Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

,, Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

,, Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

" Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

" Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.S.S.A., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).

" Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).

" Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).

" Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).

" Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).

" Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).

" Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).

" Menteri Belia dan Sukan, TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).

" Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).

" Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K., J.P. (Penampang).

" Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).

" Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).

" Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

" Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M... (Batu Pahat).

" Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.?., A.M.P. (Gerik).

" Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

" Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.S.S.A., D.I.M.P. (Jerantut).

" Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).

" Timbalan Menteri Penerangan, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).

" Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N. (Selayang).

" Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

" Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).

" Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).

" Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

" Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).

" Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' MOHAMED FARID BIN ARIFFIN, D.S.P.N., P.J.K. (Balik Pulau).

" Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N (Raub).

" Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S, A.B.S. (Miri).

" Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).

" Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).

" Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).

" Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).

" Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

" Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).

" Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).

" Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).

,, Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Lipis).

,, Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Kapar).

,, Timbalan Menteri Pertanian, DR T. MARIMUTHU, K.M.N., S.D.K. (Telok Kemang).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

,, Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO' MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).

,, Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATUK MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, D.S.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATUK S. S. SUBRAMANIAM, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

,, TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).

,, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

,, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Tasin).

,, TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

Yang Berhormat TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).

,, DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

,, TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).

,, DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).

,, TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

,, TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

,, TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

,, TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

,, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

,, DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

,, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

,, TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).

,, DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

,, TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).

,, TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).

,, TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).

,, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).

,, TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).

,, DR V. DAVID (Puchong).

,, TUAN FONG KUI LUN (Klang).

,, TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).

,, TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).

,, TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).

,, TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).

,, TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).

,, DATUK HAJI IBRAHIM BIN ALI, D.M.S.M. (Pasir Mas).

,, TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).

Yang Berhormat TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).

" TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).

" CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).

" LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).

" PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).

" TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).

" DATO' DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI MOHD. JARJIS, D.I.M.P. (Rompin).

" TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).

" TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGA, P.B.S. (Kapit).

" TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).

" TUAN KANG CHOW OH (Kluang).

" TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

" TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).

" DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

" TUAN LAI LUNG TZEE (Sandakan).

" TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).

" TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).

" TUAN LIEW AH KIM (Seputeh)

" TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

" TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).

" TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).

" PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).

" DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).

" TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).

" DATUK MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).

" TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).

" TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).

" DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).

" TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).

" TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).

" TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).

" DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

Yang Berhormat DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).

,, TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

,, DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).

,, DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).

,, TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.K., K.C.R.L., K.S.T.J., O.B.E. (Limbawang).

,, TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

,, DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).

,, DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

,, TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan).

,, DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).

,, DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

,, TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

,, DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

,, DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY, P.G.D.K., A.S.D.K. (Nibong Tebal).

,, DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).

,, TUAN RADIN MALLEH (Padas).

,, DATIN PADUKA HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP D.S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).

,, MULIA TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

,, TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).

,, PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).

,, TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).

,, TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).

,, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).

,, DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).

,, TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

,, TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

,, CIK SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

,, TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).

,, TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).

Yang Berhormat DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI. P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).

„ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

„ DR TAN SENG GIAW (Kepong).

„ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

„ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).

„ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).

„ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).

„ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).

„ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).

„ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).

„ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).

„ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).

„ TUAN WONG WING ON (Kampar)

„ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).

„ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).

„ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).

„ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).

„ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.

Pemangku Ketua Penolong Setiausaha : Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penolong Penyunting : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kelsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 15hb. November, 1994

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat)*

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

TAYANGAN FILEM DI RTM/TV3 — PENAPISAN

1. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin minta Menteri Penerangan menyatakan berapa peratuskah filem-filem yang ditayangkan di RTM dan TV3:

(a) datangnya dari negara Barat dan tempatan;

(b) mengandungi adegan ganas, seks, tahyul dan hiburan; dan

(c) apakah asas yang digunakan oleh Kementerian Penerangan membenarkan penayangan filem-filem yang mempunyai nilai moral yang rendah ini serta apakah rancangan kementerian di masa depan untuk membantu mempercepatkan kelahiran sebuah masyarakat Malaysia yang bermaklumat dan bermoral tinggi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Pada masa ini RTM menyiarkan sebanyak 23% filem-filem daripada negara Barat, 73% daripada penerbitan tempatan termasuk oleh RTM sendiri dan bakinya sebanyak 4% daripada negara-negara Asia.

Manakala TV3 pula menyiarkan sebanyak 50.9% filem-filem daripada negara barat, 23.9% daripada penerbitan tempatan dan lain-lain filem seperti India, Cina dan Tamil sebanyak 25.5%.

(b) Bagi memastikan adegan-adegan ganas, seks dan tahyul yang boleh membawa unsur-unsur negatif kepada rakyat di negara ini daripada disiarkan, Lembaga Penapisan filem sentiasa mengamalkan dasar dan peraturan penapisan filem yang ketat. Selain daripada penapisan oleh LPF, RTM juga mengamalkan penapisan kedua bagi memperketatkan lagi siaran-siaran yang masih longgar.

(c) Kerajaan dari masa ke semasa, Tuan Yang di-Pertua, sentiasa berusaha melalui RTM untuk menyiarkan filem-filem yang berkualiti dan mengandungi mesej yang bernilai murni ke arah mempercepatkan kelahiran sebuah masyarakat Malaysia yang bermaklumat dan bermoral tinggi. Sebagai contoh RTM telah melakukan secara berterusan pengurangan program-program bercorak

hiburan dan mempertingkatkan lagi dari segi kuantiti dan kualiti program-program yang bercorak pendidikan dan menambah masa lagi bagi program-program penyampaian maklumat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen, pertama boleh atau tidak Yang Berhormat menerangkan kepada Dewan yang mulia ini daripada syarikat-syarikat bumiputera yang diberi peluang, berapa peratuskah filem-filem tempatan ini diberi peluang kepada syarikat-syarikat bumiputera untuk menayangkan filem-filem ini? Yang 1*(a)*, Tuan Yang di-Pertua *(Ketawa)* iaitu berkenaan dengan pengimportan filem-filem ini, adakah pengimportan filem-filem ini dilakukan sendiri oleh RTM ataupun diimport melalui syarikat-syarikat tempatan? Dan kalau ya, adakah syarikat-syarikat bumiputera diberi peluang untuk mengimport filem-filem ini.

Dan soalan yang kedua, Tuan yang di-Pertua ialah tentang moral . . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa sudah cukup. Dua soalan itu.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, 1 *(a)* tadi Tuan Yang di-Pertua. *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Bersama, sambung dengan satu itu, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sudah dua Yang Berhormat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: . . . . . filem-filem tempatan dan adakah Kementerian bercadang untuk menayangkan filem-filem keagamaan supaya kita dapat menyelesaikan setidak-tidaknya kurang masalah-masalah budaya lepak dan sebagainya . . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya cakap sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Jerai. Berkaitan dengan permasalahan filem-filem bumiputera, saya ingin menyatakan daripada 121 jam drama dalam TV1 dan 109 jam drama dalam TV2 seminggu, sebahagian besar daripada program-program ini adalah dikuasai oleh syarikat-syarikat bumiputera. Dari segi pengimportan, syarikat-syarikat tempatan yang mengimport filem-filem ini daripada luar negara dan tidak dilakukan oleh RTM sendiri.

Berkaitan dengan filem-filem agama, RTM memang menunggu-nunggu untuk mendapatkan atau memperolehi program-program yang bercorak agama ataupun filem-filem bercorak agama yang boleh membantu kita mempertingkatkan minda rakyat jelata.

Tuan Chor Chee Heung: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Mengenai penapisan filem-filem, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen iaitu penapisan tentang laser disk yang telah pun diimport masuk ke

dalam negara kita. Saya ingin bertanya macam mana Lembaga Penapisan Filem dapat buat tapisan terhadap leser disk memandangkan leser disk susah hendak ditapis dan boleh dijual secara berleluasa di mana-mana pun. Laser disk ini pula kandungannya kerap kali mengandungi scenes seperti seks dan sebagainya.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, pada suatu ketika kita selalu dapat menonton di TV iaitu rencana-rencana yang disediakan oleh Filem Negara Malaysia. Apa telah terjadi kepada rencana ataupun filem dokumentari? Adakah kerajaan masih menggalakkan supaya filem dokumentari dipertingkatkan lagi dari segi pengeluaran dan adakah syarikat tempatan terlibat dalam projek pengeluaran rencana?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini RTM tidak ada menggunakan leser disk — tidak pernah. Jadi, oleh kerana itu, tidak ada permasalahan dari segi pena-pisan. Tetapi apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi ialah penapisan laser disk yang diguna ataupun diimport yang mana dilakukan penapisannya oleh LPF. Itu adalah di bawah Kementerian Dalam Negeri dan saya percaya buat masa ini tidak ada lagi cara untuk menapisnya sama ada ia totally approved ataupun totally banned atas laser disk yang berkenaan.

Berkaitan dengan rencana dan dokumentari, dari sudut RTM memang kita menggalakkan. Mengapa peranan Filem Negara nampaknya berkurangan? Sebenarnya pihak swasta telah mengambil alih peranan untuk menyediakan dokumentari. Sebab itu peranan Filem Negara dalam menyediakan rencana-rencana dan juga treler-treler dan dokumentari berkurangan. Namun, Filem Negara juga digalakkan untuk melaksanakan program di mana ada unsur-unsur sejarah dalam negara kita diteruskan usaha untuk dirakamkan oleh Filem Negara.

SUKAN MALAYSIA KELIMA DI PERAK — KES RASUAH

2. Tuan Kerk Kim Hock minta Perdana Menteri menyatakan berhubung dengan kes rasuah dalam pemberian kontrak pengangkutan pada Sukan Malaysia Kelima di Perak:

(a) berapakah orang awam dan pegawai kerajaan telah ditahan/ soal siasat oleh Badan Pencegah Rasuah; dan

(b) bilakah siasatan BPR dijangka dapat selesai.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Seramai 5 orang kakitangan kerajaan dan 3 orang awam telah ditahan, disoal siasat oleh Badan Pencegah Rasuah.

(b) BPR dijangka dapat menyiapkan penyiasatan terhadap kes-kes ini pada penghujung tahun ini.

SURAT-SURAT TERBUKA/ FITNAH — TINDAKAN

3. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman minta Menteri Undang-undang menyatakan apakah tindakan yang boleh diambil kepada orang-orang yang menulis surat-surat terbuka memburukkan orang lain dengan tidak mempunyai wang jaminan untuk orang yang kena tuduh dapat membuat tuntutan jika sekiranya segala tuduhan itu tidak benar. Adakah rancangan kerajaan untuk mewujud suatu

akta agar seseorang yang hendak menulis surat-surat terbuka untuk memburukkan orang lain hendaklah menunjukkan nilai hartanya agar orang yang dituduh dapat membawa perkara itu ke mahkamah untuk membela diri. Kedudukan sekarang ini sesiapa sahaja boleh menulis surat terbuka termasuk orang-orang yang bankrap kepada sesiapa sahaja dan menyatakan apa sahaja tanpa sebarang undang-undang yang adil untuk menyekatnya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, tindakan-tindakan yang boleh diambil ke atas orang-orang yang menulis surat-surat fitnah tersebut adalah tindakan jenayah atau tindakan sivil.

Sekiranya surat-surat fitnah itu berunsur jenayah, satu laporan polis bolehlah dibuat oleh orang yang difitnah. Pihak polis akan menyiasat dan jika ada bukti yang mencukupi, pihak pendakwa bolehlah membawa pertuduhan ke atas orang yang membuat fitnah di bawah Seksyen 500 Kanun Keseksaan. Sesiapa yang mencetak atau mengeluarkan apa-apa dokumen yang bersifat fitnah, pertuduhan boleh juga dibuat di bawah Seskyen 501 Kanun Keseksaan atau Seksyen 4 Printing Presses and Publication Act 1984.

Tindakan sivil juga boleh diambil di bawah undang-undang libel. Soal sama ada orang yang membuat fitnah itu bankrap tidak timbul. Sekiranya keputusan mahkamah memihak kepada orang yang difitnah dan ganti rugi diberi kepada beliau, beliau bolehlah mengambil prosiding bankrap untuk mengisytiharkan orang yang membuat fitnah menjadi bankrap sekali lagi. Kemudiannya, pegawai harta boleh dimaklumkan dan sebahagian dari harta orang yang membuat fitnah tersebut boleh diperuntukkan kepada orang yang difitnah.

Sememangnya sesiapa pun boleh menulis surat terbuka termasuk orang yang bankrap tetapi tindakan sivil atau jenayah boleh diambil terhadapnya dan undang-undang yang sedia ada adalah mencukupi untuk meliputi keadaan tersebut. Satu Akta baru tidak perlu digubal untuk meliputi perkara berkenaan.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat sedikit penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan fitnah/tohmah ini. Bolehkah kerajaan mengambil tindakan kepada Yang Berhormat dari Bandar Kuching dan juga Yang Berhormat Gua Musang di atas tindakan mereka memfitnah melalui media Australia iaitu melalui ABC di Australia? Jadi, kalau boleh kita hendak bertindaklah ini. *(Ketawa)*

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, ini sebenarnya adalah peluang kerajaan kerana mereka ini membuat fitnah, memburuk-burukkan imej negara di luar negeri dan kita telah pun mengarah agar perkara ini disiasat dan kalau didapati bersalah, tindakan undang-undang akan diambil.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan asal ini adalah berkaitan dengan surat terbuka. Saya pun tidak tahu apakah maksudnya surat terbuka ini, cuma ia terdapat di dalam UMNO sahaja agaknya, tetapi bagaimana soal sama ada Gua Musang dan Bandar Kuching menfitnahkan kerajaan ini wujud, saya pun tidak faham. Minta penjelasan - soalan pertama.

Yang keduanya, bilakah mahu meneruskan ke mahkamah? Itu saya alu-alukan. Bilakah akan mendakwa saya ke mahkamah supaya saya diberi peluang untuk membela diri? *(Tepuk)*

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Ahli Yang Berhormat Bandar Kuching tunggu tanggal mainnya.

POLITIK WANG — KEBERKESANAN LANGKAH MEMBANTERAS

4. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Kewangan menyatakan:

(a) sila sebutkan langkah-langkah yang diambil bagi membanteras wabak politik wang merebak ke kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan;

(b) oleh kerana Menteri Kewangan mempunyai kuasa untuk memberikan atau meluluskan lot-lot saham yang dibuka kepada orang ramai, sila sebutkan langkah-langkah yang diambil bagi mengelakkan budi bicara Menteri itu ditafsirkan sebagai amalan politik wang atau rasuah politik; dan

(c) apakah kriteria yang digunakan dalam meluluskan pemberian lot-lot saham kepada bumiputera yang memohonnya dan sejauh mana mereka yang berjaya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini ada tiga bahagain. Untuk bahagian yang pertama, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat,

(a) Amalan politik wang adalah merupakan salah satu amalan rasuah yang perlu dibanteraskan memandangkan ianya merupakan satu amalan yang menyalahi norma-norma kehidupan yang bermoral.

Di dalam Perkhidmatan Awam misalnya, perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai seharusnya diberikan secara adil dan saksama tanpa melibatkan sebarang kepentingan diri. Garis-garis panduan mengenai perkhidmatan sentiasa dikeluarkan dari masa ke semasa bagi meningkatkan mutu perkhidmatan awam. Orang ramai boleh membuat aduan kepada pihak-pihak berkaitan misalannya Badan Pencegah Rasuah sekiranya mereka mendapati wujudnya amalan rasuah di kementerian dan jabatan kerajaan untuk diambil tindakan sewajarnya.

(b) Pengagihan saham oleh Kementerian Kewangan adalah dipertimbangkan dan diperakukan oleh Urusetia Pengagihan Saham dengan berpandukan kepada garis panduan yang telah ditetapkan. Senarai pengagihan ini seterusnya akan dikemukakan untuk kelulusan Menteri Kewangan. Proses ini adalah sama dengan lain-lain urusan yang dikendalikan oleh pihak Kementerian Kewangan. Dengan demikian, soal penggunaan budi bicara oleh Menteri dalam pengagihan saham adalah tidak berbangkit.

(c) Pada dasarnya, pengagihan saham oleh Kementerian Kewangan adalah dibuat kepada institusi-institusi bumiputera dengan memberi keutamaan kepada institusi-institusi amanah seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB). Lembaga Urusan dan Tabung Haji, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Amanah Saham Negeri-negeri. Di samping itu, yayasan-yayasan,

koperasi-koperasi dan syarikat-syarikat bumiputera juga akan dipertimbangkan sekiranya bilangan saham yang dikhaskan kepada pelabur bumiputera adalah besar jumlahnya. Bagi syarikat-syarikat bumiputera, syarat asas kelayakan mereka adalah syarikat berkenaan hendaklah dimiliki sepenuhnya oleh bumiputera.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh menafikan bahawa gejala rasuah atau politik wang begitu berleluasa sama ada di peringkat agensi-agensi kerajaan mahupun di dalam sektor swasta. Saya ingin tahu, bagi membanteras atau membendung segala gejala ini, apakah tidak boleh kerajaan mengambil tindakan untuk mengadakan kempen secara berterusan seperti mana kita berkempen berhubung dengan anti-dadah, anti-amalan-amalan lain yang tidak sihat di negara ini kerana rasuah itu perkara yang berterusan dan kempen ini perlu dijalankan secara berterusan?

Yang kedua, apakah tidak kerajaan bercadang untuk menarik perhatian orang ramai untuk sama-sama melawan berhubung dengan masalah rasuah dan politik wang dan mereka yang boleh memberi bantuan, pertolongan kepada kerajaan, tidakkah patut orang ramai ini diberi galakan seperti hadiah ataupun ganjaran apabila mereka dapat membukti dan mendedahkan segala penyelewengan rasuah dan politik wang?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, Ahli Yang Berhormat patut sedar bahawa kempen mengenai dengan anti rasuah berjalan sehingga sekarang berterusan. Misalannya, BPR sendiri dengan mengadakan kalender-kalender dan poster-poster yang diberi dan diedarkan secara meluas ke Jabatan-jabatan Kerajaan dan juga kempen-kempen melalui media elektronik yang dilakukan di semua channels televisyen mengenai dengan buruknya gejala rasuah.

Kempen-kempen melalui khutbah-khutbah Jumaat banyak yang diadakan di negeri-negeri mengenai dengan dosa-dosa yang ditanggung oleh orang-orang yang mengamalkan rasuah. *(Disampuk) (Ketawa)* Jadi Yang Berhormat patut membuka mata tentang apa yang dilakukan sekarang.

Mengenai dengan penglibatan orang ramai, saya fikir orang ramai amatlah sedar tentang hal ini, seperti yang dibayangkan di dalam surat-surat yang ditulis kepada BPR sendiri mengenai dengan apa yang dikatakan amalan rasuah.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa wabak politik wang sudah menjadi satu penyakit yang sangat serius di tanah air kita sehingga UMNO perlu mengadakan satu konvensi khas untuk mengambil tindakan untuk mencegah politik wang? Adakah kerajaan berhasrat untuk mengadakan satu Suruhanjaya Di-Raja untuk menyiasat semua – segala aspek dan segala bentuk politik wang semacam dalam tahun 1950-an di mana ada satu jawatankuasa ditubuhkan di bawah Dato' Onn Jaafar mengenai integriti kerajaan? Kenapa sekarang, satu kerajaan yang melaung-laungkan mahu satu kerajaan yang bersih enggan mengadakan satu Suruhanjaya Di-Raja mengenai rasuah dan mengenai integriti kerajaan?

Kedua, bolehkah Yang Berhormat menyenaraikan di mana Yang Berhormat dari Gua Musang dalam inteviewnya

dengan ABC yang menjadi sasaran kerajaan bahawa ada memfitnah kerajaan ini dengan mengatakan ada politik wang di tanah air kita, di mana itu yang silap. Bukankah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri mengakui ada politik wang di Malaysia sehingga UMNO menganggap konvensyen khas perlu diadakan?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat Ketua Pembangkang mengambil iktibar daripada apa yang UMNO buat kerana sebagai sebuah parti pemerintah, UMNO dengan sendiri menginsafi masalah ini dan UMNO tidak melakukan satu perkara yang boleh dilakukannya sebagai parti pemerintah iaitu mengenepikan perkara ini, tetapi UMNO melakukan apa yang sepatutnya respectable party membuat iaitu mengadakan satu undang-undang atau satu peraturan untuk membanteraskan politik wang dari berlaku. Jadi, ini adalah satu perkara yang seharusnya dipuji. Saya harap, pihak-pihak yang lain pun akan mengambil jalan ini untuk memastikan bahawa politik wang yang membawa kepada gejala rasuah ini dibanteraskan di pertubuhan masing-masing.

Mengenai dengan Suruhanjaya Di-Raja yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, saya fikir tidak perlu kerana masalahnya tidaklah memerlukan satu penyelesaian diadakan pada peringkat ini kerana masalah-masalah yang timbul boleh diselesaikan dengan cara yang berkesan.

Soal Yang Berhormat Gua Musang, ingin saya maklumkan kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang bahawa perkara Yang Berhormat Gua Musang memfitnah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bukan hanya berlaku dalam program ABC di Australia sahaja, ianya – dua tahun yang lalu Yang Berhormat Gua Musang, di dalam debatenya dengan saya di Alor Setar telah menuduh perkara yang sama. Di dalam debate itu, saya telah mencabar Yang Berhormat Gua Musang supaya membuktikan tuduhannya kerana tuduhan dibuat secara general – dan membuktikan tuduhannya di dalam mahkamah ataupun di dalam Parlimen dengan menunjukkan satu persatu secara terperinci apa yang dituduh.

Jadi sebagai seorang Islam, menuduh orang lain di depan khalayak ramai atau di depan beribu-ribu orang yang mendengar debate adalah tidak wajar dan dilarang oleh etika ataupun prinsip-prinsip di dalam agama Islam. Jadi sehingga sekarang, Yang Berhormat dari Gua Musang tidak menyambut seruan saya dan beliau membuat lagi satu tuduhan di luar negeri. Jadi, inilah perkara yang pada saya satu perbuatan yang tidak beretika yang dilakukan oleh seorang Ahli Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Vun Shin Choi @ Joseph Voon.

(Soalan No. 5 — Y.B. Tuan Vun Shin Choi @ Joseph Voon tidak hadir)

PERSATUAN BADMINTON MALAYSIA (BAM) — MASALAH KRISIS DALAMAN

6. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

(a) apakah faktor yang menyebabkan krisis terbaru Persatuan Badminton Malaysia (BAM) yang melibatkan pemain perseorangan pertama negara, Rashid Sidek;

(b) apakah 'isu Rashid' merupakan menifestasi daripada masalah yang lebih besar yang sebenarnya melibatkan wibawa serta kredibiliti BAM; dan

(c) sejauh manakah wang, konflik kepentingan dan perebutan kuasa menjadi pencetusnya segala perbalahan yang menggelegak dalam Persatuan Badminton Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Dato' Ismail bin Said): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Pada hemat Kementerian Belia dan Sukan, krisis yang berlaku dalam Persatuan Badminton Malaysia akhir-akhir ini adalah kerana kurang berkesan saluran hubungan di antara pemain dengan persatuan berkenaan. Oleh yang demikian, timbulnya rasa tidak puas hati dan salah faham di kalangan pemain-pemain terhadap keputusan-keputusan yang dibuat oleh Persatuan berkenaan. Perasaan tidak puas hati terhadap keputusan-keputusan yang dibuat oleh Persatuan akhirnya mencetuskan krisis ini di dalam Persatuan Badminton Malaysia. Bagi mengurangkan masalah yang serupa timbul pada masa hadapan, persatuan-persatuan sukan kebangsaan termasuklah BAM sendiri adalah diminta untuk menyediakan saluran perhubungan yang berkesan serta bersikap lebih terbuka bagi melayani anak buah masing-masing.

(b) "Isu Rashid" pada mulanya hanya merupakan penarikan beliau dari latihan bersama pasukan kebangsaan dan seterusnya dari menyertai Sukan Asia baru-baru ini di Hiroshima, Jepun. Isu ini bukan sebenarnya merupakan menifestasi kemelut dalam Persatuan Badminton Malaysia, akan tetapi isu ini telah dipergunakan oleh beberapa pihak untuk mengambil kesempatan menyuarakan perkara-perkara yang dianggap bermasalah dalam Persatuan Badminton Malaysia. Persatuan Badminton Malaysia sebagai badan pengawal sukan badminton dalam negara kita adalah merupakan sebuah persatuan sukan yang berjaya secara keseluruhannya. Kementerian Belia dan Sukan sentiasa mengawasi kedudukan semua persatuan dan mengambil tindakan-tindakan tertentu sekiranya terdapat sebarang penyelewengan yang menjejaskan kewibawaan dan kredibiliti mana-mana persatuan, termasuk juga Persatuan Badminton Malaysia.

(c) Dari penyiasatan awal yang dibuat oleh Kementerian Belia dan Sukan, belum dapat dipastikan bahawa faktor wang, konflik kepentingan dan perebutan kuasa sebagai pencetus kepada perbalahan di dalam Persatuan Badminton Malaysia. Penyiasatan masih dijalankan oleh Kementerian Belia dan Sukan dan satu kepastian hanya dapat dibuat selepas penyiasatan tersebut selesai.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Siapa salah? Rashidkah atau BAM? Tetapi bukan persoalan yang saya tanya Tuan Yang di-Pertua. Yang saya tanya di sini – dahulu, Misbun Sidek pun buat sama macam Rashid, semasa latihan mereka tak ikut arahan yang diberi oleh persatuan. Jadi, adakah ini menunjukkan mereka yang dimanja-manja dan diagung-agungkan sangat ini naik kepala – orang yang berkuasa? Soalan yang pertama.

Soalan kedua, adakah perbalahan politik dalaman persatuan-persatuan telah membangkitkan atau mencetuskan masalah yang sedemikian rupa?

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, sama ada naik kepala ataupun tidak, sama ada ianya merupakan politik dalaman (internal politicking) dalam Persatuan Badminton Malaysia sebagaimana yang saya jawab sebentar tadi, kementerian saya masih lagi dalam proses menjalankan siasatan. Insya-Allah, kita berhasrat hendak berjumpa dengan pemain-pemain badminton pula apabila mereka ini pulang daripada pertandingan luar negeri iaitu di Hong Kong. Insya-Allah, lepas ini kita akan berjumpa dengan mereka, kita akan dengar masalah mereka pula.

Dr. Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya adakah benar antara sebab-sebab pemain-pemain badminton seperti Rashid Sidek dan lain-lain pemain, ketidakpuasan mereka adalah kerana potongan wang dikenakan keatas wang hadiah yang mereka menangi dalam tiap-tiap pertandingan badminton. Adakah ini benar? Kalau benar berapa peratus dipotong daripada wang hadiah ini dan oleh tiap-tiap peringkat pegawai-pegawai BAM?

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, kepastiannya sebagaimana saya katakan tadi akan dapat kita perolehi apabila kementerian akan berjumpa dan mendengar keluhan dan kemuskilan oleh pemain-pemain yang kita cadangkan akan adakan apabila mereka pulang daripada Hong Kong kelak.

ANGKATAN TENTERA MALAYSIA — PROGRAM PEMODENAN

7. Dato' Haji Mohamad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah dasar kerajaan terhadap pemodenan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan sejauh manakah Angkatan Tentera Malaysia melangkah ke arah pembentukan sebuah organisasi yang dapat menangani peperangan konvensional

Menteri Pertahanan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, peralihan daripada keupayaan peperangan menentang insurgency kepada keupayaan peperangan konvensional memerlukan perubahan yang total yang melibatkan sistem persenjataan, teknologi, corak latihan, pengurusan dan bantuan logistik.

Pemodenan Angkatan Tentera Malaysia memang mendapat sokongan penuh kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan keupayaan dan kesiapsediaan ATM bagi mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara. Ini boleh dilihat dari segi usaha kerajaan untuk meningkatkan keupayaan ATM melalui perolehan peralatan baru bagi menggantikan peralatan yang sudah usang. Program pemodenan ini juga adalah bertujuan untuk menjadikan ATM sebuah angkatan peperangan konvensional yang seimbang serta berkemampuan menghadapi cabaran masa depan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, untuk memodenkan angkatan tentera dan menangani peperangan konvensional, kerajaan sekarang mengimport senjata-senjata moden misalnya kapal terbang MiG daripada Rusia dan juga kapal pendarat diura-urakan dalam perbincangan di Pulau Pinang semalam akan dimport daripada Amerika Syarikat. Soalnya, dalam kita mengimport teknologi-teknologi ataupun alat-alat perang yang hebat ini daripada Rusia dan Amerika Syarikat, apakah kita tidak hadapi masalah dari segi penyelenggaraan. Lebih baik kalau kita import daripada sebuah negara, sudah tentulah kos penyelenggaraannya itu akan lebih murah dan kerja-kerja teknikal dapat diatur dengan lebih sempurna. Adakah kita import berlainan tempat ini kita akan hadapi masalah dalam penyelenggaraan nanti?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, pandangan Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri ini tidak logik dan tidak wajar dilaksanakan kerana ini bererti bahawa kerajaan akan bergantung kepada satu buah negara sahaja dan kita akan menjadi mangsa kepada negara itu. Jadi, dasar yang diamalkan oleh Kerajaan Malaysia sekarang ini adalah yang sebaik mungkin.

Dato' Haji Mohamad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan negara kita sedang menuju ke arah mewujudkan sebuah negara yang maju dan progresif, adakah pihak kerajaan khasnya Kementerian Pertahanan bercadang untuk mewujudkan industri-indusrti senjata ketenteraan yang berupaya untuk menghadapi serangan-serangan musuh di tahun-tahun abad ke-21?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan yang di-Pertua, kita memang sudah mempunyai sebuah industri pertahanan tetapi secara kecil-kecilan. Keupayaan industri pertahanan ini akan ditingkatkan dari masa ke semasa. Umpamanya, pada masa ini satu projek ataupun program membina 27 buah kapal ronda akan dilaksanakan pada tahun hadapan oleh pihak kerajaan. Ini adalah merupakan suatu contoh yang jelas di mana perkembangan industri pertahanan akan diberi perhatian yang berat oleh pihak kerajaan.

PINTU KERETA API DI LINTASAN RATA JALAN ALMA, BUKIT MERTAJAM — MELEBARKAN

8. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

(a) hasil penelitian KTMB dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang berkenaan dengan kerja-kerja melebarkan pintu keretapi dilintasan rata Jalan Alma, Bukit Mertajam;

(b) kos dalam projek ini dan siapakah bertanggungjawab ke atasnya; dan

(c) bilakah projek ini akan dimula dan bilakah ia akan dijangka siap.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Lintasan rata Jalan Alma, Bukit Mertajam adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan diuruskan oleh Jabatan Kerja Raya Seberang Prai. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah bersetuju untuk melebarkan gate keretapi di lintasan rata ini.

(b) Kos bagi melebarkan gate kereta api ini ialah sebanyak RM104,708.47 dan ianya akan dilaksanakan oleh KTM Berhad.

(c) Kerja-kerja melebarkan gate keretapi yang dijadualkan bermula pada pertengahan bulan November (sekarang ini) telah pun mula mengadakan persiapan dan pemindahan alat-alat binaan ke tapak. Kerja-kerja fizikal dijangka akan dimulakan sebelum akhir bulan ini setelah semua persiapan dari segi peralatan disediakan. Projek ini dijadualkan siap pada akhir bulan Januari 1995.

TENAGA BURUH TEMPATAN — INSENTIF

9. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

(a) adakah kementerian sedar bahawa walaupun tahap pengangguran negara sudah berkurangan (local labour power) tetapi tingkat guna tenaga penuh belum tercapai dan masih terdapat banyak tenaga buruh tempatan yang belum dieksploit lagi. Kejadian ini boleh membawa kepada beberapa masalah sosial yang kurang baik. Apakah pendapat kementerian dalam perkara ini; dan

(b) apakah langkah kementerian dalam usaha menarik rakyat-rakyat tempatan untuk memenuhi keperluan tenaga pekerja. Minta mencadangkan supaya Kementerian mengadakan ganjaran-ganjaran dan insentif yang lebih baik seperti kenaikan gaji, perumahan, kesihatan dan tempat kerja dan layanan yang baik serta kemudahan pengangkutan yang dapat mengurangkan permintaan kemasukan pekerja dari luar.

Timbalan Menteri Kementerian Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Ingin saya maklumkan bahawa ungkapan tahap guna tenaga penuh adalah digunakan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) untuk memberi pengiktirafan bahawa kadar pengangguran di sesebuah negara itu adalah di bawah paras 4% daripada jumlah tenaga kerja negara itu. Negara kita telah mencapai angka kurang 4% ini sejak akhir-akhir ini dan pada tahun 1994 negara mencatatkan kadar pengangguran sebanyak 2.8%. Kementerian Sumber Manusia sedar bahawa pencapaian ini tidak bemakna kita tidak ada rakyat yang menganggur. Malahan kadar 2.8% adalah bersamaan dengan 220,000 tenaga pekerja tempatan yang menganggur.

(b) Suka saya maklumkan bahawa kerajaan amat peka masalah yang mungkin timbul sekiranya golongan tenaga pekerja tersebut tidak dieksploit dan dijadikan tenaga kerja aktif. Perlu dijelaskan bahawa negara kita mempunyai peluang-peluang pekerjaan yang mencukupi dan hanya kegagalan rakyat tempatan merebut peluang-peluang pekerjaan itu dan juga kegagalan bermobiliti yang menyebabkan kemasukan pekerja-pekerja asing. Kementerian

Sumber Manusia telah mengambil berbagai langkah menarik pekerja-pekerja tempatan memenuhi kekosongan-kekosongan yang ada. Pihak majikan digalakkan menyediakan tempat kerja yang selesa, perumahan, kesihatan dan asrama serta pengangkutan sebagai insentif untuk menarik pekerja-pekerja tempatan khususnya tenaga-tenaga pekerja dari luar bandar yang masih menganggur. Kementerian Sumber Manusia yakin melalui insentif-insentif ini tenaga pekerja yang masih menganggur akan diberi peluang ini.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat tadi, saya ingin bertanya apakah kerajaan bercadang ataupun kerajaan ingin mengenakan syarat supaya kenaikan gaji yang saya rasa kalau dalam kerajaan kenaikan gaji telah pun dibuat berkali-kali tetapi di sektor swasta kita tidak nampak satu bentuk kenaikan gaji dibuat. Adakah kerajaan bercadang untuk mengenakan syarat ataupun memastikan supaya gaji ini sesuai untuk menarik mereka daripada luar bandar bekerja di kilang-kilang tertentu?

Yang keduanya, apakah Yang Berhormat sedar bahawa tindakan mengambil buruh-buruh asing telah menimbulkan gejala sosial dan juga gejala-gejala negatif di luar kawalan? Adakah kerajaan akan mengambil tindakan kepada mereka yang telah menimbulkan perkara-perkara yang saya rasa boleh mendatangkan mudarat kepada ketenteraman awam? Contohnya dua tiga hari yang lepas, buruh-buruh Bangladesh seramai 200 orang telah merusuh, mengamuk dan sebagainya yang saya rasa kalau perkara ini dibiar ataupun mereka ini tidak dihantar balik ataupun kita hanya biar begitu sahaja, saya rasa buruh-buruh lain akan bertindak demikian rupa. Kerana kita dimaklumkan bahawa kelab-kelab pendatang Indonesia, kelab-kelab pendatang Bangladesh, kelab-kelab pendatang Myanmar, kelab-kelab pendatang Filipina sekarang ini sedang bermaharajalela mengganggu orang tempatan, mewujudkan gejala negatif dan sebagainya.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, kita merasa gembira kerana gaji naik, semua orang pun merasa gembira, kalau dapat lebih gaji, lebih baik. Tetapi kita kena berwaspada dengan kenaikan gaji, kerana dalam dunia yang semakin bersaing faktor kenaikan gaji adalah kos pengeluaran yang perlu dikawal.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada tahun lalu kadar gaji telah meningkat sebanyak 5%, sebaliknya kadar produktiviti hanya meningkat 2.5% sahaja, ini tidak sihat. Maka kenaikan gaji hendaklah selaras dengan produktiviti, sekiranya kita hendak mengekal daya saing negara kita di pasaran antarabangsa.

Perkara lain yang disebut oleh Yang Berhormat dari Arau, itu adalah bidang kuasa Kementerian lain, tetapi kalau boleh apa-apa perkara yang di dalam employment, Kementerian saya boleh mengambil tindakan.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan ada banyak masalah di Kementerian Sumber Manusia, yang mana dari segi daya saing, pekerjaan dan gaji sungguh mencabar kerana tenaga asing yang datang daripada luar. Oleh yang demikian, dengan pertambahan tenaga asing yang masuk tanpa kawalan Kementerian Sumber Manusia, macam mana Kementerian hendak menyelesaikan masalah yang melibatkan dua Kementerian yang menimbulkan masalah besar dalam serba-serbi sudut tenaga buruh di negara ini?

Dato' M. Mahalingam: Ini susah hendak jawab. Saya akan beri jawapan secara bertulis. *(Ketawa)*

PEMELIHARAAN ANJING — KEBENARAN DARI MAJLIS-MAJLIS PERBANDARAN/DAERAH

10. Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah usaha untuk memastikan supaya mereka yang ingin memelihara anjing lebih dahulu mendapat kebenaran Majlis-majlis Perbandaran dan Daerah supaya bilangan anjing dapat dikawal, dan anjing yang berpenyakit kurap dapat dihapuskan dan perangai anjing yang memalukan tidak terdedah di khalayak ramai.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, tiada seorang pun boleh memiliki, menyimpan, melindungi atau menyelenggara seekor anjing yang telah mencapai umur tiga bulan melainkan, jika ianya telah dilesenkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan di bawah Undang-undang Kecil Pelesenan Anjing. Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada RM500 atau dihukum penjara tidak lebih daripada 6 bulan atau denda dan penjara, kedua-duanya sekali.

Sehubungan dengan itu juga, mana-mana anjing yang berumur lebih daripada 3 bulan dijumpai bebas lepas di tempat awam dengan tidak memakai lencana logam dan yang berpenyakit boleh dibinasa oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan. Orang yang diberi kuasa berbuat demikian boleh memasuki mana-mana tanah atau premis, selain daripada rumah tempat tinggal, untuk mencari, merampas atau membinasakan anjing berkenaan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat tidak menjawab soalan 'perangai anjing memalukan' *(Ketawa)*. Apakah yang dimaksudkan 'perangai anjing memalukan' ini? Adakah ianya merupakan peribahasa, seperti orang pergi 'menyalak' merata kampung maki orang itu, disebut 'perangai anjing yang memalukan'? Sebab Yang Berhormat patut menjawab soalan ini, sebab saya pun tidak faham soalan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat ini. Ini peribahasa yang menunjukkan orang yang pergi menyalak merata kampung memaki orang itu, kita anggap 'perangai anjing memalukan'.

Yang kedua, saya mengucapkan tahniah kerana undang-undang yang ada sekarang cukup bagus dan kita harap undang-undang ini dapat dilaksanakan. Apakah Yang Berhormat sedar sekarang ini, walaupun di kawasan yang paling selamat, saya sendiri tiap-taip petang jogging, tetapi saya mesti bawa tongkat, sebab sudah pasti pada bila-bila masa kita akan berjumpa anjing.

Jadi, apakah kerajaan bercadang untuk melaksanakan, bukan saya seorang sahaja yang jogging, tetapi ramai yang jogging yang merasa tidak selamat. Kalau kita hendak jogging di kampung, saya ingat cukup tidak selamat sama ada di sebelah pagi atau di sebelah petang. Jadi, apakah kerajaan bercadang untuk melaksanakan undang-undang yang telah disebutkan tadi untuk menghapuskan anjing-anjing yang berkeliaran termasuk juga anjing-anjing yang melakukan perkara yang memalukan di depan orang ramai? *(Ketawa)*

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan ialah 'anjing'. Jadi, anjing ini memang tidak tahu adab *(Ketawa)*, dia pun tidak pergi sekolah, jadi perangainya memanglah tidak boleh dikawal, memanglah memalukan. Jadi, kalau mereka bertukar kepada lain daripada anjing, mungkin mereka boleh dikawal.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kawalan undang-undang ini, memang sepatutnya dilaksanakan dengan sepenuhnya dengan kawalan yang ketat, dan sekiranya ada laporan-laporan yang dibuat mengenai anjing yang berkeliaran dan yang bebas dengan tidak mempunyai lesen, ia akan dihapuskan. Sebab itu saya berharap mana-mana pihak yang terlibat dengan anjing seperti ini boleh melaporkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk dihapuskan.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya pada Timbalan Menteri, pada masa sekarang ada anjing-anjing yang comel yang sebegitu kecil sahaja, mereka disimpan di dalam rumah, tidak dibiarkan keluar rumah. Jadi, perlukah orang-orang yang membela anjing yang sebegitu kecil itu mendapat satu lesen jikalau anjing itu disimpan dalam rumah sahaja?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Kalau anjing ini kecil, tetapi umurnya tua *(Ketawa)* dia kena lesen, kalau mahu disimpan di dalam rumah, itu perkara yang lainlah, tetapi apabila dibawa keluar, lebih umur 3 bulan, dia boleh dibinasakan kalau dia tidak mempunyai lencana.

Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail: Soalan tambahan. Saya terpaksa menceritakan apa yang saya maksud dengan 'memalukan' *(Ketawa)*. . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat hendak . . . . .

Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail: . . . . . ini kerana kita dapati . . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat . . . . .

Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail: . . . . . yang memalukan ini bukan anjing itu, tetapi tuannya membiarkan anjing ini di musim 'mengawan' di merata-rata *(Ketawa)* pekan, kadang-kadang di persimpangan jalan ada membuat 'kerja' *(Ketawa)* . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat hendak beri penjelasan? *(Ketawa)* Saya rasa tidak perlu, Yang Berhormat.

Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail: Jadi, itu Yang Berhormat Timbalan Menteri . . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat apa soalan?

Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail: . . . . . tidak jawab, jadi saya terpaksa menghubung *(Ketawa)* daripada Arau tadi hendak tahu apa sebab tidak dijawab.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya anggap pemelihara-pemelihara anjing ini adalah termasuk sebahagiannya orang yang anti-sosial, kerana dengan pemeliharaan anjing itu dia tidak mengirakan keselamatan orang lain. Dia kira kepentingan diri dia dan kalau betul-betul berminat untuk memelihara anjing, saya rasa Kerajaan perlu mengadakan satu

aturan yang betul-betul untuk memelihara anjing, pemelihara anjing boleh memelihara anjing, kalau sebarangan sahaja maka orang lain yang hendak jogging pun, saya daripada badan kurus sampai jadi gemuk, oleh kerana dahulu saya jogging, tetapi di tempat yang baru saya diburu oleh anjing apabila saya seorang . . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat apa soalan Yang Berhormat? Apa soalan itu?

Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail: Jadi, soalannya ialah kita minta adakah kerajaan bercadang memperketatkan lagi undang-undang, kerana undang-undang yang ada telalu ringan untuk orang memelihara anjing dengan sewenang-wenangnya daripada kes 'Rottweiler' dan juga 'Leeroc' yang baru-baru ini sangat menyedihkan.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih di atas pandangan Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat kita belum ada lagi cadangan untuk memberi kursus kepada tuan-tuan punya anjing supaya menjaga budi bicara juga kelakukan anjing-anjing ini.

Saya ingat pihak akhbar boleh meng'highlight'kan saranan daripada Ahli Yang Berhormat supaya tuan punya anjing memberikan didikan sempurna kepada anjing-anjing mereka, dan juga supaya mereka ini diberi kursus, saya rasa Kementerian tidak bercadang untuk berbuat demikian. Jadi, moleklah kalau akhbar memberikan highlight supaya mereka sedar tanggungjawab mereka.

SYARIKAT-SYARIKAT MALAYSIA DI LUAR NEGARA — DAKWAAN SKANDAL

11. Tuan Harrison Ngau Laing minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

(a) Sama ada siasatan telah dibuat terhadap dakwaan bahawa ada syarikat-syarikat dari Malaysia yang beroperasi di luar negara khususnya di PNG, Solomon Island, Vanuatu, Myanmar, Vietnam, Cambodia dan Laos telah terlibat dalam beberapa skandal yang menyebabkan operasi mereka diberhentikan oleh kerajaan negara-negara tersebut; dan

(b) Apakah hasil siasatan itu dan tindakan yang telah, sedang dan akan diambil untuk memastikan perkara seperti ini tidak dilakukan oleh syarikat-syarikat dari Malaysia yang beroperasi di negara-negara lain.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Datuk S. S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri memang menjalankan siasatan apabila menerima dakwaan skandal yang melibatkan syarikat-syarikat Malaysia yang beroperasi di luar negara.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga kini kementerian ini tidak menerima apa-apa dakwaan skandal yang

melibatkan syarikat-syarikat yang beroperasi di luar negara termasuk Papua New Guinea, Solomon Island, Vanuatu, Myanmar, Vietnam, Cambodia dan Laos seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Baram. Apa yang telah diterima oleh kementerian ini ialah laporan mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat Malaysia yang membuat pelaburan mereka di luar negara, khususnya masalah-masalah yang mereka hadapi akibat daripada perubahan dasar pelaburan kerajaan di negara-negara asing berkenaan. Misalnya, syarikat-syarikat Malaysia yang telah diberi lesen oleh Kerajaan Vanuatu untuk membalak dan mengeksport kayu balak di Vanuatu terpaksa menggantungkan operasi mereka oleh kerana perubahan dasar Kerajaan Vanuatu mengenakan halangan eksport kayu balak pada 15hb. Jun, 1994. Syarikat-syarikat Malaysia telah mengalami kerugian berjuta-juta ringgit akibat daripada pelaksanaan halangan eksport kayu balak serta keputusan Kerajaan Vanuatu untuk menarik balik lesen-lesen yang telah diberi kepada pelabur-pelabur asing terdahulu, termasuk pelabur-pelabur daripada Malaysia.

(b) Syarikat-syarikat Malaysia yang beroperasi di luar negara tidak perlu mendaftar dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Walau bagaimanapun, kementerian ini sentiasa mengawasi perkembangan pelaburan syarikat-syarikat Malaysia di luar negara dari semasa ke semasa. Ini adalah kerana untuk menentukan supaya syarikat-syarikat berkenaan beroperasi dengan baik, beretika dan tidak menjejaskan imej negara. Sekiranya kementerian ini menerima laporan mengenai operasi yang kurang beretika dan menjejaskan imej negara di kalangan syarikat-syarikat Malaysia di luar negara, siasatan akan dijalankan dan tindakan yang sewajarnya akan diambil setelah kebenaran ke atas dakwaan terbukti.

Tuan Wong Wing On: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada berkata bahawa syarikat-syarikat Malaysia tidak sepatutnya menjejaskan nama negara di luar negeri. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa terdapat sebuah syarikat Malaysia yang cuba menubuhkan kegiatan operasi perjudian (gambling) di Filipina yang merupakan sebuah negara yang majoriti rakyatnya beragama Catholic yang menentang perjudian. Adakah tindakan syarikat itu satu tindakan yang menjejaskan nama dan imej negara yang menganggap dirinya sebagai sebuah negara Islam mengeksport perjudian ke Filipina yang merupakan sebuah negara Catholic yang juga menentang perjudian. Apakah tindakan kerajaan akan ambil terhadap pengeksportan perjudian ke negara-negara seperti Filipina dan China?

Datuk S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya harap kerajaan kerajaan yang berkenaan yang mana rakyat mereka telah membuat aduan kepada kerajaan mereka sendiri boleh

mengambil tindakan yang sewajarnya. Saya rasa tidak payahlah pihak DAP mengemukakan aduan di sini untuk mereka mengambil kesempatan di sini di atas apa yang telah berlaku di luar negara kita.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dua soalan. Memang tidak boleh dinafikan perkara yang gembar-gembur oleh anjing di luar negara ini – soalan anjing berbangkit juga di sini — oleh kerana syarikat Malaysia membalak di negara-negara yang tersebut di dalam soalan ini. Soalan saya, siapakah yang menjadi target di sini. Adakah Malaysia, atau nama Malaysia ataupun syarikat yang mana ada hubung-kait dengan Malaysia yang menjadi target, ataupun negara yang berkenaan yang menjadi target, yang digembar-gemburkan ini? Itu soalan pertama.

Soalan kedua.....

Beberapa Ahli: Habis, duduklah. Duduklah.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Soalan kedua, tak payahlah, nanti panjang. *(Ketawa)*

Datuk S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, sehingga masa kini kita telah menerima hanya satu sahaja aduan iaitu yang telah berlaku di negara Vanuatu. Ini adalah berpunca daripada laporan di dalam akhbar-akhbar di luar negeri di mana mereka mendakwa apa yang syarikat kita lakukan telah memusnahkan alam sekitar di Vanuatu itu. Saya rasa tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Vanuatu telah pun diselesaikan. Kita tidak ada menerima apa-apa laporan dari negara-negara lain dan saya rasa soalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat hanya kepada Kerajaan Vanuatu dan itu pun telah diselesaikan.

BANTUAN KEPADA GOLONGAN TERMISKIN DI SARAWAK

12. Tuan Joseph Mauh anak Ikeh minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) sehingga kini berapakah wang yang telah dibelanjakan dalam "Bantuan Rakyat Termiskin" bagi negeri Sarawak;

(b) selain dari bentuk wang, apakah bantuan dan program yang disusun bagi membantu golongan miskin ini;

(c) berapa ramai (keluarga) dalam golongan ini di Sarawak dan Sabah dan apakah kriteria mengenal pasti dalam golongan ini; dan

(d) apakah langkah kerajaan bagi mengurangkan kadar kemiskinan di seluruh negara.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Sehingga tahun 1993, sebanyak RM7,776,193.08 telah dibelanjakan untuk membantu rakyat termiskin di negeri Sarawak.

(b) Bantuan PPRT tidak disediakan dalam bentuk kewangan, tetapi dalam bentuk program/projek yang diberikan secara pakej untuk semua ahli keluarga bagi meningkatkan taraf sosio-ekonomi dan memperbaiki kualiti hidup. Program/projek yang telah dilaksanakan meliputi Program Pemulihan Rumah, Projek Peningkatan Ekonomi Kampung, Bantuan Amalan Makanan dan

Pemakanan, Bantuan Kekurangan Zat Makanan, Industri Kampung, Projek Kecil Pembangunan Luar Bandar di samping Skim Pinjaman Pelaburan Amanah Saham Bumiputera.

(c) Sehingga 31hb. Oktober, 1994 seramai 16,404 keluarga termiskin telah didaftarkan di dalam Daftar Asas Rakyat Termiskin di negeri Sarawak. Kriteria yang digunakan untuk mengenal pasti keluarga termiskin ialah berdasarkan kepada keluarga yang memperolehi pendapatan bulanan keluarga kurang dari separuh dari Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) iaitu RM247.00 sebulan.

Di negeri Sabah pula, seramai 16,795 keluarga termiskin telah didaftarkan. Kriteria pendapatan bulanan keluarga bagi negeri Sabah tidak melebihi separuh PGK iaitu RM291 sebulan. Selain dari kriteria pendapatan, keadaan kualiti kehidupan juga dijadikan kriteria seperti keadaan dan peralatan rumah, keadaan kesihatan keluarga dan taraf pendidikan anak-anak.

(d) Kerajaan sememangnya berhasrat mengurangkan kadar kemiskinan di seluruh negara dan pada tahun 2000 dan kadar kemiskinan dijangka pada kadar 7.2%. Untuk itu, kerajaan akan meneruskan pelaksanaan strategi-strategi yang akan membolehkan golongan miskin menikmati faedah yang saksama daripada pertumbuhan ekonomi bagi memperbaiki lagi agihan pendapatan.

Program-program utama untuk pembasmian kemiskinan seperti Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT), penyediaan kumudahan pendidikan dan kemahiran sebagai persediaan merebut peluang pekerjaan di sektor moden, penyediaan kemudahan infrastruktur dan kemudahan asas, akan terus dilaksanakan dengan tumpuan kepada konsep berdikari dan ianya akan tertumpu kepada golongan termiskin, kemiskinan di bandar dan golongan-golongan tertentu. Selain dari itu, kerajaan juga akan memastikan mekanisma penyampaian dan institusi yang cekap diwujudkan bagi memberi hasil yang baik dan berkesan kepada golongan sasar.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyoal satu soalan kepada Setiausaha Parlimen iaitu berkenaan bantuan PPRT kepada orang-orang termiskin.

Adakah kerajaan bercadang untuk memberi bantuan dan melatih mereka ini supaya melibatkan diri dalam bidang perniagaan kecil-kecilan seperti menjaja, berniaga di gerai-gerai dan sebagainya kerana ini dengan tersendirinya akan dapat membangunkan. Selain daripada sistem yang dibuat oleh Amanah IKHTIAR pada hari ini, saya kira adalah lebih baik kalau kerajaan dalam mengambil orang-orang termiskin ini dan memberi latihan yang sewajarnya dan melibatkan mereka ini dalam bidang perniagaan dan saya kira ini dapat melepaskan mereka daripada golongan-golongan yang termiskin. Ini cadangan saya, terima kasih.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Jerai dan cadangan ini adalah merupakan satu cadangan yang baik dan memang dalam program PPRT seperti mana yang telah saya jelaskan tadi menyebutkan bahawa sebahagian daripadanya ialah usaha bagi meningkatkan pendapatan isi rumah bagi satu-satu keluarga. Jadi, program ini dijalankan secara bersepadu termasuklah seperti mana Yang Berhormat sebutkan iaitu Amanah Ikhtiar yang telah pun menjalankan kegiatan yang amat berjaya di kalangan masyarakat desa dalam usaha hendak membangun atau menambahkan pendapatan sesuatu keluarga di luar bandar.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan rakyat yang termiskin. Saya percaya pihak kementerian mempunyai senarai masyarakat yang termiskin dan senarai disimpan, mungkin di daerah-daerah yang tertentu. Dalam kajian kerajaan, berapa banyakkah ataupun berapa peratuskah rakyat yang dahulunya digelar rakyat yang termiskin dengan bantuan dan program yang dibuat kerajaan sekarang sudah menjadi rakyat yang tidak termiskin lagi?

Kedua, adakah rancangan khusus, kalau tidak ada kesan untuk mendidik anak-anak rakyat yang termiskin agar mereka ini menjadi orang yang terdidik, terpelajar dan mungkin mereka terkeluar daripada arus kemiskinan?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, memang pihak kerajaan mempunyai senarai lengkap bagi tiap-tiap daerah termasuklah daerah-daerah di negeri Sabah yang saya sebutkan tadi mempunyai 16,404 keluarga itu – tiap-tiap daerah ini kita mempunyai jumlah keluarga termiskin. Jadi, saya tidak boleh hendak menjelas kepada Yang Berhormat tentang pencapaiannya setakat ini kerana saya tidak ada angka-angka. Insya-Allah pada awal tahun hadapan akan dikaji tentang pencapaian PPRT yang kita jalankan dan dapat melihat dengan nyata bahawa perubahan ini telah pun berlaku tentang kejayaan kerajaan dan peningkatan pendapatan dan taraf hidup bagi masyarakat desa yang telah pun menikmati hasil pembangunan kerajaan.

Soalan kedua, tentang pendidikan anak-anak ini kalau kita lihat, memanglah kerajaan memberikan peruntukan yang banyak dan juga biasiswa yang diberikan oleh kerajaan bukan sahaja memandangkan pencapaian pendidikan seseorang, bahkan salah satu kriteria yang dipertimbangkan ialah kedudukan sosial, ekonomi bagi sesuatu keluarga itu yang salah satunya menjadi syarat ataupun syarat perimbangan bagi kerajaan untuk menimbangkan pemberian biasiswa. Ini menunjukkan bahawa kerajaan sentiasa menimbangkan pemberian untuk rakyat termiskin, bukan yang didakwakan oleh parti pembangkang dalam negara kita.

GURU BAHASA CINA — KEKURANGAN

13. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Pendidikan menyatakan:

(a) sama ada Kementerian dapat mempertimbangkan langkah-langkah berikut untuk mengatasi masalah kekurangan guru yang berpanjangan di SRB Cina; iaitu:

(i) melonggarkan kelayakan masuk ke Matkab Perguruan bagi Bahasa Malaysia kepada lulus dan bukannya kredit bagi calon yang dilatih untuk mengajar Bahasa Cina SRB Cina;

(ii) untuk mengadakan kelas Bahasa Mandarin semasa waktu sekolah biasa di Sekolah Menengah Bantuan (SMB) dan Sekolah Menengah Kerajaan (SMK);

(iii) mempertimbangkan untuk mengambil guru-guru Bahasa Cina daripada negara China dan Taiwan seperti guru Bahasa Inggeris daripada United Kingdom.

(b) susulan daripada itu, nyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan bahawa jumlah guru-guru yang tidak mengetahui Bahasa Mandarin dihantar ke SRB Cina, tidak akan menimbulkan masalah kepada pengetua untuk penyusunan jadual waktu guru untuk guru-guru dan tidak menurunkan taraf Bahasa Mandarin di SRB Cina.

Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan:

(a) (i) Kementerian Pendidikan tidak dapat mempertimbangkan kelonggaran syarat kelayakan Bahasa Malaysia kerana syarat tersebut telah pun ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan merupakan salah satu syarat untuk membolehkan seseorang diterima berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan. Namun demikian, Kementerian Pendidikan memberi kelonggaran kepada calon-calon dari Sabah dan Sarawak yang tidak mempunyai kredit dalam Bahasa Malaysia, tetapi memberi syarat-syarat yang lain untuk memasuki maktab perguruan. Mereka perlu memperolehi kredit dalam Bahasa Malaysia dalam masa latihan sebelum mereka boleh dilantik sebagai guru tetap.

(ii) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelas Bahasa Cina memang terdapat dalam jadual waktu utama sekolah.

(iii) Berkaitan dengan bilangan guru-guru Bahasa Cina dari negara-negara asing, Kementerian Pendidikan akan mengkaji cadangan Ahli Yang Berhormat.

(b) Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang sedar bahawa terdapat sekumpulan kecil guru-guru yang bukan beropsyen Bahasa Cina mengajar di sekolah-sekolah SRJK(C). Perkhidmatan mereka adalah sangat diperlukan untuk mengajar mata pelajaran-mata pelajaran bahasa-bahasa lain seperti Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Mulut telah pun sur.tuk.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawatan bagi Pertanyaan No. 5 dan 14 hingga 32 adalah dijilid dalam buku berasingan)

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

Tindakan Kerajaan Negeri Johor Terhadap Penduduk Kampung Restu, Mukim Pogo, Labis, Johor

3.34 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2), ingin saya memberi pemberitahu bahawa saya ingin mendapat izin untuk menangguhkan majlis mesyuarat Dewan Rakyat untuk membincang satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan iaitu masalah tindakan Kerajaan Negeri Johor merobohkan pokok tanaman dan rumah kediaman penduduk Kampung Restu dalam mukim Pogo, Labis tanpa membayar pampasan atau menyediakan tempat tinggal alternatif, dan Usul saya berbunyi:

> "Bahawa di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) Majlis Mesyuarat ini mengizinkan Ahli Parlimen kawasan Kota Melaka Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng membincang masalah 42 keluarga Melayu seramai 500 orang di Kampung Restu dalam mukim Pogo, Labis, Johor yang menghadapai tindakan Pejabat Tanah dan Kerajaan Negeri Johor merobohkan rumah kediaman mereka dan meracuni pokok mereka dengan zalim sekali, yang telah diduduki selama 12 tahun, tanpa bayaran pampasan atau rumah kediaman alternatif kerana ia adalah satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan.

Tuan yang di-Pertua, perkara ini adalah tertentu dan kepentingan orang ramai kerana:

(a) Penduduk seramai 400 orang ini telah menerokai tanah kerajaan selama 12 tahun dan menanam pokok getah, durian dan lain yang kini sudah berbuah dan membawa hasil. Sungguhpun tidak ada bekalan air dan api serta tanpa perkhidmatan telefon, mereka terus gigih berusaha sungguhpun hidup melarat. Malangnya pada 11hb. Oktober 1994 Pejabat Tanah Segamat telah memberikan notis secara am tanpa alamat dan nama dan ditampal ke atas pokok mendesak penduduk berpindah. Tidak ada sebarang pampasan dibayar atau rumah kediaman alternatif yang disediakan.

(b) Pada 1hb. November 1994 bersama dengan 150 angota Polis dan penguatkuasa Pejabat Tanah Segamat, 6 buah rumah telah dirobohkan dan beratus-ratus pokok ditumbangkan serta diracuni dengan begitu kejam sekali sebelum dihalang oleh ADUN Bekuk dari Johor, Yang Berhormat Tuan Pang Hok Leong, dan ADUN Jementah, Yang Berhormat Tuan Ong Beng Seng dari negeri Johor. Yang Berhormat Pang Hok Leong hampir mati digelek oleh sebuah jentolak apabila menghalang tindakan robohkan rumah dijalankan.

(c) Empat buah rumah lagi dirobohkan serta pokok-pokok getah dan durian ditumbangkan

pada 2hb. November 1994 sebelum dihalang oleh dua Wakil Rakyat dari negeri Johor di atas, dan keempat-empat Wakil Rakyat dari Melaka, yakni ADUN Tangkera, Yang Berhormat Tuan Sin Tong Hin, ADUN Kubu, Yang Berhormat Chong Tak Chong, ADUN Durian Daun, Yang Berhormat Tuan Yiew Kok Kee serta saya sendiri.

(d) OCPD Segamat, Encik Mohamad Mokhtar, terpaksa berjumpa dengan pihak kami pada waktu 2.00 petang hari yang sama di dalam Kampung Restu. Di situ, Encik Mohamad Mokhtar telah bersetuju dengan Yang Berhormat Pang Kok Leong dan saya untuk menangguhkan tindakan merobohkan rumah seminggu agar membolehkan penduduk cari tempat kediaman yang lain atau menyediakan tempat menumpang untuk mereka yang tidak ada tempat tinggal. Akan tetapi beliau menegaskan tindakan merobohkan rumah dan pokok-pokok tanaman mestilah diteruskan juga.

(e) Memang menjadi budaya Malaysia bahawa satu tempat kediaman lain dan bayaran pampasan akan diberikan dalam mana-mana tindakan kerajaan memaksa pindah para penduduk, selagi pun penduduk yang terjejas telah menduduki tanah kerajaan secara haram. Biasa pertikaian tertumpu kepada jumlah pampasan yang tidak mencukupi atau keelokan tempat alternatif kediaman rumah yang ditawarkan. Tetapi apa yang berlaku di Kampung Restu ialah tiada bayaran pampasan ditawarkan atau tempat tinggal alternatif disediakan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini perlu disegerakan kerana Yang Berhormat Pang Kok Leong dari kawasan Bekuk, Johor telah berjaya mendapat injunksi dari Mahkamah Tinggi, Melaka menghalang rumah kediaman dirobohkan dan pokok tanaman diracuni oleh Pejabat Tanah. Tetapi injunksi ini telah diketepikan pada 10hb. November. ADUN kawasan Tenang dari Johor dan juga Ahli EXCO Perumahan dan Kerajaan Tempatan Johor, Dato' Bahari Harun telah menyatakan tindakan merobohkan pembangunan akan dilangsungkan minggu ini tanpa sebarang pampasan atau rumah alternatif disediakan.

Perkara ini bukan di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri Johor sahaja, kerana Kerajaan Pusat telah mengeluarkan satu arahan agar bayaran pampasan dan tempat tinggal alternatif disediakan dalam mana-mana operasi memaksa pindah. Justeru itu, adalah diminta Dewan yang mulia ini bolehlah ditangguhkan dengan menghalang baki 30 buah rumah kediaman dan pokok-pokok di Kampung Restu daripada dirobohkan dan ditebangkar dengan keras dan zalim sekali, sehingga rumah kediaman alternatif dapat disediakan dan bayaran pampasan diberikan. Tindakan segera adalah perlu untuk menghalang Kerajaan Negeri Johor dari merobohkan rumah dan meracuni pokok demi menyelamatkan masa depan dan harapan 400 penduduk termiskin. Kalau tidak, kebimbangan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa beliau muda bahawa yang kaya akan menjadi lebih kaya dan yang miskin akan menjadi papa kedana akan menjadi hakikat kepada 400 orang penduduk Kampung Restu. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat Ahli Parlimen dari Kota Melaka pada 15hb. November 1994 jam 9.47 pagi tadi. Teks Usul itu adalah seperti mana yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbangkan oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya selaku Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat. Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu adalah perkara yang tertentu. Syarat yang kedua, ia adalah bagi kepentingan orang ramai dan syarat yang ketiga ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara yang tertentu dan ianya adalah bagi kepentingan orang ramai. Pada fikiran saya perkara ini tidak perlu disegerakan, dengan sebab kerana ia telah pun diputuskan oleh Mahkamah Tinggi yang telah mengenepikan perintah injunction yang menghalang rumah-rumah itu dirobohkan. Tidak seharusnya Dewan ini melibatkan diri dalam perkara yang telah diputuskan oleh mahkamah seperti ini. Lagipun, mereka yang terlibat boleh lagi memanjangkan perkara ini di dalam mahkamah seperti membuat rayuan ke Mahkamah Rayuan. Oleh yang demikian, saya menolak Usul ini.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (No. 2) 1994

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967; Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967; Akta Setem 1949 dan Akta Penggalakan Pelaburan 1986; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1995

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1995

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Rang Undang-undang Perbekalan 1995 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majis:

> Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada Ringgit Malaysia Empat Belas Bilion, Empat

Ratus Dua Juta, Sembilan Ratus Enam Puluh Enam Ribu dan Tujuh Ratus (RM14,402,966,700) di belanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1995, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang di nyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau "P" dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1995 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17 Tahun 1994, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut". *(14hb. November, 1994)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, semalam saya telah menetapkan bahawa Ipoh sudah tamat berucap. Tanjong Karang.

3.43 ptg.

Tuan Saidin @ Yusof bin Adam (Tanjong Karang): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk membahaskan anggaran Belanjawan 1995 yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan pada 28hb. Oktober yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita semua maklum, negara kita telah mengalami kemajuan ekonomi sebanyak lebih daripada 8% setahun bagi tujuh tahun berturut-turut. Ini bermakna sekiranya kita berjaya mengekalkan prestasi yang sedemikian, untuk dua tahun akan datang, kita akan mempunyai pendapatan dua kali ganda daripada yang kita nikmati pada tujuh tahun yang lalu. Ini merupakan satu perkara yang amat dibanggakan dan tidak pernah kita bayangkan selama ini. Segala pencapaian ini bukanlah datang bergolek tanpa diiringi dengan hasil usaha yang seimpal.

Kita semua harus berterima kasih kepada Perdana Menteri kita yang kita sanjungi kerana di bawah kepimpinan beliaulah maka kita dapat merasai kemajuan yang sebegini. Sebelum ini kita tidak pernah bermimpi untuk menjadi negara pembuat kereta, tetapi kita sekarang bukan hanya mampu menjadi negara pembuat kereta, kita mampu menjadi negara pembuat kereta salah satu yang terbaik di pasaran Eropah. Bukan setakat itu sahaja, sekarang ini negara kita telah memasuki era pembuatan kapal terbang dan saya pasti ia juga akan menjadi salah satu yang terbaik di dunia di satu masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya segala kemajuan yang kita nikmati ini juga mempunyai kesan sampingan ke atas masyarakat kita sekarang ini. Kalau dahulu kita tidak pernah mendengar masalah-masalah sosial seperti disiplin di sekolah-sekolah, remaja lepak dan yang terkini merupakan masalah bohsia atau remaja di bawah usia tetapi kini ia merupakan masalah yang perlu kita tangani segera. Kita sering memberi alasan dengan menyalahkan golongan remaja dalam kita menangani masalah sedemikian. Tetapi adakah kita benar-benar mencari punca kesilapan sehingga boleh terjadinya masalah sedemikian?

Mengapa 20, 30 tahun yang lampau, tidak kedengaran masalah sedemikian? Adakah ini kerana remaja sekarang berbeza dengan remaja 20 tahun dahulu? Atau kerana ianya kesan dari kemajuan

negara sehingga permasalahan yang dahulunya hanya kedengaran di negara-negara Barat yang maju kini telah sampai pula ke negara kita. Permasalahan seperti ini perlu ditangani segera sebelum ianya begitu meruncing sehingga tidak terkawal lagi oleh kita.

Tuan Yang di-Pertua, daripada pandangan saya, kebanyakan masalah remaja ini datangnya dari bandar. Di kampung-kampung kita amat jarang mendengar pelajar-pelajar terbabit dalam geng-geng dan kongsi gelap. Kita juga tidak ada mendengar masalah pelajar melepak mungkin kerana tiada kompleks-kompleks membeli-belah atau mungkin kerana banyak lagi perkara yang boleh dibuat oleh mereka selain daripada melepak dan juga kita tidak mendengar masalah bohsia di kalangan remaja di kampung.

Remaja merupakan golongan yang 'confused' atau golongan yang tidak tahu mana yang hendak dituju. Mereka adalah golongan yang sedang berkembang dan sedang mencari identiti mereka sendiri. Sekiranya jalan yang mereka pilih merupakan jalan yang baik, maka mereka akan menjadi manusia yang berguna di masa yang akan datang. Tetapi sekiranya mereka tersalah pilih, mereka akan mendatangkan kesan yang buruk kepada negara. Atas dasar inilah mereka seharusnya dibimbing dan diberi tunjuk ajar dengan sebaik-baiknya demi untuk masa depan mereka khususnya dan masa depan negara amnya. Ibu bapa dan juga orang-orang yang hampir dengan mereka seharusnya memberi bimbingan yang sempurna supaya mereka menjadi manusia yang berguna di kemudian hari.

Seperti yang saya telah katakan tadi, kebanyakan masalah-masalah sosial ini berlaku di bandar. Ini mungkin disebabkan oleh ibu bapa yang terlampau sibuk untuk mengejar kebendaan sehingga mereka terlupa untuk memberi pendidikan moral. Tidaklah saya bermaksud bahawa ibu bapa memestinya mengurangkan keinginan dalam mengejar kemajuan. Tetapi yang saya maksudkan adalah tanggungjawab yang seimbang di antara kerjaya dan keluarga. Kita mungkin merupakan orang yang paling berjaya di kalangan orang di sekeliling kita dari segi kerjaya tetapi sekiranya kejayaan itu disulami dengan kegagalan kita dalam menerajui keluarga maka kita juga termasuk dalam golongan yang gagal.

Ibu bapa tidak seharusnya meletakkan tanggungjawab mendidik anak-anak kepada guru-guru sepenuhnya tetapi seharusnya berkerjasama dengan guru-guru demi untuk menjayakan anak-anak kita. Guru-guru sering dipersalahkan sekiranya anak-anak kita gagal dalam pembelajaran mereka. Tetapi kita perlu tahu, guru-guru hanya boleh mengawal anak-anak kita di waktu persekolahan ataupun di dalam waktu sekolah sahaja dan tidak di waktu lain. Jadi, tidak bolehlah kita meletakkan sepenuh tanggungjawab ke atas guru-guru kerana seperti kita juga bahawa guru juga adalah insan biasa yang mempunyai tanggungjawab lain seperti tanggungjawab ke atas keluarga mereka dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan daripada akhbar *The Malay Mail* bertarikh 4hb. November yang lalu daripada 6,444 orang pelajar daripada Tingkatan I hingga Tingkatan V di Selangor yang dibanci secara rambang, seramai 1,576 orang pelajar atau 24.5% mengaku menyalahgunakan dadah. Kebanyakan daripada mereka ini mengambil ganja. Ini amat memeranjatkan kita semua kerana kita berpendapat bahawa mereka ini merupakan anak-anak kita, tetapi inilah hakikat yang perlu kita akui sekarang.

Kebanyakan yang mengaku ini pula terdiri daripada pelajar-pelajar dari Tingkatan III hingga Tingkatan V, ini merupakan sekiranya kita ketepikan pelajar-pelajar Tingkatan I dan Tingkatan II, maka peratusan penyalahgunaan dadah ini mejadi lebih tinggi lagi. Di manakah silapnya? Adakah disebabkan oleh struktur pembelajaran kita? Atau adakah ini disebabkan oleh faktor-faktor luaran atau mungkin juga merupakan kesilapan struktur persekolahan kita. Walau apa pun puncanya kita perlu mengambil perhatian yang serius supaya kita dapat mengurangkan dan seterusnya menghindarkan perkara-perkara yang tidak diingini ini berulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, persekitaran juga memberi kesan ke atas masalah sosial sebegini. Persekitaran yang terlampau padat, tidak memberi ruang kepada remaja-remaja kita untuk melakukan perkara-perkara yang berfaedah, ini menyebabkan remaja-remaja kita melakukan perkara-perkara yang tidak berfaedah dan seterusnya terbabit dalam masalah-masalah sosial yang melanda negara kita. Terdapat berpuluh-puluh flat yang menempatkan beribu-ribu keluarga di negara ini, tetapi tidak ada yang dapat dilakukan oleh remaja-remaja di situ untuk menghabiskan masa lapang mereka untuk riadhah. Kemungkinan, sekiranya terdapat aktiviti-aktiviti di sekolah, remaja-remaja ini mungkin dapat menghabiskan masa mereka di sekolah, tetapi berapa hari dalam sebulan sekolah dapat digunakan sebagai aktiviti-aktiviti tetap.

Kemungkinan mereka dapat mengadakannya di hari-hari persekolahan, tetapi pada hujung-hujung minggu dan hari-hari cuti, apa yang remaja-remaja ini dapat lakukan? Di kawasan perumahan memang terdapat kawasan-kawasan lapang, tetapi sangat terhad, memang ada dewan tetapi penggunaannya sangat terhad, Jadi, untuk menghilangkan kebosanan mereka, remaja-remaja ini akan berkeliaran di pusat membeli-belah yang terdapat di bandar-bandar pada waktu ini dan apabila mereka mula berjinak membuang masa di sana sini, mereka ini mula terbabit dengan gejala-gejala yang tidak disenangi. Ini semua adalah berpunca terjadinya masalah demikian.

Tuan Yang di-Pertua, memang saya tidak nafikan kerajaan telah mengambil inisiatif yang besar dalam menangani masalah-masalah sosial ini, tetapi masih terdapat lagi cara yang boleh digunakan yang dapat membendung gejala-gejala seperti ini dari terjadi. Kerajaan memang telah menyediakan peruntukan berjuta-juta ringgit untuk projek yang melibatkan remaja. Salah satu daripadanya ialah projek Rakan Muda. Saya ingin bertanya, dalam banyak Program Rakan Muda, mengapa kita tidak mempunyai program yang berasingan untuk hal-hal keagamaan. Daripada pengamatan saya, projek ini merangkumi kesemua aspek kehidupan, tetapi tidak ada mengenai keagamaan.

Isu keagamaan merupakan isu yang penting. Baru-baru ini kita baru sahaja merangani masalah al-Arqam yang mana kebanyakan dari mereka mempunyai pengetahuan agama yang cetek ataupun tidak mempunyai asas agama yang kuat. Sekiranya mereka ini mempunyai asas keagamaan yang kukuh, saya pasti, susah untuk mereka dipengaruhi ke jalan yang salah. Saya pasti dalam menjalankan program keagamaan ini, Pusat Islam, Institut Kefahaman Islam dan juga Majlis-majlis Agama Islam Negeri amat berbesar hati dalam menjalankan program-program

sedemikian. Sebelum kita terpaksa berhadapan dengan masalah-masalah keagamaan yang lebih besar, maka eloklah kita menyediakan remaja-remaja kita dengan asas keagamaan yang kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, dalam akhbar *Mingguan Malaysia* yang bertarikh pada 6 November baru-baru ini, dalam ruangan 'Di Celah-celah Kehidupan' ada diceritakan mengenai masalah seorang ibu yang mana anaknya telah menjadi remaja bohsia sejak berumur 14 tahun lagi. Dalam ruangan ini, ibu ini menceritakan tindakan yang telah diambil untuk menyelamatkan anaknya. Salah satu daripada tindakan yang telah beliau lakukan adalah dengan melaporkan kepada pihak polis dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. Pertama kali beliau melaporkan kepada pihak JAWI, anaknya berjaya ditangkap dan dimasukkan ke Pusat Pemulihan, tetapi malangnya anaknya dapat melarikan diri. Setelah anaknya berjaya dikesan, ibu ini sekali lagi melaporkan ke pihak JAWI, tetapi oleh kerana kerenah birokrasi, maka anaknya tidak ditangkap sehingga ia melahirkan seorang anak. Pemuda yang melarikan anaknya pula merupakan pemuda pendatang dari negara lain, pemuda ini mengaku bahawa mereka telah menikah. Tetapi telah menjadi tanda tanya, bagaimana pernikahan ini boleh dijalankan, sedangkan ia tidak mendapat kelulusan dari ibu bapa.

Ibu ini juga menceritakan bahawa beliau telah melaporkan kepada pihak polis, tetapi malangnya, pihak polis juga tidak berbuat apa-apa, malah pihak polis telah menasihatkan ibu ini supaya mengasihani pemuda yang melarikan anaknya kerana pemuda tersebut hendak mencari rezeki di negara ini. Di sinilah saya ingin tanya, adakah kita mempunyai undang-undang yang melarang anak-anak di bawah 16 tahun keluar negara tanpa kebenaran ibu bapa?

Di sesetengah negara luar seperti Amerika Syarikat, terdapat undang-undang yang menyatakan sekiranya seorang lelaki membawa keluar seorang gadis berumur 16 tahun tanpa mendapat kebenaran daripada ibu bapa gadis tersebut, maka sekiranya dilaporkan lelaki ini boleh dihadapkan atas tuduhan cuba mencolek. Tuduhan ini boleh dikenakan walaupun lelaki ini mendapat persetujuan dari gadis ini untuk keluar bersamanya. Sekiranya kita juga mempunyai undang-undang sedemikian, mengapa pihak polis tidak menggunakan ketika hendak menangkap mereka yang membawa gadis di bawah umur keluar dengan mereka?

Tetapi sekiranya kita tidak mempunyai undang-undang seperti ini, maka saya rasa eloklah kita membuatnya sedemikian untuk mengurangkan masalah sosial di kalangan remaja kita. Masalah remaja bohsia ini seharusnya tidak dipersalahkan kepada pihak perempuan sahaja, tanpa pertolongan atau pengaruh dari pemuda-pemuda, perkara-perkara seperti ini tidak akan berlaku. Kita seharusnya mempunyai undang-undang yang merangkumi kedua-dua belah pihak. Jangan kita hanya membuat undang-undang untuk tidak membenarkan remaja bawah umur keluar lewat malam, tetapi melepaskan sahaja mereka yang mengajak remaja ini keluar malam. Segala bentuk tindakan, sama ada dari segi peraturan ataupun dengan cara lain haruslah merangkumi semua pihak tanpa hanya menyalahi satu pihak sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang ingin saya bincangkan di sini ialah masalah arak. Daripada pengamatan saya, dalam Belanjawan 1994 dan juga Belanjawan 1995 kita tidak langsung menyentuh mengenai arak. Sebagai sebuah negara Islam, kita seharusnya

perlu untuk mengurangkan peminum arak di negara ini. Sekiranya kita begitu berkeras untuk mengurangkan perokok di negara ini, kita juga perlu mencuba untuk mengurangkan peminum arak di negara kita, tetapi daripada perhatian saya, hanya baru-baru ini sahaja kita mempunyai iklan di televisyen yang menunjukkan bahayanya minum arak. Iklan ini pun hanya menunjukkan bahaya memandu ketika mabuk dan bukannya bahaya kepada kesihatan.

Akhbar-akhbar juga langsung tidak pernah memperkatakan sesuatu yang buruk mengenai arak, malah ada akhbar-akhbar seperti *The Leader* yang diedarkan secara percuma, seperti mengagung-agungkan arak. Dengan membiarkan akhbar-akhbar sedemikian rupa ia juga dapat mempengaruhi kanak-kanak ataupun remaja-remaja untuk mencubanya. Remaja dan kanak-kanak merupakan golongan yang rajin mencuba, jadi, apabila mereka melihat dan membaca hampir setiap hari sudah pasti mereka juga ingin mencuba dan meminumnya. Di sini saya ingin menyeru kepada kementerian yang berkenaan agar kita boleh mengawal artikel-artikal mengenai arak agar anak-anak kita tidak terpengaruh dengannya.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat)*

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan, di sini saya ingin mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita kerana membuat satu Belanjawan yang baik, yang dapat dirasai hampir ke semua rakyat. Ini semua adalah rahmat di atas kejayaan kita membangunkan ekonomi negara kita. Tetapi haruslah kita ingat, sekiranya kita hanya berbangga dengan kemajuan yang kita nikmati sekarang, tanpa membimbing remaja-remaja kita ke jalan yang benar, maka kemajuan ini hanyalah akan bersifat sementera. Oleh itu haruslah kita berusaha untuk membimbing dan menjaga remaja-remaja kita supaya mereka juga menjadi manusia yang berguna buat masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sungai Besi.

4.00 ptg.

Tuan Tan Kok Wai (Sungai Besi): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menarik perhatian Dewan ini mengenai satu Guinness Book of World Records yang baru tercetak kelmarin iaitu berlangsungnya satu Beach Buffet yang terpanjang di dunia sejauh 1.4 kilometer di Pulau Pinang yang dirasmikan secara besar-besaran oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri: tetapi sayang, ia bukan sahaja tercetak sebagai buffet yang terpanjang di dunia tetapi juga tercatat sebagai buffet di mana orang ramai berlapar tidak dapat makan.

Timbalan Perdana Menteri mungkin tidak sedar apa yang berlaku di belakang kerana beliau dan VIP disajikan dengan hidangan yang lazat seperti orang-orang tua kata, "Emak mertua lalu di hadapan pun tak nampak kerana asyik menikmati makanan yang lazat". Apa yang berlaku, Tuan Yang di-Pertua, majlis buffet itu menjadi cacat kerana ramai peserta tidak dapat makanan. Tiket dijual agak mahal

Setiap orang membayar RM35.00. Mereka melaparkan perut semata-mata datang hendak menikmati makanan tetapi sampai di situ tidak ada makanan. Gambar peserta tunjuk pinggan mangkuk kosong pun boleh dilihat dalam akhbar. Saya hendak tanya, apakah sudah jadi dengan majlis buffet terpanjang di dunia ini yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang? Tidakkah ini memalukan orang ramai yang terpaksa membayar mahal tetapi tidak dapat makanan? Bagaimana satu Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh manage satu state, satu negeri jika satu majlis buffet pun tidak boleh manage? Buffet ini seperti kata orang ramai, bukan sahaja terbesar dan terpanjang tetapi mencatatkan satu penipuan terbesar juga.

Saya mahu Ketua dan Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr. Koh Tsu Koon dan Dato' Dr. Ibrahim Saad bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kejadian ini. Kejadian beribu-ribu orang ramai dan peserta tidak dapat makanan dan pulang dengan perut kosong. Ia bukan sahaja merosakkan nama Pulau Pinang tetapi nama Timbalan Perdana Menteri kerana beliau yang merasmikannya. Saya mahu supaya satu siasatan sepenuhnya dijalankan bagaimanakah kejadian orang ramai dan peserta tertipu ini berlaku dalam majlis buffet anjuran Kerajaan Negeri? Jangan hendak tutup kelemahan sendiri. Tidak mampu mengurus buffet besar-besaran. Jika tidak mampu buat, jangan buat.

Siasatan patut dibuat untuk mengetahui sama ada terdapat penyelewengan dan penipuan atau tidak dalam majlis ini. Macam mana satu Kerajaan Negeri tidak dapat mengesan penipuan jika memang ada penipuan berlaku dalam buffet ini. Saya ingin menggesa parti GERAKAN dan UMNO Negeri Pulau Pinang supaya memulangkan semula wang yang dibayar oleh peserta sepenuhnya kerana peristiwa ini jelas menunjukkan mungkir janji Kerajaan Negeri sebagai penganjur buffet. Kutip duit rakyat tetapi tidak bagi makan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Belanjawan yang baru lalu, Timbalan Perdana Menteri berkata bahawa program penswastaan berjaya mengurangkan bebanan kewangan kerajaan sehingga peringkat yang lebih luas. Pada hari ini, saya ingin bercakap mengenai Program Penswastaan 11 hospital kerajaan di seluruh negara. Sejak awal tahun ini, apabila kerajaan berkata mahu menswastakan perkhidmatan hospital, rakyat dari golongan rendah dan menengah sudah menunjukkan kebimbangan mereka kerana apabila Institut Jantung Negara diswastakan, ia sudah menjadi satu masalah besar kepada pesakit jantung. Bukan semua rakyat mampu membiayai kos rawatan perubatan dan pembedahan apabila perkhidmatan ini diswastakan. Bagi yang tidak mampu, mereka tidak ada jalan lain kecuali terpaksa meminjam atau membiayai kos rawatan.

Sungguhpun kerajaan berkata bahawa mereka sentiasa membantu golongan miskin dan yang tidak mampu tetapi hakikat yang berlaku ialah setiap hari, akhbar-akhbar di negara kita melaporkan berita pesakit merayu bantuan derma orang ramai bagi membolehkan mereka menjalani rawatan dan pembedahan misalnya pesakit jantung, buah pinggang dan berbagai lagi. Saya merasa sangat bimbang apabila Hospital Kuala Lumpur diswastakan sepenuhnya, di dada-dada akhbar akan termuat berita rakyat merayu bantuan derma untuk mengubati penyakit.

Saya ingin menegaskan bahawa sesetengah program penswastaan, sebaik sahaja diswastakan, tidak dapat tidak fee perkhidmatan terpaksa dinaikkan. Jika tidak, siapakah yang mahu menjalankan perniagaan tanpa mencari keuntungan?

Saya ingin bertanya kerajaan, bagaimana kerajaan boleh memastikan dengan penswastaan Hospital Kuala Lumpur, rawatan asas yang adil dapat diagihkan kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana yang selama ini bergantung kepada perkhidmatan hospital untuk mendapatkan perkhidmatan rawatan lanjutan selepas pembedahan. Rawatan lanjutan biasanya memerlukan banyak wang jika mereka mendapatkan perkhidmatan klinik dan hospital swasta. Bagaimana golongan pesara dan orang-orang tua yang uzur mampu membayarnya? Saya ingin menimbulkan satu soalan. Jika kerajaan mahu menswastakan hospital, bagaimanakah kerajaan boleh menyediakan program penjagaan kesihatan yang mampu dibiayai oleh rakyat? Jika penswastaan pada satu tahap tertentu sahaja, bagaimanakah ia boleh menjamin kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan kepada rakyat sedangkan matlamat penswastaan ialah untuk mencari keuntungan?

Adakah pengusaha swasta bersedia membeli peralatan yang baru dan terkini yang sangat mahal harganya sungguhpun mereka sanggup membeli hi-tech life saving equipment, dengan izin, yang sangat mahal harganya? Adakah mereka sedia membelanjakan wang tanpa mengambil langkah menaikan caj perkhidmatan? Saya rasa mustahil dan tidak masuk akal jika mereka tidak bertindak demikian. Jadi, besar kemungkinan mereka terpaksa menaikkan caj rawatan. Banyak kemusykilan timbul. Bagaimanakah aspek penjagaan kesihatan dan perubatan rakyat dapat disediakan tanpa memaksa mereka memikul bebanan kenaikan kos yang tinggi?

Saya mahu menegaskan di sini bahawa adalah menjadi tugas dan tanggungjawab sosial kerajaan menyediakan penjagaan kesihatan terbaik bagi rakyatnya. Sungguhpun kerajaan menyediakan peruntukan yang besar bagi kesihatan rakyat, misalnya dalam tahun 1994 sebanyak RM2 bilion dibelanjakan tetapi ini adalah perlu kerana 'rakyat sihat negara maju'. Negara Malaysia masih belum sampai ke tahap negara maju. Belum masanya lagi bagi aspek penjagaan kesihatan rakyat diswastakan. KNK negara kita masih ketinggalan berbanding dengan negara-negara naga kecil Asia seperti Taiwan, Korea Selatan, Hong Kong dan Singapura. Sungguhpun Malaysia tidak ketinggalan jauh ke belakang tetapi terdapat rangkaian perkhidmatan hospital swasta yang sudah berjalan. Namun, janganlah pula lupa bahawa hospital ini adalah untuk golongan kaya sahaja. Bagi golongan miskin dan sederhana, iaitu pekerja bergaji kecil, mereka bergantung sepenuhnya kepada hospital kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penswastaan Hospital Kuala Lumpur, projek ini sepatutnya diwujudkan ketelusan dan accountability. Sebagaimana yang didedahkan oleh Ketua Pembangkang pada 31hb. Oktober, sebuah syarikat bernama Tunas Watan telah mencadangkan kepada kerajaan supaya melaksanakan penswastaan dan pengagihan kerja Hospital Kuala Lumpur dan kerajaan diminta menyediakan tiga bidang tanah untuk Tunas Watan bagi

membangunkan kempleks komersil yang lumayan. Ini termasuk mengambil 80% atau 82.2 ekar tapak Hospital Kuala Lumpur sekarang, 40 ekar hospital lama Bangsar dan 453 ekar tanah Kerajaan Negeri di Sungai Buloh. Sebagai tambahan, Tunas Watan juga meminta geran pinjaman faedah rendah dan pembinaan Hospital Selayang Baru dan Ampang berjumlah RM1,400 juta. Saya ingin menimbulkan di sini, adakah kerajaan bercadang untuk menawarkan tender terbuka kerana kebanyakan projek penswastaan yang lalu, yang melibatkan kos yang sangat besar dibuat secara terus tanpa tender terbuka seperti Projek Empangan Bakun, Indah Water Consortium, Laluan Kedua Tambak Johor dan sebagainya. Jika tidak, mengapa?

Saya ingin mengkritik kerajaan kerana cadangan menswastakan Pusat Haemodialysis di hospital kerajaan. Pada tahun hadapan, para pesakit buah pinggang akan berdepan dengan situasi yang lebih teruk lagi. Kebanyakan mereka tidak lagi bekerja selepas menderita sakit. Tidak kurang juga yang menjadi breadwinner kepada keluarga.

Jika pesakit terpaksa dirawat dua atau tiga kali dalam seminggu, caj rawatan menjadi bertambah mahal. Jika pusat haemodialysis ini diswastakan, dengan apakah yang dapat mereka bayar sedangkan tidak ada sumber pendapatan lagi. Langkah penswastaan pusat haemodialysis ini seumpama mendenda para pesakit buah pinggang.

Belanjawan yang dibentangkan baru-baru ini bukan merupakan berita gembira bagi para pesakit buah pinggang. Tidak ada insentif selain cadangan membenarkan 10% caruman KWSP untuk membiayai kos perubatan. Apa akan jadi sekiranya kos rawatan lebih mahal dari jumlah wang yang dapat dikeluarkan dari akaun KWSP? Apakah yang dapat digunakan caruman RM2000 jika bil perubatan sampai RM10,000 atau RM15,000? Sepatutnya, apa yang perlu dilakukan ialah kerajaan hendaklah mengecualikan duti import ke atas mesin haemodialysis dan ubat-ubatan kerana harganya sangat mahal sekarang. Jika duti tidak dihapuskan, tidakkah penswastaan nanti akan menjadikan pesakit lebih menderita?

Saya ingin menyeru kerajaan supaya membatalkan konsep dan rancangan penswastaan hospital jika ia benar-benar ikhlas hendak mewujudkan masyarakat penyayang. Sungguhpun pendapatan perkapita sudah naik, tetapi ia diserap oleh kos sara hidup yang tinggi, termasuk kos ubat-ubatan dan rawatan. Apa yang patut kerajaan lakukan sekarang ialah menyediakan program penjagaan kesihatan rakyat atau national health care supaya ia tidak membebankan rakyat di samping menyediakan penjagaan kesihatan yang berkualiti.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah program perumahan kos rendah yang diumumkan oleh Menteri Kewangan dalam Belanjawan, jumlah keseluruhan peruntukan bagi program ini ialah RM2.6 bilion. Di sini saya mengalu-alukan peruntukan untuk golongan termiskin, tetapi saya bimbang sejauh mana program ini boleh berjaya dilaksanakan sedangkan selama ini ia suatu kegagalan seperti projek khas perumahan kos rendah. Matlamat projek tersebut ialah untuk membina 280,000 unit rumah kos rendah dan sederhana bagi tahun 1986 hingga 1989 dan terpaksa dilanjutkan lagi sehingga 1995 kerana kegagalan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sendiri berkata, beliau kecewa dengan hasil pencapaian pembinaan rumah kos rendah. Saya ingin menarik perhatian kerajaan bahawa sungguhpun pada dekad lalu, banyak perbandaran baru diwujudkan, tetapi ia masih belum memuaskan kerana permintaan untuk rumah semakin bertambah. Skim perumahan baru sangat laris seperti goreng pisang panas. Sekarang rumah semakin susah untuk dibeli oleh golongan berpendapatan rendah dan sederhana, terutama mereka yang tinggal di Lembah Kelang dan bandar-bandar lain.

Bagi yang berpendapatan RM1000 ke RM2000, sangat susah untuk membeli rumah yang berharga antara RM25.000 ke RM50,000 yang terletak dalam bandar. Yang bernasib baik pun barangkali jika ada projek yang menawarkan rumah kos rendah untuk golongan setinggan, apabila tapak tanah mereka diambil bagi projek perumahan. Selain dari itu, sangat sukar mendapatkannya.

Prestasi kerajaan yang merosot ini membuktikan bahawa kerajaan tidak ikhlas atau tidak benar-benar ingin membantu golongan yang tidak bernasib baik. Walaupun terdapat unit rumah untuk disewa bagi golongan berpendapatan RM500 dan ke bawah, bagaimana pula mereka yang berpendapatan antara RM500 hingga RM2,000? Adakah mereka mampu membeli rumah yang mahal? Saya ingin mengingatkan kerajaan bahawa lebih separuh penduduk Malaysia terdiri dari golongan berpendapatan rendah.

Satu lagi petanda yang mengecewakan ialah semain ramai golongan berpendapatan rendah memerlukan rumah, dalam masa yang sama, semakin banyak pula kondominium dibina! Tidakkah pelik, semakin banyak permintaan untuk rumah kos rendah, semakin banyak kondo dibina! Memikirkan bahawa mereka mungkin ketinggalan, maka para maju berlumba-lumba membina kondominium kerana lebih menguntungkan, lantas melupakan untuk membina rumah kos rendah dan sederhana.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila gulung, Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Ya, saya akan gulung. Kerajaan patut campur tangan. Jika tidak, pemaju akan terus-menerus membina rumah yang mahal sahaja. Saya mengalu-alukan langkah kerajaan hendak menubuhkan Lembaga Perumahan Negara yang akan menekankan pembinaan rumah untuk semua golongan rakyat. Cadangan ini pada asalnya dibangkitkan oleh DAP dalam Dewan ini sejak sedekad yang lalu dan kami gembira kerana kerajaan pada akhirnya telah mengikuti cadangan kami sebagai yang terbaik untuk menyelesaikan masalah perumahan negara.

Dalam hubungan ini, saya berharap Lembaga ini akan segera ditubuhkan dan berkongsi untuk mencari jalan bagi menyediakan rumah yang berkualiti dan mampu dibeli oleh golongan miskin, terutama golongan miskin bandar.

Saya juga berharap Lembaga patut mencari jalan mengurangkan karenah dalam penukaran syarat tanah supaya para pemaju tidak menjadikan ini sebagai alasan untuk melengahkan pembinaan rumah untuk golongan miskin ataupun menyalahkan kerugian yang dialami jika membina projek perumahan kos rendah.

Lembaga juga patut menurunkan kadar bayaran pendahuluan atau down payment dari 10% ke 5% kerana kadar ini sangat tinggi dan di luar kemampuan para pembeli. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Muar.

4.16 ptg.

Tuan Abdul Malek Munip (Muar): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya mengucapkan. Pertamanya saya ingin memulakan dengan menyatakan sokongan saya sepenuhnya ke atas cadangan Belanjawan ini dan sekali gus merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kita yang mempunyai kebijaksanaan dan visi, bahkan dari satu segi, keboleh-an yang agak luar biasa menawarkan satu Belanjawan yang merupakan perancangan pembangunan bangsa yang amat menyeluruh, menyentuh dan mengambil kira setiap aspek penting kehidupan masyarakat kebangsaan kita dengan menggalak pembangunan yang pesat di samping berupaya pula meringankan beban kehidupan rakyat jelata.

Barangkali sifat kesempurnaan yang terdapat dalam persembahan Belanjawan ini dapat diiktibarkan dari hakikat bahawa pihak Pembangkang yang begitu nyaring dalam kritikan-kritikan sampingan, tetapi mereka gagal dan tidak berupaya memberikan cadangan dan alternatif yang konkrit kepada mana-mana aspek penting cadangan Belanjawan ini. Apa yang sering diketengahkan oleh pihak Pembangkang ialah masalah demokrasi yang kononnya tidak demokratik dan lazimnya seperti dalam minggu yang lepas, mengambil contoh demokrasi ala-Amerika yang dianggap tulen ataupun masalah penyelewengan, khususnya penyelewengan ekonomi.

Di sini saya rasa ada eloknya kita menyoalkan kenapa Amerika sering dijadikan rujukan? Amerika yang letaknya lebih 10,000 batu jauhnya dari Malaysia? Kenapa tidak dibandingkan dengan negara-negara di persekitaran rantau kita? Negara-negara yang mempunyai permasalahan yang hampir serupa dengan kita? Adakah demokrasi di Malaysia jauh berkurangan jika dibandingkan, katakan, demokrasi yang terdapat di Singapura, di Indonesia atau di Burma, bahkan di Filipina sekali pun? Adakah kita harus mengikut demokrasi ala-Amerika di mana atas nama hak sama rata, golongan yang kaya dan kuat boleh menindas golongan yang lemah dan miskin?

Atau atas nama demokrasi, seluruh masyarakat bumiputera yang dalam abad yang lalu berjumlah belasan juta orang dinafikan hak dan tradisinya dibuminya sendiri menjadi masyarakat yang tersisih dan terpinggir. Adakah ini yang menjadi cita-cita terpendam pihak Pembangkang? Adakah surat khabar dan media massa kita juga terkongkong? Apakah tidak terdapat akhbar-akhbar yang secara bebas seperti *Harakah* atau *Suara DAP* yang dengan lantang membidas kerajaan sepanjang waktu?

Adakah salah kerajaan kalau akhbar-akhbar ini kurang diminati rakyat? Adakah undang-undang kita mengongkong dan tidak demokratik? Adakah undang-undang yang diluluskan oleh suara terbanyak harus tunduk kepada kemahuan suara minoriti yang diwakili oleh pihak Pembangkang?

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya ada berpuluh-puluh soalan lain yang dapat kita tanyakan. Namun dalam masa yang terhad, tambahan pula berucap di hari-hari terakhir ini, saya ingin memberi fokus secara umum kepada beberapa aspek yang belum disentuh lagi.

Kita katakan tadi bahawa Belanjawan negara tahun 1995 ini mempamerkan sifat kesempurnaan yang dari satu segi agak luar biasa, iaitu apabila dilihat dari strategi berkesan menggalak pembangunan, tetapi dalam masa yang sama, berupaya membendung inflasi, iaitu satu strategi yang hampir tidak pernah berjaya dilakukan walaupun di negara-negara yang dianggap maju di dunia yang dikatakan mempunyai kepakaran ekonomi yang tidak ada taranya itu.

Dalam banyak hal keupayaan Kerajaan Barisan Nasional menawarkan kepada Parlimen yang mulia ini satu belanjawan negara yang begitu sempurna sifatnya. Sebahagian besarnya dimungkinkan oleh konsep kemakmuran negara yang telah dicapai dan dinikmati selama ini iaitu satu tahap pencapaian perkembangan ekonomi yang membanggakan tahun demi tahun sekalipun dibandingkan dengan mana-mana negara di dunia. Gambarkanlah kalau beberapa tahun yang silam, masalah pengangguran yang dialami oleh lebih 45,000 lulusan universiti yang bererti lebih 45.000 keluarga yang berselerak di seluruh negara terutama di luar bandar yang telah menghadapi rasa kehampaan dari kegagalan anak-anak muda mereka yang berkelulusan untuk mendapat pekerjaan. Ini telah menjadi masalah yang amat mencabar sekali memungkinkan munculnya "a sense of national dissolutionment" (rasa kehampaan nasional) kehancuran keyakinan terhadap pendidikan sebagai alat pembangunan negara. Dan kalau ini berlaku, maka seperti kata laporan Bangsa-bangsa Bersatu pembangunan negara akan hanya tinggal menjadi satu impian kosong semata-mata. Tetapi alhamdulillah berkat kebijaksanaan kepimpinan Barisan Nasional, senario yang amat menakutkan ini telah berubah sama sekali dari senario yang kelam dan pesimistik kepada senario yang cerah dan optimistik. Membina keyakinan bangsa untuk menghadapi cabaran hari muka.

Apabila saranan pucuk kepimpinan kita Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamed, saranan Wawasan 2020 dilaungkan, ianya bukan sekadar memberikan matlamat dan jadual pencapaian kemajuan bangsa tetapi lebih dari itu. Ianya dijadikan salah satu asas untuk memulihkan dan memperteguh psikologi bangsa, membina "a sense of national purpose" yang boleh membendung jiwa setiap rakyat Malaysia ke arah pencapaian kemajuan bangsa.

Sesungguhnya seperti yang dikatakan oleh hampir semua penuntut sejarah (students of history), bahawa "a sense of national purpose" adalah pendorong utama dalam kebangkitan sesuatu bangsa. Inilah asas yang membolehkan Jamal Nasser membawa revolusi di Mesir. Nehru membawa kemerdekaan di India atau Sukarno menghancurkan kolonialisme di Indonesia. Bahkan "a sense of national purpose"lah yang telah menjadi faktor utama membangkitkan ekonomi Jerman atau Jepun selepas perang. Kesedaran tentang perlunya mewujudkan "a sense of national purpose" inilah barangkali yang telah menyebabkan setengah negara-negara membangun sekarang ini mencipta slogan-slogan pembangunan masing-masing seolah-olah mengambil ikhtibar daripada apa yang berlaku di negara kita.

Namun demikian, "a sense of national purpose" tanpa dilengkapi oleh satu perancangan yang teratur dan pelaksanaannya yang berkesan tidak akan

membawa kita ke mana-mana. Oleh kerana itulah kita mengucap syukur ke hadrat Ilahi dan merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada pucuk kepimpinan yang mempunyai kebijaksanaan menerokai dasar ekonomi negara yang leberal tetapi berancang. Penswastaan dan pendekatan korporat dan paling istimewa sekali mempelopori kegiatan-kegiatan dasar luar negara yang tidak lagi semata-mata ditentukan oleh perhitungan politik tetapi mulai diadunkan dengan perhitungan keperluan ekonomi negara yang pesat membangun.

Semuanya ini melambangkan kepekaan pucuk kepimpinan mengendalikan hal ehwal negara dalam arus proses globalisasi atau persejagatan umat manusia menjelang akhir Abad 20 ini. Maka dalam proses globalisasi ini, iaitu proses yang pernah diungkapkan oleh datuk nenek kita sebagai dunia yang bertambah kecil, kita tidak boleh membiarkan diri kita tersepit dan survival kita terancam. Survival kita sebagai kita, kita sebagai rakyat dan bangsa Malaysia yang berperibadi.

Perkembangan internasionalisme bukan alasan dan bukan sebab yang boleh menghancurkan sifat nasional kita. Kepada kita globalisasi persejagatan atau internationalisation bukan bererti proses Americanisation atau proses mengAmerikakan dunia seperti yang pernah dimimpikan oleh guru pertama globalisasi McLoohan atau membaratkan atau mengEropahkan dunia. Maka dalam apa yang diistilahkan sebagai global village (perkampungan sejagat) setiap kampung atau negara berhak untuk maju dan wujud sebagai negara yang tersendiri dengan cara hidup dan nilai kemurniaannya yang unik menyumbang kepada kegiatan khazanah tamadun umat manusia yang beranika ragam.

Soalnya, adakah kita harus takut dan lari dari proses persejagatan ini? Jawabnya sekali-kali tidak. Bahkan kita wajib terlibat di dalamnya, memeriahkan dan menyumbang kemampuan kita ke arah kemakmuran umat manusia. Kita perlu insaf bahawa proses persejagatan bukanlah sesuatu yang baru bagi kita. Dalam sejarah kita, dalam sejarah bangsa-bangsa di Asia persejagatan adalah suatu yang natural, suatu yang lumrah di kalangan kita. Melalui pertembungan Barat dan Timur umpamanya, kita telah dapat memafaatkannya untuk kemajuan ekonomi dan tamadun kita, memungkinkan kemunculan empayar dan tamadun maritim dan perluasan Islam.

Begitu juga di tempat-tempat lain seperti Jepun atau China, kenal kepada falsafah Buddhisme atau Islam sekalipun, bahkan teknologi Timur sendiri seperti dalam peralatan senjata api dapat dinikmati oleh Barat. Hanya dalam beberapa abad kebelakangan sahaja, apabila proses persejagatan itu semacam tergendala apabila ketamakan Barat telah mengongkong kita, mewujudkan kolonialisme yang menjadikan tembok pemisahan di antara kita, Hinggalah sejarah kita, sejarah bangsa-bangsa di Asia mulai digambarkan sebagai extension (lanjutan) daripada sejarah Eropah itu sendiri. Gambaran sejarah yang membelenggu pemikiran kita menjadikan kita seperti katak di bawah tempurung.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita berada di akhir Abad 20. Kita telah merdeka dan dewasa dan alhamdulillah mempunyai seorang pemimpin yang amat peka dengan keadaan yang disebutkan tadi. Baru-baru ini umpamanya, dalam usaha Yang Berhormat Perdana Menteri kita mewujudkan kerjasama ekonomi

serantau melalui EAEC, beliau telah membuat satu peringatan yang saya kira amat mendalam ertinya iaitu apabila beliau meminta Jepun supaya ingat kepada akarnya. Beliau meminta Jepun ingat bahawa ia adalah sebahagian dari Asia iaitu memandangkan bahawa terdapat kewaspadaan dan keengganan di setengah-setengah pihak di negara itu untuk menyokong EAEC, mereka khuatir kepada sikap dan reaksi Amerika Syarikat atau Barat. Soalnya ialah apakah Amerika Syarikat pernah memikirkan dan mengambil peduli pendapat dan sikap Asia ketika mengenengahkan rancangan NAFTA atau adakah Eropah pernah mengambil kira pandangan Asia ketika menubuhkan EC?

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks seperti ini iaitu dalam rangka kepimpinan negara berusaha bertungkus-lumus mempertingkat kemajuan negara dan terpaksa menghadapai rintangan asing, saya rasa kecewa tidak ada satu suara pun dari pihak Pembangkang yang bangun menyokong negaranya sendiri di samping turut mempamerkan sikap penentangan kepada kuasa-kuasa asing yang cuba menghalang usaha negaranya sendiri. Menyokong kepimpinan negara dalam saat seperti ini tidak akan mengurangkan martabat atau kredibiliti pihak Pembangkang, bahkan mencerminkan sikap mereka sebagai Pembangkang yang bertanggungjawab atau mungkinkah istilah sikap bertanggungjawab itu adalah sesuatu yang asing kepada pihak Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk secara khusus tentang cabaran-cabaran yang mesti ditangani di hadapan kita. Pertamanya, dalam proses globalisasi ini suatu bidang yang sangat penting ialah bidang maklumat. Bahkan bagi setengah-setengah orang menggunakan istilah 'zaman maklumat' atau 'information age' yang terangkum di dalamnya bidang-bidang khusus seperti media cetak, elektronik yang tampak (visual) dan telekomunikasi. Pernah dikatakan bahawa dalam zaman sekarang pengetahuan atau maklumat adalah kuasa (knowledge is power) dan barang siapa menguasai maklumat dialah yang akhirnya berkuasa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, minta gulung.

Tuan Abdul Malek bin Munip: Oleh kerana itu saya ingin bertanya kepada kementerian-kementerian yang berkenaan, apakah rancangan-rancangan yang telah diterokai untuk memantapkan pertumbuhan industri maklumat itu iaitu sama ada dalam jangka pendek dan jangka panjang.

Khusus kepada Kementerian Penerangan pula, saya ingin bertanya sama ada kementerian mempunyai visi untuk mewujudkan suatu Rangkaian Berita Asia (Asia News Network) supaya gambaran maklumat mengenai Asia agak lebih tepat dan lebih mencerminkan aspirasi rakyat Asia. Kita mesti sedar bahawa setiap maklumat yang sampai kepada kita itu lazimnya telah diproses terlebih dahulu dan oleh kerana itu saya ingin bertanya adakah kita mempunyai rancangan jangka panjang untuk menjadikan Kuala Lumpur umpamanya Pusat Maklumat Asia? Adakah kita mempunyai rancangan melatih orang-orang kita menguasai bidang maklumat terutama dalam pengendalian berita yang akan mempengaruhi pembaca-pembaca bukan sekadar di negara kita, tetapi juga antarabangsa . . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Abdul Malek Munip: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi contoh konkrit bagaimana dalam bidang maklumat cetak kita secara halus boleh terpengaruh dengan gambaran yang amat berat sebelah. Ambil misalnya majalah *Asia Magazine* atau *Majalah Asia* yang kita terima secara percuma tiap-tiap minggu. Namanya *Majalah Asia* tetapi yang termuat di dalamnya biasanya mengenai segelintir masyarakat berbahasa Inggeris 'Anglophile' yang terdapat di kota-kota kosmopolitan seperti Singapura, Hong Kong atau Manila. Tentunya gambaran manusia ini, masyarakat marginal di Asia tidak dapat memberi gambaran yang seimbang mengenai Asia yang amat luas. Kita tidak tahu mengenai 95% jutaan umat China, jutaan umat India atau jutaan umat Asia Tenggara yang masih utuh dengan sifat Asianya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Abdul Malek Munip: Keduanya, saya ingin menyentuh bidang penyiaran T.V. – satu 'media tampak' yang amat berpengaruh . . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Abdul Malek Munip: Tidak apa, saya akan habiskan, insya-Allah. Satu lagi.

Saya ingin bertanya sama ada Kementerian mempunyai dasar yang khas mengenai 'imej' atau memelihara imej yang positif kepada rakyat Malaysia.

Kita akur bahawa sebagai satu industri, perhitungan komersil sangat penting, tetapi sebagai satu alat rasmi maklumat dan pendidikan, perhitungan keperibadian bangsa tidak boleh diabaikan. Dalam penggunaan bahasa umpamanya, saya kira sudah sampai waktunya kita secara 'tampak' mempertingkat martabat bahawa nasional kita. Program-program yang canggih atau iklan-iklan yang canggih seharusnya dikendalikan dalam bahasa nasional kita dan bukan sekadar dalam huruf-huruf terjemahannya sahaja.

Dalam rancangan drama atau interview seharusnya terdapat usaha sungguh-sungguh menggunakan bahasa nasional kita yang elok. Kita tidak boleh menggunakan alasan komersil atau 'realism' untuk mengkhianati penggunaan bahasa kita dan kita seharusnya mempamerkan golongan pemimpin-pemimpin korporat dan profesional . . . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Abdul Malek Munip: . . . . . dan para ilmuan yang bersikap bangga menggunakan dan menguasai bahasa nasional kita dengan baik dan bukan dengan sengaja 'mencelang belur', 'intersperse' bahasa nasional dengan bahasa Inggeris kononnya sebagai lambang manusia yang berpendidikan tinggi.

Yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak menyentuh tentang pendidikan, satu sahaja lagi – last.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah habis.

Tuan Abdul Malek Munip: Saya ingin mengesyorkan bahawa kalau dapat kita mengambil iktibar dari perkembangan pendidikan di Singapura di mana masalah keciciran telah dapat diatasi, iaitu apabila sistem pendidikannya menggolongkan murid-murid kepada murid-murid yang 'fast learners' dengan 'slow learners'. Setiap murid-murid, diizinkan belajar mengikut dia punya individual stage, tidak mesti dipaksa naik tingkat ke tingkat dan sebagainya. Ini membolehkan setiap tenaga manusia itu dipergunakan dengan sepenuhnya. Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Padas.

4.34 ptg.

Tuan Radin Maleh (Padas): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana diberi peluang untuk turut membahaskan Belanjawan tahun 1995.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa Belanjawan kali ini menunjukkan banyak memberi manfaat kepada rakyat jelata sama ada di bandar mahupun di desa. Ini memandangkan bahawa strategi dan tujuan matlamatnya pada keseluruhannya ialah untuk menghasilkan pertumbuhan yang kukuh dan mampan di samping mengawal inflasi pada kadar yang terendah. Ianya juga bertujuan untuk membangun sumber daya manusia yang berketrampilan dan membentuk masyarakat progresif dan seimbang. Inilah hasrat Belanjawan 1995 yang terpaksi kepada pembangunan insan seutuhnya.

Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa kita merasa lega sedikit apabila mendengar dan seterusnya membaca intisari Belanjawan tersebut kerana ianya mendasari program untuk kedamaian keluarga dan juga penyertaan remaja. Kendati pun kita bimbang bahawa ianya hanya 'indah khabar dari rupa' sahaja, kerana apa yang lebih penting ialah keberkesanannya kepada rakyat jelata terutama sekali mereka yang betul-betul memerlukannya. Dalam lain perkataan, ianya mestilah tetap sampai kepada kumpulan sasar.

Tidak dapat dinafikan bahawa Belanjawan demi Belanjawan, rancangan demi rancangan dan kini kita sudah sampai kepada Rancangan Malaysia Ketujuh, namun sebilangan besar daripada rakyat kita terutama sekali daripada mereka yang tinggal di desa mahupun di luar bandar belum pun dapat mengecapi hasil kemerdekaan kita yang diharap-harapkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini kita menyeru kepada Kerajaan Persekutuan, supaya betul-betul peka dan prihatin terhadap keluhan dan rintihan penduduk-penduduk desa dan kampung yang sentiasa dahagakan pembangunan insan dan juga kemudahan-kemudahan asas disampaikan dan dilaksanakan di tempat-tempat meraka. Selain daripada meningkatkan hasil pendapatan mereka ianya bertujuan untuk memperbaiki kedudukan ekonomi penduduk-penduduk luar bandar.

Saya berharap supaya pembangunan infrastruktur, seperti jalan raya, bekalan elektrik, bekalan air di samping menambahkan dan juga memperbaiki kemudahan-kemudahan asas seperti pembangunan sekolah dan juga klinik-klinik. Tuan Yang di-Pertua, saya membawa perkara ini kerana di Sabah masih lagi kekurangan daripada kemudahan-kemudahan asas ini terutama sekali mereka yang tinggal didesa dan luar bandar.

Sekarang ini Barisan Nasional yang diterajui oleh UMNO berjaya merampas tampuk Kerajaan Negeri Sabah, sungguhpun mereka kalah di pilihan raya yang lalu di Sabah dengan menggunakan berbagai tipu muslihat seperti menggunakan 'phantom voters', wang ringgit dan juga menyalahgunakan media massa seperti RTM. Maka kita berharap semua janji-janji pilihan raya telah disaksikan oleh rakyat Malaysia sendiri akan tetap ditunaikan. Janji-janji seperti menghapuskan kemiskinan dan memberi tiap-tiap warganegara Malaysia di Sabah sebuah rumah menjelang tahun 2000 haruslah ditepati. Peruntukan-peruntukan seperti yang dijanjikan oleh Timbalan Perdana Menteri seperti RM500 juta, RM332 juta untuk mengemaskinikan Sabah Electric Board dan RM30 juta bagi sekolah-sekolah Cina di Sabah harus juga ditunaikan secepat mungkin. Kerana di dalam kempen pilihan raya yang lalu

Timbalan Perdana Menteri bertempat di Sekolah Menengah Kian Kok, Kota Kinabalu berjanji untuk memberi peruntukan RM30 juta kepada sekolah-sekolah Cina di Sabah, dan akan mengeluarkan cash money dalam tempoh 7 hari apabila Barisan Nasional memerintah kelak. Kini tempoh tersebut sudah pun melebihi 7 bulan namun masyarakat Cina di Sabah belum pun nampak cash money yang dijanjikan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya membawa perkara ini sejajar dengan konsep dan slogan Barisan Nasional semasa pilihan raya yang lalu di Sabah, bahawa mereka mahukan Sabah Baru. Sabah Baru dikatakan akan membawa kehidupan yang lebih bererti kerana kemudahan-kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan elektrik, bekalan air, sekolah-sekolah hospital-hospital dan lain-lain lagi akan diadakan. Janji-janji ini tidak dapat dilupakan kerana ianya sentiasa berkumandang ke udara melalui RTM mulai 7hb. hingga 17hb. Februari, 1994 yang lalu. Ianya dikuatkan melalui oleh lakonan-lakonan oleh para pelakon yang diupah melalui cerekarama-cerekarama yang berunsurkan sindiran politik kononnya semenjak PBS memerintah tiada kemajuan dicapai yakni tiada bekalan elektrik, tiada bekalan air, orang Sabah anti Semenanjung dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, walau apapun tuduhan yang dilemparkan namun fakta dan hakikatnya tidak akan lari daripada soal-soal kebenaran, keadilan, kebebasan dan kesaksamaan. Kita meminta kepada yang berada dan merayu kepada yang kasih, tidak lebih daripada itu.

Semasa pembentukan Malaysia dahulu kita diajak supaya kita merdeka yakni memerintah sendiri agar pembangunan pesat akan dilaksanakan, namun apabila kita tuntut semua ini, kita menerima berbagai-bagai tuduhan dan kecaman. Lantaran itu timbul perasaan apakah kita ini betul-betul sudah merdeka, ini adalah tipu muslihat yang digunakan semasa pilihan raya di Sabah yang lalu, di mana pendatang-pendatang asing digunakan sebagai 'phantom voters' semata-mata untuk ingin berkuasa. Kita semua tahu bahawa ini salah di sisi undang-undang, malah lebih daripadá itu ianya telah merampas hak asasi dan Perlembagaan rakyat Malaysia di Sabah.

Sebagai anak jati di Sabah satu persoalan timbul di benak sanubari saya. Adakah pemimpin-pemimpin tertentu di peringkat Pusat lebih menyayangi mereka yang datang dari negara-negara asing dari penduduk-penduduk tempatan? Adakah kita lebih suka menyusukan kera di hutan sedangkan anak di pangkuan mati kehausan? Dan adakah kita sanggup melihat di kemudian hari kelak di mana anak-anak watan di negari Sabah menjadi pelarian di negeri sendiri? Sebagai makhluk Tuhan yang berperikemanusiaan sudah tentu kita tidak mahu perkara sedih ini berlaku di tanah air yang kita cintai ini. Ini sudah pasti bercanggah dengan apa yang dikatakan oleh Timbalan Perdana Menteri dalam ucapan Belanjawannya di perenggan 113 yang berbunyi:

> "Janganlah kita menjadi manusia kerdil dan fikirannya berjerebu, terpukau dengan kuasa luar dan lebih berminat untuk menerima pujian mereka dengan mencaci bangsa dan negara sendiri. Jangan menjadi seperti yang disebutkan oleh Shahibul Hikayat: seperti Pak Kadok, yang menang sorak tetapi kampungnya tergadai".

Oleh itu, saya mohon di sini, di samping kita mengejar kemajuan dan pembangunan dan di dalam keghairahan kita hendak berkuasa, janganlah pula kita lupa dan mengabaikan tanggungjawab kita terhadap kepentingan dan nasib rakyat kita sendiri. Semoga dengan kesedaran dan keinsafan ini dapat kiranya mencuit ataupun menyingkap conscience kita masing-masing dengan harapan ianya dapat mewujudkan masyarakat penyayang dan maju. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Selangau.

4.40 ptg.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Belanjawan 1995 yang telah dibentangkan dengan teliti oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim pada 28hb. Oktober yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan peluang ini saya bagi pihak rakyat di kawasan Selangau, negeri Sarawak mengucapkan ribuan terima kasih kepada pucuk pemimpin negara kita yang amat dikasihi Perdana Menteri merangkap Pengerusi Barisan Nasional, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalannya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim yang telah membentangkan Belanjawan 1995 yang di anggapkan sebagai Belanjawan yang terbaik dalam sejarah Malaysia semenjak negara kita merdeka.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1995 ini dianggap sebagai Belanjawan untuk membalas budi rakyat yang kini semakin sedar dengan dasar-dasar serta konsep negara di bawah patung gagasan Kerajaan Barisan Nasional yang merupakan tunggak utama kepada prestasi pertumbuhan ekonomi negara pada kadar 8%. Ini merupakan di antara pencapaian ekonomi yang tertinggi di dunia dan mengekalkan rekod cemerlang pertumbuhan ekonomi negara pada kadar 8% selama tujuh tahun berturut-turut sukar ditandingi oleh mana-mana negara.

Tuan Yang di-Pertua, konsep pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional yang berteraskan ciri-ciri tradisi membela nasib rakyat yang terdiri daripada berbilang kaum di negara ini berdasarkan konsep serta sistem demokrasi berparlimen, merupakan di antara negara yang terbaik dalam mana-mana negara yang mengamalkan sistem demokrasi dalam pentadbiran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1995 yang dirangkakan oleh Kerajaan Barisan Nasional menawarkan berbagai insentif kepada kestabilan negara untuk mencapai beberapa objektif penting negara seperti membendung inflasi ke arah mengurangkan ke tahap yang paling minimum dan menitik beratkan kebajikan rakyat agar lebih aktif dan sensitif kepada perkembangan ekonomi global dengan memparadigmakan pelbagai sektor ekonomi, perindustrian dan pembuatan yang berkisarkan sains dan teknologi maklumat bagi mencapai Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah diberitahu di dalam Dewan yang mulia ini bahawa jumlah Belanjawan 1995 ialah RM48.7 bilion dan dari jumlah tersebut RM34.3 bilion untuk mengurus dan RM14.4 bilion untuk pembangunan. Jumlah ini merupakan 3.5% berbanding dengan 3.3% Anggaran Peruntukan 1994 iaitu bagi mengurus 2% hingga 4% bagi pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab kesuntukan masa saya tidak dapat berucap dengan panjang lebar tetapi hanya menyentuh sedikit sebanyak perkara-perkara yang saya anggap penting bagi kementerian-kementerian yang berkenaan.

Pertama, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Kementerian Pendidikan di mana peruntukan RM7.9 bilion untuk Belanjawan 1995 bagi mengurus dan oleh yang demikian dianggarkan seramai 12,275 guru akan dilatih, 52 buah sekolah menengah baru akan ditambah dan 72 sekolah rendah baru akan dibina di seluruh negara serta memberi bekalan kemudahan dan kelengkapan kepada

beberapa institusi pengajian tinggi di negara ini dan tidak ketinggalan bagi memberi peruntukan untuk UNIMAS (Universiti Malaysia Sarawak) dengan alat-alat pendidikan, pembelajaran yang lengkap.

Tuan Yang di-Pertua, penyebaran awal ilmu pengetahuan adalah penting. Menyedari hakikat ini peranan prasekolah, kelas perpaduan rakyat, KEMAS memainkan peranan yang penting sebagai ejen perubahan dan penyebaran maklumat, ejen perubahan berparadigmakan kepada pemikiran masyarakat kita, lebih-lebih lagi masyarakat yang tinggal di kawasan luar bandar kerana masalah buta huruf masih menjadi faktor mengapa masyarakat bumiputera agak sukar menerima dasar-dasar kemajuan kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya peruntukan bagi Kementerian Pendidikan akan ditambah lagi supaya masalah yang melanda sekolah-sekolah di negara ini khasnya di negeri Sarawak dan di kawasan saya Selangau dapat dikemaskinikan dengan lebih berkesan dan efficient sejajar dengan dasar dan falsafah pendidikan negara yang berkisar ingin melahirkan generasi intelektual, berketrampilan, bermoral tinggi, berjiwa bangsa dan bertanggungjawab menyahut seruan Perdana Menteri untuk menuju Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan ini, saya bagi pihak rakyat Selangau, negari Sarawak dengan hati yang ikhlas mengemukakan masalah yang agak spesifik berkenaan dengan sekolah-sekolah tersebut seperti SRK Sungai Dijeh daerah Mukah, kerana sekolah ini adalah setesen sementara kepada pelajar, memandangkan tapak sekolah ini belum lagi dibayar lagi dibayar pampasan oleh pihak kerajaan semenjak ia telah ditubuhkan lebih kurang 15 tahun dahulu. Saya difahamkan oleh tuan punya tanah tentang perkara ini belum dibayar. Saya yakin dan percaya bahawa perkara ini dapat diselesaikan dengan segera. Beberapa buah sekolah lagi di kawasan saya tidak cukup rumah guru, bilik darjah, bilik sumber, dewan makan, asrama, alat-alat kemudahan sukan, tidak ada komputer, tidak ada typewriter, tidak cukup buku teks dan sebagainya dan juga tidak ada air paip yang bersih seperti di Sekolah Rendah Keningau, Pelugau, Balingian daerah Mukah, di SRK Penghulu Iban, Sekuau daerah Dalat, di SRK Penghulu Bayin Anap daerah Tatau, di SRK Kesin Kakus daerah Tatau dan SRK Bansangan Anap daerah Tatau, dan SRK Sungai Bawan, Balingian daerah Mukah.

Tuan Yang di-Pertua, sekolah yang saya sebutkan ini teruk sekali. Saya sendiri telah melawat sekolah-sekolah tersebut seperti Sekolah Rendah Penghulu Banyin di Ulu Anap, Tatau misalnya, saya fikir rumah ayam atau rumah kambing lebih baik lagi. Sebab saya telah melawat sekolah itu dan berjumpa dengan guru yang mengajar di sekolah itu; mereka berasa malu kerana tinggal di rumah guru dengan keadaan yang begitu teruk sekali.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Pekan Selangau semakin sehari semakin bertambah dan penduduknya juga semakin banyak, saya mencadangkan bahawa sebuah sekolah menengah baru kerajaan akan dibina dekat pekan Selangau dan sebuah maktab perguruan akan dibina di antara Bandar Mukah, Selangau dan Bandar Sibu kerana Maktab Perguruan Sarawak di Sibu dahulu telah dipindahkan ke Bandar Miri.

Kedua, berhubung dengan Kementerian Kerja Raya dan kemudahan infrastruktur. Tuan Yang di-Pertua, pembangunan infrastruktur merupakan salah satu tumpuan utama akan teruskan dalam usaha membangunkan negara ini khasnya di negeri Sarawak kerana negeri Sarawak adalah negeri terbesar dan terluas sekali dan dekat sebesar Semenanjung Malaysia. Saya rasa peruntukan bagi kementerian ini dapat ditambahkan berlipat-ganda kerana masih banyak lagi jalan-jalan raya di Sarawak dinaikkan taraf. Jalan-jalan itu masih berdebu seperti jalan raya ke Hidro Batang Ai Lubuk Antu, jalan raya ke Pasir Siong, jalan raya Kampong Sebentik daerah Sibu, jalan raya ke Sekuau, jalan raya Dalat, jalan raya Dijeh, jalan raya Ladang Sawit Mukah/Balingian, jalan raya Lengau/Pelugau dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa jalan raya baru patutlah dibina untuk menghubungi bandar-bandar, bahagian-bahagian di daerah-daerah di Sarawak seperti jalan raya Kanowit/Kapit terus ke Belaga, Sungai Dijeh/Sebakong terus ke Ulu Telian Mukah, jalan raya ke Ulu Selangau terus ke Ulu Mukah, jalan raya Sekuau terus ke Uyak dan Bakoh Dalat dan juga jalan raya ke Tatau ke Ulu Kakus dan terus ke Ulu Anam, jalan raya ke SRK Pengkalan Lubang Balingian daerah Mukah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan bahawa jambatan menyeberangi Sungai Rajang-Durin patut dibuat dengan secepat mungkin dan lagi sebuah jambatan yang menyeberangai Batang Rajang–Ulu Ranang patut dibuat dalam Rancangan Malaysia ke-8 nanti kerana kami anggap dua buah jambatan tersebut sangat penting bagi rakyat di negeri Sarawak khasnya rakyat yang tinggal di kawasan Rajang, Sibu, Selangau dan Mukah.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Kementerian Pertanian, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan juga Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Saya mencadangkan peruntukan Kementerian Pertanian dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar patutlah ditambahkan lagi, memandangkan kedua-kedua Kementerian ini berusaha untuk memajukan taraf hidup petani, nelayan pekebun kecil, terutamanya rakyat yang masih miskin di kawasan luar bandar di seluruh negara kita, khasnya di negeri Sarawak.

Kami rakyat yang tinggal di Sarawak minta agensi-agensi pembangunan tanah seperti FELDA, FELCRA dan Lembaga Wilayah atau syarikat swasta yang lain di Semenanjung dapat diperkembangkan ke negeri Sarawak, kerana seluas 1.5 milion hektar tanah pusaka hak milik bumiputera di Sarawak, NCR ataupun NCL belum lagi dapat dimajukan dalam bidang pertanian. Oleh yang demikian, cadangan ini dibuat berikutan Kerajaan Negeri Sarawak meletakkan pembangunan tanah bumiputera ini sebagai agenda utama sebagai paradigma yang baru, new paradigmiership, dengan izin, berobjektif untuk membaiki taraf hidup sosial dan ekonomi rakyat, khasnya rakyat bumiputera yang tinggal di kawasan luar bandar supaya kehidupan mereka dapat bersaing dengan rakyat yang tinggal di bandar di mana tanah bumiputera dapat dibangunkan sebagai the economic asset or self certificate dalam projek pembangunan tanah di negari Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kekuatan dan keunikan falsafah pembangunan negara kita adalah aset untuk mengintegrasikan peruntukan pesat ekonomi dengan pengagihan yang adil dan saksama konsisten sistematik kerana kebanyakan negara-negara maju di dunia ini hanya menitikberatkan senario cantik dan bangunan tinggi mencakar langit di kota raya sahaja, tetapi kawasan luar bandar masih mundur dan rakyat masih ketinggalan dalam arus pembangunan dan masih dahagakan madu merdeka.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mencadangkan bahawa penatrate air paip bersih, telefon awam, pos bergerak akan dibekalkan ke beberapa kawasan di luar bandar, memandangkan lebih 600 buah kampung dan rumah-rumah panjang di kawasan luar bandar di negeri Sarawak belum ada perkara tersebut, misalnya Kampung Sebentik, Kampung Jeriah, Pasai Siong daerah Sibu, rumah panjang dan kampung-kampung di kawasan Selangau, di Kampung Dijeh, Kampung Selangau Baru, Pekan Tepus, Pekan Arif, rumah panjang di Ladang Mukah/ Balingian dan lain-lain tempat. Dan juga rumah-rumah panjang di kawasan Lengau/Pelugau, saya difahamkan bahawa mereka dalam masalah ketiadaan air minum yang bersih. Saya mencadangkan bahawa air paip yang bersih dibekalkan kepada penduduk-penduduk yang tersebut.

Sehubungan dengan ini, dasar mengurangkan peratusan kemiskinan di negara kita, berbagai kemudahan harus disediakan kepada rakyat, khasnya di luar bandar. Antara kemudahan asas yang terkandung adalah seperti mewujudkan rumah kos rendah, rumah rekreasi, tempat sukan, rumah ibadat seperti surau, gereja, kuil, topekong dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa rakyat Malaysia berbilang kaum mahukan perubahan dan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan dan mereka meletakkan harapan dan sinaran kepada pemimpin kita pada hari ini, iaitu Kerajaan Barisan Nasional. Kita mestilah menyakinkan rakyat dan memberi panduan mendalam agar mereka jangan dibelenggu dan dipengaruhi oleh extremist yang tidak bertanggungjawab menyebarkan dakyah-dakyah palsu untuk mengabui pemikiran rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat minta gulung!

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Dalam Negeri. Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan kebanyakan pusat kesihatan terutama di pedalaman negeri Sarawak masih mengalami kekurangan pegawai perubatan dan jururawat. Oleh yang demikian, saya mencadangkan bahawa banyak lagi pegawai perubatan dan jururawat ditugaskan di hospital kerajaan di Sarawak. Saya juga memohon bahawa sebuah klinik desa di Selangau sekarang dinaikkan taraf kepada hospital Pekan Selangau kerana klinik desa di Selangau tidak mencukupi untuk menampung keperluan pesakit, kerana penduduk kian bertambah ramai dan saya difahamkan hanya seoarang doktor sahaja di Selangau dan 6 buah katil sahaja di wad pesakit.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Kementerian Kesihatan bahawa dua buah klinik desa itu; Klinik Desa Sungai Tepus, Balingian daerah Mukah dan klinik desa Nangau Penyarai Ulu Kakus dapat dibina dengan secepat mungkin, kerana peruntukan sebanyak RM700,000 bagi dua buah klinik tersebut telah dibekukan pada tahun yang lalu. Saya difahamkan bahawa tapak tanah kedua-dua klinik ini telah diperiksa dan rakyat di kawasan saya menunggu klinik ini macam menunggu durian jatuh dari pokok.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya menyentuh sedikit-sebanyak berkenaan dengan Kementerian Dalam Negeri. Saya difahamkan kebanyakan masalah ketidak-adaan surat beranak dan kad pengenalan di kalangan rakyat di negeri Sarawak terutama di kawasan Ulu Rajang, Ulu Baram dan Selangau; justeru itu, pada hemat saya banyak lagi peruntukkan akan diagihkan kepada negeri Sarawak untuk mengatasi masalah ini, seperti mengadakan pendaftaran bergerak kepada kampung-kampung, kepada sekolah-sekolah, kepada rumah-rumah panjang yang jauh di kawasan luar bandar bagi menyelesai masalah ini dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan penukaran kad pengenalan lama kepada yang baru masih ramai rakyat di Sarawak belum dapat menukarkan kad mereka.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa cukup. Yang Berhormat.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Saya mencadangkan untuk melonggarkan tempohnya yang habis. Jikalau saya tak salah pada Disember 1995 dan diminta melonggarkan kepada tahun 1998.

Sebagai menggulung perbahasan saya di Dewan yang mulia ini mengenai Belanjawan 1995, saya secara peribadi, saya yakin dan percaya Belanjawan 1995 ini ternyata baik sekali, dan kita harap bahawa Belanjawan pada tahun akan datang lebih baik kerana perjalanan Wawasan kita masih jauh dan semakin mencabar. Justeru itu, tanggungjawab kita kepada negara, bangsa dan agama adalah berdasarkan ciri-ciri pemimpin kita pada hari ini dan dibangkitkan oleh generasi muda kita di masa akan datang bagi mendukung dasar-dasar yang mulia, bersatu padu untuk mengukuhkan lagi martabat dan darjat negara kita di mata dunia. Bagi mencapai objektif negara ini .....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat .....

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: .....yang didukung oleh Perdana Menteri .....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah lebih.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: .....Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir – seminit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Kasi chancelah.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: ..... dan Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Anwar bin Ibrahim yang sering kali berani mengeluar berbagai penyele-weng an isu antarabangsa dan berperanan sebagai penyelamat kepada bangsa-bangsa yang telah ditindas oleh kuasa dunia besar, khasnya negara-negara yang

sedang membangun, berbekalan rasa tanggungjawab ini merupakan prospek kerajaan negara kita Malaysia dihormati oleh dunia di antarabangsa semakin hari semakin bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan ini, maka kami rakyat di Sarawak sentiasa memberi sokongan yang padu dan kepercayaan yang teguh kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud dalam mendukung kepimpinan beliau dalam melaksanakan dasar sektor pembangunan ke arah menyediakan Sarawak sebagai negeri maju dan negeri yang contoh dalam gagasan Malaysia pada masa akan datang. Sekian, terima kasih, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Jelebu.

4.56 ptg.

Lt. Kol. (B) Ibrahim bin Sareh (Jelebu): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut serta mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan atas pembentangan Belanjawan yang akan memberi manfaat kepada semua rakyat, khususnya rakyat berpendapatan rendah. Belanjawan itu saya rasa adalah Belanjawan yang akan merangsang pertumbuhan, mengawal inflasi, membangun sumber manusia dan mewujudkan masyarakat progresif dan seimbang.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini, pada 10hb. Oktober yang lalu, negara kita telah menyaksikan, secara live melalui TV, pelaksanaan Exercise Halilintar di Pulau Langkawi. Exercise Halilintar berlangsung serentak dengan pelancaran pasukan Atur Gerak Cepat Angkatan Tentera Malaysia atau nama ringkasnya "PAC". Pelancaran PAC telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menjadi tetamu utama menyaksikan latihan Halilintar.

PAC adalah pasukan isitimewa yang mempunyai kemampuan, kepakaran dan mobiliti untuk melaksanakan tugas-tugas penting mempertahankan kepentingan strategik negara. Teras PAC ialah 10 Briged Para, Tentera Darat dan PAC dibantu oleh TUDM dan TLDM mengikut keperluan tugas.

Exercise Halilintar telah melibatkan kira-kira 4,000 anggota. Sebahagian besarnya dari 10 Briged Para, 34 buah pesawat TUDM dan 6 buah kapal perang TLDM. Turut terlibat ialah Pasukan Komando dari Grup Gerak Khas, Tentera Darat, Pasukan Khas Laut TLDM (PASKAL), Pasukan Mencari dan Penyelamat TUDM (SAR) serta lain-lain pasukan dari ketiga-tiga perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia.

Exercise Halilintar telah memaparkan gerakan serangan oleh PAC untuk menawan semula Lapangan Terbang Langkawi yang telah ditawan oleh musuh. Ia telah mempertunjukkan dengan jayanya gerakan penerjunan dua batalion dari pesawat Charlie 130, aksi menawan kubu-kubu musuh di sekitar lapangan terbang, gerakan bantuan serangan udara oleh pesawat F5E dan Hawk serta aksi PASKAL menawan semula pelantar minyak laut dan penyusupan di pesisir pantai.

Saya ingin mengucapkan setinggi tahniah dan syabas kepada Angkatan Tentera Malaysia dan kepada Menteri Pertahanan atas penubuhan PAC dan kejayaan besar Exercise Halilintar.

Tuan Yang di-Pertua, setelah beberapa abad Angkatan Tentera Malaysia dibayangi dengan hanya kebolehan peperangan counter insurgency di hutan, Angkatan Tentera Malaysia kini, melalui PAC dan Exercise Halilintar, telah menunjukkan kemampuan meneroka lebih jauh bidang peperangan konvensional, sebagaimana yang dituntut dewasa ini. PAC dan Exercise Halilintar telah membuktikan bahawa Angkatan Tentera Malaysia kini mempunyai kemampuan dan bersedia menghadapi peperangan konvensional dan mempertahankan kawasan strategik negara. Pada hemat saya, PAC adalah sandaran baru bagi negara dalam bidang pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan PAC adalah sebahagian dari program dan langkah kerajaan untuk mempermodenkan Angkatan Tentera Malaysia dengan pembelian pesawat-pesawat, kapal-kapal perang dan peralatan canggih serta penubuhan berbagai unit yang difikirkan perlu bagi menghadapi sebarang krisis pertahanan zaman moden ini.

Memang ada pihak yang tidak menyenangi atau meragui langkah yang kita ambil ini. Langkah ini dianggap sebagai apa yang dikatakan "perlumbaan senjata" di rantau ini dan bermacam-macam lagi. Akhbar-akhbar di Indonesia umpamanya, menganggap penubuhan PAC dan Exercise Halilintar yang diadakan di Langkawi sebagai persiapan Malaysia untuk menggunakan kekuatan tentera dalam mempertahankan Pulau Ligitan dan Sipadan.

Ada kemungkinan anggapan ini adalah perkara yang digembar-gemburkan untuk sensasi berita oleh akhbar-akhbar sahaja. Saya rasa perkara ini adalah perkara biasa.

Tuan Yang di-Pertua, apabila sesebuah negara mengambil langkah untuk mempermodenkan angkatan tenteranya, yang akan meragui langkah itu ialah jiran-jirannya. Kita memahami rasa tidak senang ini. Kita sendiri rasa tidak senang apabila negara Singapura umpamanya, membeli jet-jet pejuang canggih F16 Fighting Falcon dan FA18 Hornet, memiliki 350 buah kereta kebal AMX, 60 buah kereta kebal Centurian yang disimpan di Taiwan untuk latihan; memiliki 80 buah artileri jarak jauh dan memiliki peralatan jurutera untuk mengharungi rintangan air seperi Selat Johor.

Saya sendiri rasa tidak senang dengan Singapura yang mengamalkan konsep pertahanan secara Israel dan sudah pun mempunyai rancangan untuk menawan Negeri Johor. Ini perkara betul, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta izin kepada Tuan Yang di-Pertua, untuk membacakan sebahagian daripada artikel yang bertajuk 'Singapore And Malaysia; A Precarious Balance' oleh Tim Huxley. Artikel 10 muka ini yang saya perolehi dari kawan saya di London, antara lain mendedahkan rancangan Angkatan Tentera Singapura untuk menawan Negeri Johor. Saya bacakan sebahagian daripada artikel tersebut:

> "The Singapore Armed Forces (SAF) must aim to disable their Malaysian counterparts with a brutal and fearless pre-emptive strike. Once the SAF had established air superiority by devastating the Malaysian Air Force on the ground (in the first few hours of any conflict), further air strikes would be mounted against

other military targets probably including the Malaysian Ministry of Defence and the army's main formation headquarters. There would be little opposition to these air strikes, even if the initial pre-emption had been only partially successful, as Malaysian air defences are presently minimal. The Singapore Air Force would face no opposition from surface-to-air missiles and very little from anti-aircraft artillery. Singapore army units would quickly sieze the initiative in the land war, light armoured forces would cross the causeway into Johor Bahru, already secured by para-dropped commandoes and heli-mobile guards units. These airmobile forces would conduct rapidly-paced operations in support of the armour as it advanced into the peninsular. Meanwhile, the Singapore Navy's role would be to secure the maritime flanks of the thrust into Malaysia against interference by the Malaysian Navy and to deter intervention by the navies of other interested powers. And equally important task would be to interdict maritime communications between Peninsular and East Malaysia.

Just how far the SAF would advanced into the Peninsular Malaysia is not clear, though informed observers have spoken of the SAF establishing a 'Mersing line' implying the seizure of zone 80 kilometre deep into Johor. There would be a clear strategic rationale for halting the SAF's advance at this line. Such an operation would secure Singapore's water supplies and provide substantial strategic depth (increasingly important and view of Malaysia army's acquisition of long-range artillery)".

Tuan Yang di-Pertua, itu adalah andaian Tim Huxley, mungkin Menteri Pertahanan telah pun membaca artikel ini dan jikalau belum, saya boleh panjangkan satu salinan.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya, apa yang penting ialah sebuah negara yang merdeka dan berdaulat biar, kecil mana sekalipun, memikul tanggungjawab dan mempunyai hak memelihara keselamatannya sendiri. Kita tidak boleh sama sekali bergantung kepada orang lain dalam perkara ini.

Suasana selepas perang dingin tidak menjanjikan mana-mana jua negara di dunia ini berada dalam keadaan selamat. Konflik boleh tercetus bila-bila sahaja, walaupun kerana masalah kecil.

Kita menghadapi beberapa isu pertahanan, Singapura umpamanya amat mencurigai Malaysia dan membuat persediaan perang secara bersungguh-sungguh . . . . .

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Rompin hendak minta jalan. Hendak beri atau tidak?

Lt. Kol. (B) Ibrahim bin Sareh: Sila.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Saya ingin meminta sedikit penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat ada menerangkan tentang ancaman atau 'threat'

kepada negara terutama kepada negara-negara jiran. Adakah ini bermakna dengan adanya ancaman ini Yang Berhormat bersetuju tentang peruntukan yang ditambahkan untuk Kementerian Pertahanan, itu yang pertama.

Yang kedua, apakah pandangan Ahli Yang Berhormat tentang parti Pembangkang. Depa tidak bersetuju peruntukan untuk pertahanan dipertingkatkan, terutamanya Ahli dari Kepong, adakah kerana DAP kawan dia dengan PAP Singapura atau apakah yang sebenarnya?

Lt. Kol. (B) Ibrahim bin Sareh: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Wakil dari Rompin. Sebenarnya, saya bersetuju bahawa bukan sahaja dari segi ancaman dari negara jiran, tetapi di atas keperluan pertahanan itu sendiri, di mana kalau kita bandingkan dengan negara-negara jiran kita, kita adalah jauh ketinggalan di belakang, apabila kita bandingkan dengan peralatan yang ada pada kita. Dan di atas cadangan ataupun ketidakpersetujuan pihak Pembangkang, saya rasa mereka tidak mempunyai sebarang pertimbangan dari segi pertahanan negara dan tidak memahami tentang keperluan pertahanan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi, kita menghadapi beberapa isu pertahanan. Singapura umpamanya, amat mencurigai Malaysia dan bersungguh-sungguh membuat persediaan perang. Singapura mengamalkan dan bergantung sepenuhnya kepada konsep pertahanan secara total atau total defence concept. Dahulu, Singapura mengamalkan konsep "sorok-sorok". Sekarang konsep "tunjuk-tunjuk", setelah merasai mempunyai kekuatan pertahanan yang mantap.

Tuntutan bertindih Kepulauan Spratly dan Paracel dan kepulauan-kepulauan lain mungkin menjadi punca tercetusnya konflik di rantau ini yang akan melibatkan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang akan mencapai taraf negara maju, Malaysia tidak boleh mengabaikan aspek pertahanan negara, ia tidak boleh lalai dan tidak boleh tertinggal. Dibandingkan dengan negara-negara jiran, seperti yang saya sebutkan tadi, kecanggihan sistem pertahanan Malaysia boleh dikatakan jauh ketinggalan, sehinggalah kebelakang ini di mana sedikit tumpuan telah diberikan, itu pun saya rasa sekadar memperkemaskan apa yang sedia ada. Penubuhan PAC saya rasa adalah agak terlewat juga.

Tuan Yang di-Pertua, pertahanan Malaysia sebenarnya tidak pernah diberi agenda yang utama. Saya rasa dengan, belanjawan yang berimbang, reserve yang meningkat, kita sudah mempunyai wang sekarang, mungkin sudah tiba masanya ianya ditingkatkan. Saya memang setuju dengan dasar negara sejak merdeka lagi untuk berpegang teguh kepada diplomasi, dan bukan senjata untuk menyelesaikan masalah. Soalnya ialah, apabila usaha diplomasi itu gagal, dan tidak berjaya, kita mesti mempunyai sistem pertahanan yang terbaik yang kita mampu untuk menghadapi sebarang kemungkinan. Tuan Yang di-Pertua, tiada faedahnya kita menjadi naib johan dalam peperangan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita berkata bahawa hanya negara yang kuat dalam serba-serbi termasuk pertahanan dapat menjamin kesinambungan, kebebasan, kemerdekaan, kesejahteraan, keamanan dan kemakmuran.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta gulung.

Lt. Kol. (B) Tuan Ibrahim bin Sareh: Nanti sekejap, Tuan Yang di-Pertua, George Washington pula telah berkata, "jika anda mahukan keamanan, bersedialah menghadapi peperangan" Dan Allah berfirman dalam ayat 60, surat Al-anfar – mafhumnya – "Dan sediakanlah untuk menentang mereka, musuh yang menceroboh, segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan, dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia dan untuk menggerunkan, dengan persedian itu, musuh Allah dan musuh-musah kamu yang kamu tidak mengetahuinya, sedangkan Allah mengetahuinya".

Ayat ini menjadi dalil tentang wajibnya berlengkap sedia dengan segala jenis alat senjata kelengkapan perang yang dapat disediakan untuk menghadapi serangan musuh yang menceroboh.

Persedian itu pula hendaklah sesuai dengan zaman dan sebanding dengan alat-alat senjata yang digunakan oleh pihak lawan. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tambun.

5.14 ptg.

Dr. Nawawi bin Mat Awin (Tambun): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul Belanjawan yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada 28 Oktober. Terlebih dahulu saya merakamkan penghargaan kepada semua rakan-rakan saya dalam Dewan yang mulia ini terutamanya daripada Barisan Nasional yang telah berucap dahulu daripada saya dan yang telah memberi puji-pujian yang kena pada tempatnya, terhadap Belanjawan 1995 ini dan dengan itu saya dapat menjimatkan masa Dewan ini tanpa mengulangi komen-komen sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya dengar ucapan Wakil dari kawasan Kuala Krai iaitu wakil dari PAS yang mempertahankan partinya dan menolak panggilan wakil-wakil Barisan Nasional supaya menghentikan kafir-mengkafir. Beliau telah merujuk satu buku yang ditulis oleh Al-Z, salah seorang ulama dari Arab Saudi. Kalau tidak silap, Al-Z ialah Mufti Besar Kerajaan Arab Saudi dan kalau tidak silap juga, Al-Z telah memberi fatwa kepada Raja Saudi sebelum perang Teluk dahulu yang menghalalkan Kerajaan Saudi mendapatkan bantuan tentera kafir dalam menentang negara Islam – Iraq. Kalau tidak salah juga, pendirian PAS seperti yang dijelaskan oleh pemimpin-pemimpinnya dalam Dewan yang mulia ini, mereka tidak setuju sama sekali apa yang dilakukan terhadap Iraq.

Kepada saya, ini bermakna bahawa mereka tidak menerima pandangan Al-Z dalam hal itu, tetapi sekarang ini, kerana sesuai untuk hujah mereka, Al-Z manjadi rujukan yang muktamad. Saya dukacita kerana wakil-wakil PAS tidak ada dalam Dewan pada masa ini.

Saya mengaku bahawa saya bukan 'alim, sekurang-kurangnya bukan 'alim dalam pengajian Islam, tetapi saya masih ingat bahawa Rasulullah s.a.w. berkata iaitu mengenai orang-orang yang sudah mengucap La ilaha illallah —katanya, "La tukkaffirhu bizanbi, wala tukharrijhu

min al Islam" saya ulangi "wala tukharrijhu min al Islam" jangan keluarkan mereka daripada Islam, dan juga Rasulullah berkata "man da'aa rajulan bilkufri 'au qala 'aduwwu'llah walaysa ka zaalika illa haara 'alaihi" tanpa tafsiran yang panjang lebar, mengikut bahasa Arab biasa yang saya fahami, pun sudah jelas kepada saya bahawa dilarang bagi orang-orang Islam mengecap saudaranya sebagai kafir. Sama ada Al-Z mengatakan boleh, saya tidak pasti, tetapi bagi saya dan saya yakin bagi semua orang-orang UMNO dan orang-orang Islam dalam Barisan Nasional, kami tidak sanggup mengatakan saudara kami sebagai kafir.

Tuan Yang di-Pertua, tiada siapa yang dapat menafikan bahawa ekonomi kita berkembang pesat dengan kadar pertumbuhan yang sangat tinggi berbanding dengan banyak negara di dunia ini, termasuk negara-negara maju. Ini pun sudah menjadi satu kebanggaan, tetapi lebih penting lagi ialah bahawa ini tercapai dengan kadar inflasi yang rendah setakat ini. Semua ini tidak mungkin tercapai jika tidak kerana pengurusan ekonomi yang cekap dan berkesan dan semuanya ini diasaskan kepada pemikiran yang berani, yang sanggup mengenepikan kepercayaan-kepercayaan yang lama wujud untuk memulakan perubahan-perubahan dan dasar-dasar baru yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan rakan-rakan seperjuangannya yang menjadi teras kemajuan ekonomi kita, malahan bukan sahaja kemajuan ekonomi tetapi dalam segala bidang.

Belanjawan 1995 bertujuan memberi manfaat yang banyak kepada semua golongan. Memang benar bahawa kebiasaannya apabila dimasukkan banyak wang ke dalam ekonomi, bahaya inflasi timbul. Penurunan cukai pendapatan dan pertambahan potongan-potongan membanyakkan wang ke dalam ekonomi, tetapi negara-negara jiran juga telah menurunkan cukai pendapatan dan kita perlu bersaing untuk pelaburan asing dengan mereka. Lagipun kadar cukai yang tinggi tidak menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Penurunan dan pemansuhan banyak duti import – lebih kurang 2,600 item ada kemungkinan memperluaskan perimbangan perdagangan kita. Tetapi kita ini di dalam era rata-rata menerima perdagangan bebas sebagai asas ekonomi antarabangsa, akhirnya semua negara, mahu tidak mahu akan turut berbuat demikian.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah ditanya oleh pemberita, kalau Belanjawan begitu baik, mengapa pasaran saham jatuh? Beliau jawab "saya tidak faham pasaran saham".

Yang sebenarnya beliau memahami pasaran saham. Saya yakin bahawa maksud beliau, tiada siapa dalam dunia ini yang boleh menentukan reaksi pasaran saham dengan tepat. Yang jelas ialah sesetengah pelabur menjangka mengikut, dengan izin, "conventional wisdom" bahawa oleh kerana banyak wang yang masuk ke dalam ekonomi kita melalui penurunan cukai pendapatan dan bonus kepada kakitangan kerajaan, senario tahun hadapan adalah kenaikan inflasi. Untuk menangani inflasi, mereka menjangka bahawa kerajaan akan meningkatkan kadar faedah.

Kadar faedah akan memberatkan perniagaan termasuk syarikat-syarikat yang disenaraikan. Oleh itu, akan terjejaslah

keuntungan mereka dan harga saham. Logiknya memang ada dan sekarang pun kita mula melihat kadar faedah semalam meningkat ke 4.91 untuk tempoh 3 bulan – yang tertinggi semenjak beberapa lama. Ini pun belum tentu menjadi faktor turun-naik saham. Seperti Perdana Menteri, saya pun tidak faham pasaran saham. Walau bagaimanapun, jelaslah bahawa cabaran utama bagi kerajaan ialah menentukan supaya inflasi tidak meningkat dari kadar yang ada sekarang kerana mangsa utama inflasi ialah mereka yang berpendapatan tetap dan golongan yang berpendapatan rendah. Sama ada disebabkan "correlation", dengan izin, dengan "expansionary Budget", dengan izin, atau tidak, hakikatnya adalah kebelakangan ini beberapa harga barangan terutamanya beberapa jenis keperluan makanan telah naik dan sedang naik. Saya yakin bahawa kerajaan telah menyediakan langkah-langkah untuk membanterasnya. Oleh itu, cabaran besar kepada kerajaan ialah membuktikan penganalisis itu semuanya silap. Dengan izin, "to prove them wrong".

Ramai yang mengatakan bahawa kenaikan ini kerana peniaga memandang kepada bonus yang akan dikeluarkan dan mungkin ada kebenarannya juga. Bolehkah kerajaan memikirkan satu pendekatan yang memperkenalkan insentif bagi kakitangan kerajaan memilih supaya bonus mereka dikredit ke mana-mana tabung simpanan atau tabung amanah atau pelaburan yang ditetapkan supaya sekurangnya sebahagian besar bonus ini tidak memasuki kecairan kewangan negara secara mendadak sambil memberi manfaat yang lebih kepada kakitangan kerajaan? Bonus yang diberi adalah untuk menghargai sumbangan kakitangan kerajaan terhadap pencapaian negara. Seperti saya sebut tadi, kita tidak mungkin mencapai apa yang kita capai kalau tidak kerana sumbangan mereka yang membina asas yang kukuh. Ini termasuklah mereka yang kerana sudah bersara tidak dapat menikmati bonus itu. Saya kira mereka yang bersara pun patut dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalu-alukan langkah kerajaan memperkenalkan kemudahan baru bagi rakyat mendapatkan peluang membeli saham terbitan baru yang disenaraikan iaitu melalui borang-borang yang diedarkan oleh akhbar-akhbar. Ini satu lagi langkah mendemokrasikan peluang memilik saham dalam negara ini. Saya harap bahawa usaha ini akan diperluaskan lagi dengan memberi kemudahan orang ramai memohon tanpa borang melalui sistem elektronik yang diamalkan di sesetengah negara lain. Dalam pada itu pun, dengan pendemokratisasi saham ini, bahaya kepada orang-orang yang kurang faham dengan selok-belok pelaburan menjadi mangsa kejahilan dan manipulasi, bertambah. Seperti saya sebut tadi, saya sendiri tidak faham pasaran saham kerana, sebagai contoh, satu syarikat mengumumkan kerugian hari ini, esoknya harga pasaran sahamnya naik, bukan turun. Ada kalanya syarikat mengumumkan sekian-sekian kontrak besar ditandatangani, kadang-kadang bukan pun kontrak, setakat "Memorandum of Understanding (MOU)" sahaja, dengan izin, maka harga saham pun naik secara mendadak. Tidak lama kemudian, lagi satu pengumuman iaitu kontrak atau MOU dibatalkan. Maka, jatuhlah harga saham ini. Saya harap pihak berkuasa mengkaji betul-betul kesahihan perkara-perkara yang

diumumkan yang pasti mempengaruhi pasaran sama ada benar atau setakat memanipulasikan pasaran saham tertentu sahaja. Dengan pendemokrasisasi saham ini, tugas kerajaan untuk melindungi rakyat yang kurang mahir dalam hal ini menjadi lebih berat dan lebih mendesak.

Tuan Yang di-Pertua, masalah penindasan ke atas rakyat Bosnia oleh pengganas Serb dengan kerjasama dan subahat negara-negara Barat dan badan-badan antarabangsa berterusan. Tetapi saya ingin merakamkan di sini penghargaan kepada Presiden Amerika Syarikat kerana sanggup berpecah dengan sekutu-sekutunya dengan keputusan tidak lagi menguatkuasakan sekatan senjata terhadap Bosnia. Di sini kita harus memberi penghargaan kepada Kementerian Luar Negeri yang kita semua tahu, berusaha bersungguh-sungguh mendesak dan melobi Senate dan Kongress Amerika Syarikat bersama-sama negara-negara lain untuk mencapai keputusan ini. Kita harap ini merupakan permulaan berakhirnya penganiayaan terhadap satu bangsa, penganiayaan yang disebabkan kebencian terhadap agama dan etnik.

Tuan Yang di-Pertua, saya terkejut membaca berita mengenai rakyat Malaysia yang dikatakan dipaksa menjalani kerahan tentera negara lain semata-mata kerana dia dilahirkan di negara itu. Walau apa pun latar belakang undang-undangnya, kita tidak seharusnya menerima hakikat bahawa negara lain boleh mengenakan tanggungjawab berkaitan dengan kerakyatan negara lain ke atas rakyat negara ini, kecuali orang yang berkenaan sendiri memilih berbuat demikian. Saya nampak ini seolah-olah mengamalkan prinsip "Jus Sanguini" iaitu undang-undang berasaskan darah atau keturunan etnik, prinsip yang kita tidak iktiraf seperti juga kita tidak iktiraf prinsip dua kerakyatan dan saya difahamkan negara Republik Rakyat China pun tidak lagi mengamalkan prinsip ini. Saya kurang jelas mengenai negara-negara lain seperti Taiwan atau India. Walau bagaimanapun, saya harap kerajaan akan menentukan perkara ini diselesaikan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Batu Gajah.

5.27 ptg.

Tuan Foo Piew Kok (Batu Gajah): Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perbekalan 1995 itu merupakan satu-satunya langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memikat hati para pengundi terutamanya golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana menjelang pilihan raya umum yang akan datang. Akan tetapi, masa akan menunjukkan bahawa semua langkah-langkah mengurangkan atau menghapuskan duti-duti serta cukai-cukai yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah hanya satu pertunjukan wayang kulit yang mengaburi mata rakyat kita. Kehilangan forex beribu-ribu juta ringgit oleh Bank Negara semasa berjudi di pertukaran wang asing serta kelemahan nilai ringgit Malaysia berbanding dengan mata-mata wang dunia lain adalah di antara contoh-contoh.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya sesebuah negara ingin ke arah pertumbuhan yang kukuh dan mampan ia seharusnya menerapkan dasar-dasar yang lebih liberal dari segi politik dan ekonomi. Ia seharusnya mengambil berat

kepada pembangunan sumber daya manusia berketrampilan dan menggunakan sumber daya manusia itu dengan sepenuhnya supaya Wawasan 2020 boleh berhasil.

Dasar Pembangunan Negara mesti menggerakkan penyertaan tenaga-tenaga mahir dari dua negara serta pembinaan teknologi. Kepakaran yang diperolehi oleh rakyat kita dari luar negara seharusnya digunakan dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, pada Julai 1993, kerajaan telah mengumumkan bahawa Mesyuarat Kabinet telah membuat keputusan bahawa kerajaan bersedia mengiktirafkan ijazah-ijazah perubatan dari Taiwan dan satu pasukan penilaian khas yang dianggotai oleh Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan serta wakil-wakil dari pihak universiti-universiti tempatan, Jabatan Pendidikan dan Persatuan Perubatan Malaysia itu akan bertolak ke Taiwan untuk menilaikan ijazahnya.

Pada Ogos tahun ini, Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah membuat satu kenyataan mengutarakan ketidakpuasan hati beliau terhadap sikap melengah-lengah kerajaan untuk mengiktirafkan Ijazah-ijazah Perubatan Taiwan itu. Kemudian, Menteri Pendidikan barulah menafikan perkara ini iaitu Kabinet tidak pernah bersedia mengiktirafkan Ijazah-ijazah Perubatan Taiwan itu. Kenapa perkara ini berlaku? Adakah Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah silap faham ke atas ketetapan yang dibuat oleh Kabinet itu? Ataupaun beliau itu mengelirukan kita? Jika ya, kenapakah pihak kerajaan tidak menafikan kenyataan yang dibuat itu dengan segera? Kenapakah sehingga 14 bulan kemudian barulah menafikannya?

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan langkah Kabinet yang telah meminda peraturan supaya doktor-doktor yang berkhidmat di hospital swasta itu dikecualikan dari berkhidmat di hospital kerajaan selama tiga tahun. Untuk menangani masalah kekurangan doktor itu, ini adalah satu langkah positif.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa kecewa atas pengiktirafan Ijazah Perubatan Taiwan itu. Kerajaan tidak tahu melatihkan sumber daya manusia, malah ia pun tidak tahu menggunakan sumber daya manusia yang sedia ada itu. Bagaimanakah negara kita akan mencapai matlamat Wawasan 2020 yang akan menjadi impian sahaja?

Tuan Yang di-Pertua, saya amat dukacita dengan tingkah laku kerajaan yang tidak menunjukkan sikap terbuka di dalam isu pengiktirafan ijazah-ijazah tersebut. Ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan tidak serius di dalam usahanya untuk menangani masalah kekurangan doktor yang dihadapi oleh negara kita sekarang. Ijazah-ijazah perubatan daripada Taiwan bukannya tidak berkualiti. Kerajaan seharusnya mengambil sikap objektif di dalam menilaikan serta mengiktirafkan ijazah-ijazah tersebut. Bukannya semua ijazah-ijazah perubatan dari negara India berkualiti. Ada kes-kes di mana ijazah-ijazah dapat dibeli di negara India setelah ijazahnya diktirafkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru kepada kerajaan supaya mengambil langkah-langkah untuk mengiktirafkan ijazah-ijazah perubatan daripada Taiwan supaya tenaga-tenaga profesional perubatan dari Taiwan tidak dibazirkan begitu sahaja. Ia mungkin dapat mengurangkan

masalah kekurangan doktor dan seterusnya menjaminkan negara kita terus maju menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, janganlah kerana kekasih baru dipikat, iaitu dengan negara China, kekasih lama iaitu Taiwan itu dilupakan. Dalam ungkapan oleh Teng Hsiau Peng yang dikatakan, "Pu kon ser hei mau, ho ser phai mau, her cho lau su cher hai mau". Tidak kira sama ada kucing hitam atau kucing putih, asalkan dapat menangkap tikus, itulah kucing yang berguna.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu kenapa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang membuat lawatan ke negeri China itu hanya belajar ajaran Wang An Shih, negarawan dan reformist China di kurun ke-12 itu tetapi ajaran reformist semasa iaitu Teng Hsiau Peng itu tidak diikuti. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tidak perlu pergi ke negeri China untuk belajar ajaran orang yang telah meninggal dunia. Jika beliau benar-benar ingin belajar ajaran Wang An Shih, beliau boleh belajar ajarannya melalui buku-buku. Tetapi untuk kata-kata Teng Hsiau Peng, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri hanya perlu memikir sematang-matang ataupun sedalam-dalamnya kata-kata yang dimaksudkan itu, beliau boleh mendapat makna sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita adalah sebuah negara demokratik yang mengamalkan kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Ini adalah batu asas prinsip demokrasi di mana rakyat dipimpin oleh sebuah kerajaan yang dipilih olehnya. Oleh hal yang sedemikian, adalah amat penting proses pilihan raya benar-benar demokratik dan mencerminkan keputusan rakyat kita. Akan tetapi, terdapat kes-kes di mana kerajaan sekarang telah cuba menyelewengkan keputusan rakyat dengan cara-cara yang tidak adil dan kotor. Pengundi-pengundi hantu atau phantom men voters, dengan izin, kerap kali digunakan untuk menundukkan pilihan rakyat, malah satu contoh yang paling baik adalah Ahli Yang Berhormat dari kawasan Parlimen Sungai Siput yang nyaris-nyaris dikalahkan oleh Pengerusi DAP negeri Perak, saudara P. Patto.

Tuan Yang di-Pertua, satu contoh yang baik ialah di Taman Hayward, Sungai Siput itu, ada sebuah rumah yang siap dibina pada satu tahun yang lalu di mana kempen pendaftaran pengundi-pengundi yang berdaftar pada tahun ini, ada 26 orang yang mendaftar sebagai pengundi di alamat tersebut. Salah seorang daripada 26 orang itu, tiga orang adalah orang Cina dan 23 orang adalah orang India. Rumah tersebut adalah dimiliki oleh Pengerusi MIC Sungai Siput.

Tuan Yang di-Pertua, daftar-daftar pengundi seharusnya bebas daripada sebarang penipuan seperti pengundi-pengundi yang tidak wujud. Pendaftaran pengundi berulang kali di kawasan-kawasan berlainan dan pembatalan ataupun pemindahan nama pengundi tanpa sebarang notis. Proses pendaftaran pengundi yang telah diadakan pada bulan Julai 1994 merupakan salah satu pendaftaran yang amat penting bagi Kerajaan Barisan Nasional. Tempoh bantahan yang diberikan, adalah tidak cukup untuk memeriksa dengan teliti daftar baru pengundi. Suruhanjaya Pilihanraya mengenakan deposit sebanyak RM50 bagi setiap bantahan.

Tuan Yang di-Pertua, ini jelas memberikan peluang kepada Kerajaan Barisan Nasional menyelewengkan daftar-daftar pengundi mengikut sesuka hati mereka. Saya ingin mencadangkan

kepada kerajaan supaya membenarkan bantahan dibuat sepanjang tahun dengan tarikh-tarikh kajian bantahan ditetapkan. Ini dapat memastikan bahawa sebarang bantahan dapat disiasat dan daftar-daftar pengundi tidak senang diselewengkan oleh mana-mana pihak. Malah, adalah lebih demokratik sekiranya pendaftaran pengundi-pengundi baru dibuat di sepanjang tahun untuk memastikan semua rakyat yang berkelayakan dapat didaftarkan sebagai pengundi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan supaya Suruhanjaya Pilihanraya membekalkan data-data daftar pengundi di dalam cakera komputer supaya pemeriksaan yang lebih pantas dan teratur dapat dibuat oleh mana-mana pihak. Cara lama menggunakan buku-buku pendaftaran pengundi adalah tidak sesuai lagi digunakan. Dengan penggunaan cakera komputer, kos serta masa untuk meneliti daftar-daftar pemilih dapat dikurangkan, malah Suruhanjaya Pilihanraya sepatutnya membekalkan cakera-cakera tersebut semua parti-parti politik yang bertanding serta kepada semua calon-calon yang bertanding yang memintanya. Parti DAP bersedia membantu Suruhanjaya Pilihanraya di dalam usahanya memastikan daftar-daftar pengundi daripada penyelewengan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa pembuangan undi, setiap pusat pengundian seharusnya menyediakan kemudahan-kemudahan bagi agen-agen polling untuk memastikan bahawa pengundi-pengundi adalah yang sah dan betul.

Kerap kali agen-agen tersebut tidak dapat melihat kad pengenalan pengundi untuk memastikan bahawa dia adalah pengundi yang sah. Saya mencadangkan supaya agen-agen polling bagi calon-calon yang bertanding di tempat itu ditempatkan di sebelah meja kerani polling dan kad pengenalan ditunjukkan kepada mereka untuk sebarang bantahan. Dengan cara itu, tidak boleh berlaku sebarang penipuan iaitu seseorang menyamar diri sebagai seorang pengundi.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kita akan sambung sehingga pukul 8.00 malam ini.

5.40 ptg.

Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail (Bagan Serai): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, atas peluang ini bagi saya berucap atas membahas ucapan Belanjawan 1995 oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Menteri Kewangan Malaysia dan juga Timbalan Perdana Menteri.

Saya bersyukur kepada Allah kerana sentiasa melindungi negara kita daripada berbagai bencana yang biasa melanda negara-negara lain dan berbagai kesusahan yang dialami seperti peperangan, kebuluran dan penyakit-penyakit. Kita berterima kasih kepadaNya kerana memberi kerajaan yang memerintah negara ini dapat membawa keamanan, kemakmuran dan terus melaksanakan program-program pembangunan negara yang cepat dan rancak. Kita sungguh berbangga kerana dengan kepimpinan yang bijak dan sentiasa prihatin kepada kehendak-kehendak rakyat, maka peruntukan Belanjawan 1995 dibentuk begitu rupa untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan mampan serta mengurangkan tekanan inflasi.

Tuan Yang di-Pertua, dari apa yang kita lihat dengan peruntukan sebanyak RM14.4 bilion untuk pembangunan negara kita, maka harapan bagi rakyat merasakan ombak pembangunan akan dapat dirasakan dalam tahun 1995 nanti. Dengan wang yang begitu banyak negara kita akan bertambah cepat lagi membangun sebagai usaha menuju pencapaian Wawasan 2020. Pihak parti pembangkang dengan mudah menggunakan kejujuran kerajaan untuk membangunkan negara ini sebagai isu bagi memukat undi-undi rakyat. Kita hendaklah berfikir bahawa bukan senang sebuah negara bergiat untuk menyenangkan rakyat. Hanya sebuah negara yang senang sahaja boleh menyenangkan rakyat. Pihak pembangkang memang tidak senang melihat kerajaan yang senang kerana kesenangan membawa ketenteraman, kestabilan yang mana ianya adalah syarat utama membangun negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal-hal pembangunan ini saya ingin bertanya kepada kerajaan apa halnya dengan jentera pelaksanaan yang ada. Apabila berhadapan dengan rakyat di luar, kita bertemu dengan projek-projek kecil yang telah disenaraikan dalam pembangunan luar bandar tetapi sebahagiannya tidak diselesaikan. Ada penduduk-penduduk yang sangat-sangat mengharapkan kemudahan tetapi tidak dapat. Dengan wangnya ada tetapi pelaksanaannya tidak menjadi. Ini bukanlah semua tetapi ada terdapat juga seperti perkara ini. Orang-orang yang tinggal di desa, kita dapati ramai juga sudah berketrampilan. Sudah pandai bertukang kerana belajar sambil bekerja. Mereka ada di kampung-kampung. Apa yang saya ingin bangkitkan ialah peraturan kerja gotong-royong. Sekarang semua projek gotong-royong dibolehkan penyertaan orang-ramai di kampung-kampung sebagai menggalakkan mereka mengambil peranan untuk membaiki kemudahan yang ada seperti balai raya, jambatan-jambatan kayu, masjid-masjid, surau-surau dan berbagai lagi. Aturannya sekarang ialah 10% daripada peruntukan boleh dijadikan pembayaran upah gotong-royong. Aturan ini telah menyusahkan pembangunan di luar bandar. Tidak ada orang-orang yang mahu bergotong-royong dengan membaiki sesuatu binaan dengan kadar upah 10% kerana ianya memerlukan kemahiran bertukang dan risiko yang tinggi.

Oleh itu bagi Belanjawan 1995 ini, saya cadangkan supaya aturan ini diubah kepada kerja gotong-royong dengan bayaran yang lebih iaitu kadar 30% daripada peruntukan mengikut keadaan kerja. Saya percaya perubahan aturan ini akan meringankan lagi beban kerja pegawai-pegawai penyelia di peringkat daerah dan akan mempercepatkan pelaksanaan program dan kerja secara terus kepada rakyat di luar bandar. Rakyat di luar bandar pula dapat dilibatkan secara terus kepada pembangunan desa mereka sendiri yang mana saya percaya hasilnya akan bertambah baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk membawa isu pembangunan luar bandar yang mana kerajaan telah menyediakan peruntukan sebegitu banyak. Kawasan saya di Bagan Serai adalah di dalam keadaan sangat memerlukan pembangunan. Pembangunan asas yang penting ialah jalan-jalan ladang. Apa yang kita sebutkan jalan ladang walaupun di mana-mana juga adalah dimaknakan iaitu jalan untuk masuk ke dalam kawasan-kawasan perladangan.

Jalan-jalan seperti ini seperti yang terdapat dalam ladang-ladang besar adalah jarang-jarang digunakan. Iaitu mungkin hanya untuk laluan jentera pembajak ataupun traktor pemungut hasil buah-buahan (buah kelapa sawit). Tetapi jalan ladang yang berada di dalam kawasan pembangunan pertanian Bagan Serai adalah juga jalan penduduk kampung.

Oleh itu, saya mengambil sepertimana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan di dalam ucapannya, saya quote:

> "Dalam segala rentak pembangunan negara, kita tidak pernah lupa kepada tanggungjawab kita terhadap saudara-mara, rakan dan taulan kita di kubang dan parit, rantau dan ceruk. Kita teruskan agenda utama membawa pembangunan pendidikan dan industri ke desa dan membawa kesenangan kepada semua. Ketika yang sama, kita juga akan terus membina keperluan yang khusus untuk masyarakat desa – bekalan air dan api elektrik, baja dan atap zink, pondok telefon, jalan tar dan titi. Kita juga membantu kawan-kawan membina cakruk dan kalbat, padang bola, gelanggang sepak takraw. Jika ada teluk dan hulu yang masih dalam proses menerimanya, kita akan menunaikannya. Sementara itu janganlah terpedaya dengan omongan puak yang menanam tebu di bibir yang hakikatnya mengandungi racun berbisa".

Tuan Yang di-Pertua, itulah yang kami kehendaki di Bagan Serai dan Bagan Serai yakin akan disumbangkan oleh kerajaan ke sana nanti, jalan-jalan seperti di Tebok Matau, di Parit Mat Keling, di Bukit Semanggol, di Tebok Panchor, di Batu 38 Jalan Kereta Api Bukit Merah, perlu ditarkan. Begitu juga jambatan-jambatan untuk menyeberangkan jentera-jentera berat seperti jentuai padi dan lori pengangkutan baja, hasil padi dan bahan-bahan pembangunan di kampung-kampung, sangat diperlukan dibina bagi merintangi tali air besar di tempat seperti Parit Tuan Bridge, Parit Haji Aman Atas, di Sungai Bogak dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan Bagan Serai ini keadaannya sekarang bolehlah kita anggap sebagai 'development by pass area', iaitu kawasan lencongan pembangunan, kerana tempatnya walaupun sesuai tetapi kehidupan rakyat masih di dalam keadaan 'depress' ataupun keadaan susah, oleh kerana hasil-mahsul di dalam kawasan ini banyaknya bergantung kepada hasil pertanian. Oleh yang demikian, penduduk-penduduk muda ramai daripada mereka telah berhijrah keluar daripada kawasan Bagan Serai meninggalkan kawasan ini kepada orang-orang yang lebih tua, yang perlu menggunakan jentera sekarang ini untuk melaksanakan tanaman padi.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini dalam musim utama, 'the main season', dengan tanaman padi di Kerian kena serangan teruk oleh kutu beruang, bena perang, cenangau dan tikus. Dianggarkan lebih kurang 2,179 hektar sawah telah musnah dan tidak mendatangkan hasil. Saya sendiri melawat, meninjau kawasan ini dan merasa sungguh sedih melihat mereka yang kehilangan begitu banyak hasil mereka dan boleh dikatakan tidak ada dapat apa-apa tahun ini, walaupun mereka telah pun melabur dengan meninjam wang daripada bank dan juga Persatuan Peladang. Kerugian peladang dianggarkan melebihi daripada RM5 juta dan mereka kehilangan hasil padi lebih kurang 10,000 tan.

Saya mohon kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan dipertimbangkan apa-apa jua bantuan ataupun 'relief' kepada mereka yang sedang menderita ini, lebih-lebih lagi dalam mereka akan menghadapi keperluan anak-anak ke sekolah yang tidak berapa lama lagi. Sekarang ini bagi mereka yang kehilangan mata pencarian itu tidak tahulah apa yang mereka hendak buatkan, melainkan mengharap kerja-kerja yang terdapat di persekitaran Bagan Serai . . . . .

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah Yang Berhormat gulung?

Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail: . . . . . saya juga sangat mengharapkan supaya kerajaan dan Kementerian berkenaan dengan pegawai-pegawai kerajaan dapat menangani masalah serangan musuh pertanian, iaitu kutu beruang dapat disiasat dan diambil tindakan secara bersungguh-sungguh. Jika diperlukan bolehlah kerajaan mendapatkan mana-mana juruperunding yang telah biasa dan pandai dalam menangani masalah yang seperti ini.

Untuk mengakhiri ucapan saya dalam perbahasan ini saya dengan ini menyokong peruntukan Belanjawan 1995. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Seremban

5.55 ptg.

Tuan Yim Chee Chong (Seremban): Saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana hari-hari saya bangun tidak sempat . . . . .

Tuan Yang di-Pertua: Cakap dahulu ya, jangan cakap yang lain-lain, lima minit sahaja.

Tuan Yim Chee Chong: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. *(Ketawa)*

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Speaker, terlebih dahulu saya ingin menceritakan satu cerita dalam Dewan yang mulia ini. Ini adalah perkara yang berlaku di negara China pada lebih kurang 2,000 tahun dahulu . . . . .

Seorang Ahli: Sudah lama!

Tuan Yim Chee Chong: Sudah lama, sahabat saya kata. Ini adalah satu cerita yang menarik perhatian.

Pada satu hari Filasof Confucius, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pernah menyebut nama 'Confucius' dalam Dewan yang mulia ini. Sekarang saya menyebut Confucius yang pada satu hari melalui satu hutan dengan penuntutnya yang bernama Cher Lim, nampak seorang perempuan 'angis'. . . .

Seorang Ahli: Cantik!

Tuan Yim Chee Chong: . . . . bukan cantik, menangis dengan sedihnya di tepi kubur. Maka Confucius suruh penuntutnya tanya perempuan itu kenapa menangis begitu sedih? Maka jawab perempuan "sebab suami saya dimakan oleh harimau dan sekarang anak saya pula dimakan oleh harimau". Maka penuntut Confucius itu bertanya perempuan itu "kenapa tidak pindah dari sini, ini hutan harimau banyak?", Dia kata "saya tidak mahu" katanya. *(Ketawa)* Kemudian

penuntut Confucius pulang memberitahu Confucius dan sesudah mendengar cerita ini Confucius kata "Ke Ch'ng Meng Eng Fu", dengan izin. Saya ingin beri jalan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat DAP atau siapa pun yang ada dalam Dewan ini, kerana ini sastera China dan sejarah China. Apakah maknanya "Ke Ch'ng Meng Eng Fu"?

Tuan Cheng Heng Kai: *(Bangun)*

Tuan Yim Chee Chong: Ini boleh jawab. Saya beri jalan kepada beliau, saya tahu dia berani. Saya beri perluang kepadanya. Apakah maknanya "Ke Ch'ng Meng Eng Fu". Silakan .

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, 'Ke Ch'ng Meng Eng Fu' ini bererti bahawa iaitu 'keadaan seperti sekaranglah'.

Tuan Yim Chee Chong: Ini silap *(Ketawa)*, ini salah belaka. Tidak baca buku, dia tidak tahu sastera Tionghua. Saya yang pandai dalam sastera Tionghua; *(Tepuk)* bukan sahaja dalam sastera Tionghua bahkan juga sastera Melayu! *(Tepuk)*. 'Ke Ch'ng Meng Eng Fu'. Yang Berhormat ini dari Bukit Mertajamkah? *(Ketawa)*

Seorang Ahli: Surat khabar lama.

Tuan Yim Chee Chong: Terjemahan dalam bahasa Malaysia kita 'Ke Ch'ng' bermakna 'kenaikan cukai-cukai dalam sebuah negara dan meluluskan undang-undang yang menindas rakyat jelata', 'Meng Eng Fu', dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, adalah bermakna 'lagi buas daripada harimau', ini adalah erti yang sejatinya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chian Heng Kai: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Dia bangun, Yang Berhormat.

Tuan Yim Chee Chong: Boleh, boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Beri jalan?

Tuan Yim Chee Chong: Beri jalan.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat dari Seremban memberi sedikit penjelasan bahawa 'Ke Ch'ng' itu adakah ertinya 'naik cukai'? Tetapi pada pendapat saya 'Ke Ch'ng itu bukan 'naik cukai', 'Ke Ch'ng' itu ialah 'pemerintah yang zalim sekali'.

Tuan Yim Chee Chong: Betulkah? Pemerintahan yang zalim sekali adalah termasuk 'naik cukai' *(Ketawa)* dan meluluskan undang-undang yang menindas rakyat. Bukan saya hendak show off, Bukit Mertajam! Kawan-kawan yang kenal saya mereka tahu saya adalah seorang yang sentiasa merendahkan diri *(Tepuk)* seperti bidalan Melayu yang mengatakan "seperti buah padi, semakin berisi semakin rendah" *(Tepuk)*. Hari ini saya ingin mengatakan "semakin kaya semakin mendiamkan diri" *(Ketawa)* tetapi saya belum kaya lagi Tuan Yang di-Pertua, satu hari akan kaya.

Seorang Ahli: Sebab itu bising! *(Ketawa)*

Tuan Yim Chee Chong: Hari ini Tuan Yang di-Pertua, sesudah 2,000 tahun kemudian, di ibu kota Malaysia iaitu pada 28hb. Oktober tahun ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana

Menteri merangkap Menteri Kewangan mengumumkan Belanjawan 1995. Tahniah dan syabas kepada negara kita ini! *(Tepuk)* Budget ini adalah budget yang terbaik di dalam dunia ini!

Tuan Yang di-Pertua, saya bukan sahaja menuntut undang-undang bahkan menuntut politik. Selain daripada mempunyai Bachelor of Law, saya juga adalah Bachelor of Politic. *(Tepuk)* Bukan sahaja itu, ramai orang kata saya adalah seorang Historian. Saya mengkaji History dunia!

Seorang Ahli: *(Bangun)*

Tuan Yim Chee Chong: Jangan dulu, Bukit Mertajam, saya belum habis lagi takkan saya hendak beri!

Saya adalah seorang Historian. Saya mengkaji Chinese History selama 5,000 tahun. *(Ketawa)* History lima ribu tahun dahulu, belum habis lagi. Juga saya mengkaji History Malaysia, History Asia Tenggara dan History Dunia. Dua ribu tahun sampai sekarang, Belanjawan ini adalah Belanjawan yang terbaik di dalam dunia sejak 5 ribu tahun dahulu sampai sekarang. *(Tepuk)*

Hari itu saya pernah mengatakan Belanjawan ini ada orang kata Belanjawan Pilihanraya, Belanjawan biasa dan seterusnya. Mengikut pandangan saya Belanjawan ini adalah Belanjawan rakyat jelata. *(Tepuk)* Kerajaan Barisan Nasional ini dipilih oleh rakyat. Abraham Lincoln, semua orang tahu! Tak payah saya perkenalkan dia. Abraham Lincoln pernah mengatakan bahawa sesebuah negara kalau kerajaan itu adalah kerajaan rakyat, oleh rakyat dan untuk rakyat maka negara ini tidak akan di lenyapkan di muka bumi ini. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, hari ini Belanjawan ini mengikut History – sama lima tahun menuntut di UK dan lima tahun lama juga, hari-hari saya baca newspaper. British Government dalam tempoh lima tahun semasa saya menuntut di UK tidak pernah mengumumkan Belanjawan semacam ini. Cuma cukai naik, cukai naik. Hari ini saya ingin mengatakan cukai turun dan rakyat di Malaysia dari semua bangsa dan semua lapisan menerima durian runtuh daripada Belanjawan 1995 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan pada 28hb. Oktober tahun ini.

Tuan Shahidan bin Kassim: *(Bangun)*

Tuan Yim Chee Chong: Ini kawan baik saya, bila-bila sahaja boleh.

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, saya ingin bertanya, Ahli-ahli DAP termasuk Kota Melaka dan termasuk juga Ketua Semangat 46 mengatakan mereka tidak bersetuju yang Belanjawan ini Belanjawan yang baik. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Kedua, dalam masa yang sama di samping mereka mangatakan Belanjawan ini Belanjawan yang tidak baik, Ketua Semangat Melayu 46 telah mengeluarkan kenyataan bahawa Belanjawan ini Belanjawan yang menyelewengkan rakyat, tetapi kenyataan ini dikeluarkan melalui, media asing. Apakah Yang Berhormat menganggap Ketua Semangat Melayu 46 ini sebagai penderhaka atau apakah yang Yang Berhormat fikir boleh digunakan istilah untuk tujuan tersebut? Yang Berhormat ada tulis atau tidak? *(Ketawa)*

Tuan Yim Chee Chong: Pen saya sudah habis inklah! *(Ketawa)* Jadi saya hendak pinjam . . . . .

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab. Ahli-ahli DAP mengatakan Belanjawan ini tidak baik dan mereka tidak bersetuju. Juga tadi saya dengar – "wayang kulit yang mengabui mata". Beberapa hari dahulu Ahli Yang Berhormat dari DAP mengatakan Belanjawan ini mengorbankan hasil negara untuk memancing undi. Mustahil! Mereka adalah dari hati yang tidak jujur! Setakat ini di Seremban, ke mana sahaja saya pergi dari semua bangsa mereka sambut dengan baik Belanjawan ini. Jadi, mereka yang tidak bersetuju adalah dari hati yang tidak jujur! *(Tepuk)* Bukan jahat, ya! Tetapi mungkin di hati mereka kata ini baik, tetapi oleh kerana political mileage, mereka kata tidak baik . . . . .

Tuan Kerk Kim Hock: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Pasir Pinji bangun.

Tuan Yim Chee Chong: Nanti saya habis dahulu. Saya ingin juga hendak beri jalan tetapi kawan saya kata minta saya habiskan dahulu. Minta maaf. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada dua minit lagi.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, ada banyak lagi. Bolehkah saya minta 10 minit lagi? Okaykah?

Tuan Shahidan bin Kassim: *(Menyampuk)*

Tuan Yim Chee Chong: Arau kata okay. Arau kata Tuan Yang di-Pertua orang baik.

Tuan Shahidan bin kassim: *(Menyampuk)*

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan hal Ehwal Pengguna (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): *(Bangun)*

Tuan Yim Chee Chong: Ya, Timbalan Menteri.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa oleh sebab Belanjawan ini adalah begitu baik sekali maka selepas pilihan raya yang akan datang ini maka tidak akan ada lagi Pembangkang di sana?

Tuan Yim Chee Chong: Ini saya setuju, Tuan Yang di-Pertua. Hari ini ada seramai 20 orang ahli dari DAP. Lepas pilihan raya saya ingat tinggal dua sahaja. *(Tepuk) (Disampuk)* Bapa dengan anak—anak beranak. *(Tepuk)* We say good-bye!

Tuan Kerk Kim Hock: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Dia sudah duduk, Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Sebagai seorang jurutera, saya bukan pakar kesusasteraan tetapi saya ingin bertanya Yang Berhormat dari Seremban. Dalam ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri beliau ada mengatakan bahawa prinsip "Shu" Confucius itu bermakna 'persalingar'. Saya tahu daripada reaksi pemberita dan daripada apa yang saya boleh rujuk dalam buku-buku asal, itu bukan maknanya yang betul. Oleh kerana makna 'shu' itu ialah che suo pu yee, ooh su e ren – 'don't do to other what you don't wish to be done upon yourself'. Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat dari Seremban, adakah ia bersetuju bahawa makna yang digunakan oleh Menteri Kewangan itu adalah salah?

Tuan Yim Chee Chong: Saudara yang salah! *(Tepuk)* Sebenarnya ucapan dari Menteri Kewangan itu betul. Orangnya pandai dan bijaksana, lebih pandai daripada Sang Kancil. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Yim Chee Chong: Sang kancil betul! Ini bukan kereta "Kancil" *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Seremban, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Yim Chee Chong: Saya tak dengar! Saya minta gulung.

Tuan Yang di-Pertua: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya ada 10 copy dan cuma 2 copy sahaja finished. Banyak lagi muka surat belum habis tetapi sekarang sudah minta gulung, maka terpaksa saya gulung.

Seorang Ahli: Saya minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Yim Chee Chong: Tak payahlah! Kawan saya kata tak payah bagi walaupun saya hendak beri. Tetapi oleh kerana arahan kawan baik saya, jadi saya bagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Seremban, masa Yang Berhormat sudah cukup. Sila duduklah, Yang Berhormat.

Tuan Yim Chee Chong: Ya, gulung! Gulung itu senang sahaja. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk, Yang Berhormat.

Tuan Yim Chee Chong: Saya ingin gulung. Oleh kerana Belanjawan ini baik sangat, maka saya memohon menyokong dan saya menyeru rakyat jelata di Malaysia menyokong penuh Belanjawan ini sebab ianya yang terbaik di dunia bukan sahaja di Asia Tenggara. Sekian, terima kasih. "Sher, sher, Tuan Yang di-Pertua. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua: Pasir Pinji.

5.59 ptg.

Tuan Kerk Kim Hock (Pasir Pinji): Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Belanjawan 1995, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan tambahan kepada pusingan baru dan dengan itu telah menjadikan keseluruhan peruntukan bagi perumahan kos rendah RM2.6 bilion. Akan tetapi rakyat golongan miskin dan berpendapatan rendah cuma akan menikmati manfaat dari rancangan kerajaan sekiranya sasaran pembinaan rumah kos rendah dapat dicapai dan dicapai mengikut jadual.

Laporan Ekonomi 1994/1995 telah menyatakan bahawa sehingga akhir tahun 1993 sektor swasta telah mencapai 68% daripada sasarannya di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Manakala sektor awam telah menyempurnakan 22% daripada sasarannya. Memandangkan Rancangan Malaysia Keenam akan berakhir pada tahun 1995 jelas sekali bahawa sasaran yang ditetapkan tidak akan dicapai. Dalam kata lain, kerajaan telah

gagal dalam usahanya untuk mengatasi masalah perumahan di kalangan rakyat termiskin dan berpendapatan rendah.

Saya pernah membaca satu buku yang menyatakan bahawa sebuah kerajaan yang baik hendaklah berjaya sekurang-kurangnya dalam tiga sektor iaitu pekerjaan, perumahan dan pendidikan. Nyata sekali, apa sahaja alasan yang akan diberi oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, beliau tunduk kepada kebenaran, iaitu Kerajaan Barisan Nasional perlu meningkatkan lagi usahanya sebelum ia boleh disifatkan sebagai satu kerajaan yang telah berjaya memenuhi kehendak dan keperluan asas rakyat jelata, terutama sekali golongan rakyat miskin.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah berkata bahawa matlamat membina rumah kos rendah dalam Rancangan Malaysia Keenam tidak tercapai berikutan sikap kerajaan negeri tidak memberi keutamaan kepada pembinaan rumah kos rendah. Jelas sekali bahawa cogan kata 'Kepimpinan Melalui Teladan, telah tenggelam seperti batu tenggelam dalam laut. Saya berharap Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan Kabinet akan memandang serius perkara ini dan mengambil tindakan tegas untuk memastikan semua negeri melaksanakan tanggungjawab mereka untuk menyediakan lebih rumah kos rendah. Sebenarnya sebelum Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengkritik Kerajaan Negeri atas kegagalan mereka, beliau hendaklah mengkritik diri sendiri.

Pada 26hb. November 1991 semasa menjawab perkara yang telah ditimbulkan dalam perbahasan Belanjawan, Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang kini telah menjadi Menteri telah memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa kajian terperinci sedang dijalankan ke atas cadangan untuk menubuhkan Lembaga Perumahan Negara dan keputusan mengenainya dijangka dibuat tidak lama lagi. Apakah sebabnya sehingga hari ini Rang Undang-undang berhubung dengan penubuhan Lembaga Perumahan Negara belum dapat disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Laporan Ekonomi 1994/1995 sebanyak 222 projek perumahan terbengkalai telah dipulihkan, manakala 124 projek tidak sesuai untuk dipulihkan. Sebenarnya walaupun adanya projek yang tidak boleh dipulihkan di bawah Tabung Projek Perumahan Terbengkalai, adanya projek di dalam golongan ini yang boleh dipulihkan sekiranya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sanggup memainkan peranan yang agresif dan serius dalam perihal membantu para pembeli yang telah menderita.

Kes Taman Bercam Jaya Fasa II di Ipoh merupakan satu contoh baik yang menunjukkan kekurangan komitmen dalam usaha kementerian untuk membantu para pembeli yang terlibat. Dalam Ucapan Penangguhan saya pada bulan Julai tahun ini, saya telah menimbulkan penderitaan yang dialami oleh 40 orang pembeli yang telah membayar lebih daripada RM300,000 sebagai wang deposit dan telah sabar menunggu selama tujuh tahun, dan sehingga hari ini satu tiang rumah pun belum dibina. Saya juga telah menjelaskan perkembangan yang terbaru kes itu dan penghalang utama dalam usaha untuk menyelesaikan masalah para pembeli. Akan tetapi, jawapan bertulis yang diberikan kepada saya oleh Kementerian

Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 17hb. Oktober tahun ini adalah begitu mengecewakan. Jawapan yang diberikan adalah berkaitan dengan keadaan tiga tahun lalu yang tiada relevan langsung dengan perkembangan terkini. Saya tidak mempertikaikan keikhlasan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah berjanji untuk bantu para pembeli terlibat. Akan tetapi, hasil siasatan kementerian menunjukkan ada sesuatu yang tidak kena. Adakah kementerian telah ditipu oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Perak yang merupakan pemilik tanah projek berkenaan dan juga penghalang utama.

Tuan Yang di-Pertua, pegawai dan kakitangan kerajaan sama ada di peringkat Persekutuan, Negeri atau Kerajaan Tempatan memainkan peranan yang penting dalam usaha memastikan semua rancangan dapat dijalankan dengan lancar dan licin. Sikap birokratik seseorang pegawai bukan sahaja akan melambatkan pelaksanaan projek, ia boleh menyusahkan rakyat.

Baru-baru ini Pejabat Tanah Kinta, Ipoh telah menggunakan Seksyen 425(a) Kanun Tanah Negara untuk memberi notis menduduki tanah kerajaan tanpa kuasa yang sah kepada peniaga di Ipoh, atas alasan mereka didapati menggunakan ruang udara di tanah Kerajaan tanpa kuasa yang sah. Selama ini, peniaga Ipoh seperti peniaga di seluruh Malaysia cuma tahu bahawa untuk mendirikan papan iklan di kedai mereka, mereka cuma dikehendaki untuk mendapatkan lesen iklan dari Kerajaan Tempatan. Kini tiba-tiba mereka diberi tempoh 30 hari untuk menurunkan papan iklan berkenaan. Kalau Seksyen 425(a) Kanun Tanah Negara dikuatkuasakan di seluruh Malaysia, ini bermakna banyak papan iklan akan atau hendak diturunkan. Dan sesiapa yang tidak mematuhi notis itu boleh dikenakan denda sebanyak RM2,000 atau 6 bulan penjara ataupun kedua-duanya sekali. Kejadian berkenaan memang menunjukkan bahawa pegawai yang bersikap biroktratik sanggup menguatkuasakan undang-undang yang sudah ketinggalan zaman untuk menyusahkan rakyat. Perlulah kerajaan meminda undang-undang berkenaan yang telah ketinggalan zaman.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita telah merdeka selama 37 tahun dan tidak boleh dinafikan bahawa pembangunan dapat diperlihatkan. Akan tetapi, negara kita menghendaki pembangunan yang seimbang dan menyeluruh. Pembangunan dalam teknologi, pendidikan, ekonomi, demokrasi dan sebagainya adalah penting. Selama ini pembangunan demokrasi tidak pernah diutamakan oleh kerajaan. Dalam hubungan ini, saya berpendapat bahawa sekiranya kita mengikut definisi, makna dan konsep yang paling asas sekali bagi demokrasi, demokrasi negara kita boleh disifatkan sebagai demokrasi yang berasaskan prinsip demokrasi purba, ancient democracy. Demokrasi purba menegaskan prinsip pemerintahan majoriti. Manakala demokrasi moden menegaskan kewujudan hak-hak asasi yang tidak boleh dirampas, dengan izin, ancient democracy stresses only on majority rule as a validating principle whereas modern democracy stresses on the operating presence of inalienable rights. Dalam demokrasi yang moden, majoriti boleh buat segala kecuali merampas hak kebebasan minoriti. Ini adalah kerana, dengan izin, the democratic government is one in which the minority or its representatives may peacefully become the majority or the representatives of the majority. Majorities could do everything except

deprive minorities of the freedom of speech, press, assembly, rights, etc. and so on, the exercise of which might enable the minority peacefully to win over the electorate and come to power. Keadaan di negara kita memang tidak menepati kehendak syarat-syarat demokrasi moden.

Tuan Speaker, banyak telah diperkatakan berkenaan dengan isu rancangan 'Four Corners' yang ditayangkan oleh Australian Broadcasting Corporation. Saya tidak ingin berucap panjang lebar berkenaan perkara ini, dan cuma akan menimbulkan dua perkara yang berkaitan, iaitu yang pertama, sekiranya Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama benar-benar percaya bahawa Yang Berhormat dari Bandar Kuching itu telah menjejaskan imej kerajaan atau imej negara . . . . .

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat. Seremban yang bangun.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, demokrasi macam mana yang Yang Berhormat mahu? It sahaja, senang sahaja jawab.

Tuan Kerk Kim Hock: Kalau hendak pinjam buku saya boleh beri. *(Ketawa)* Ini lawyer tidak baca buku – prinsip-prinsip demokrasi yang tulen, demokrasi yang modern memang wujud di dunia ini. Kalau kita buat bandingan, Kerajaan Barisan Nasional akan kata kita ikut Western democracy. Tetapi saya tidak sebut Western atau Eastern, saya cuma sebut demokrasi moden.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama, sekiranya Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama benar-benar percaya bahawa Yang Berhormat dari Bandar Kuching telah menjejaskan imej kerajaan atau negara, dan bahawa kerajaan memang memandang serius isu ini, apakah sebabnya isu ini mahu diperhebohkan sekarang, iaitu selepas 6 bulan rancangan itu ditayangkan di Australia.

Yang kedua, pihak kerajaan telah berkata bahawa kejayaan dalam pilihan raya 1990 menunjukkan bahawa majoriti rakyat kita memang bijak menilai yang mana intan, yang mana kaca. Apakah sebabnya Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama takut untuk mengadakan satu public debate dengan DAP supaya rakyat diberi peluang untuk mengetahui kebenaran. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada satu Usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

6.20 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

> Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pada pukul 8.00 malam atau manakala selesai perbahasan oleh Ahli-ahli yang bukan anggota pentadbiran mengikut yang mana terdahulu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Bernard Giluk Dompok): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ada suatu Usul yang menyatakan:

> Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pada pukul 8.00 malam atau manakala selesai perbahasan oleh Ahli-ahli yang bukan anggota pentadbiran mengikut yang mana terdahulu.

hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan.

> Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pada pukul 8.00 malam atau manakala selesai perbahasan oleh Ahli-ahli yang bukan anggota pentadbiran mengikut yang mana terdahulu.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1995

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1995

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Langat.

6.22 ptg.

Datuk Haji Basri bin Bajuri (Kuala Langat): Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang telah membentangkan satu Belanjawan negara yang sungguh mengkagum dan menyenangkan rakyat dari semua golongan.

Sesungguhnya Belanjawan tahun 1995 merupakan satu usaha berani dan terbaik setakat ini. Ini sudah pasti bertolak dari kemantapan kerajaan dan kekesanan Dasar Kewangan Negara. Untuk membentangkan satu Belanjawan berimbang oleh sebuah negara membangun bukanlah suatu perkara biasa dan bukan juga suatu perkara mudah. Ia memerlukan keadaan politik yang stabil, pengurusan pentadbiran yang cekap, pertumbuhan ekonomi yang mantap dan keyakinan negara-negara lain. Lebih-lebih lagi dalam suasana politik dan ekonomi dunia yang sedang bergolak.

Belanjawan 1995 sekali gus meyakinkan rakyat betapa seriusnya kerajaan menangani masalah ekonomi dan sosial negara. Ia juga jelas menunjukkan betapa kerajaan prihatin terhadap masalah kemiskinan dan pembangunan insan. Biarlah apa Pembangkang hendak kata, sama ada Belanjawan ini Belanjawan pancing undi atau Belanjawan Pilihanraya. Yang jelas, mereka sendiri menyambut baik Belanjawan 1995. Lagi pun Belanjawan ini tidak menjanjikan "bulan", tidak menjanjikan "syurga" dan tidak juga menjanjikan "bidadari". Apa yang dijanjikan hanyalah sebulan bonus, kesaksamaan dan keselesaan hidup.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik hati dengan ungkapan yang berbunyi: "Kerangka Belanjawan akan berpaksi kepada pembangunan insan seutuhnya. Meluru ke arah pertumbuhan yang

tangkas dan rancak". Dan satu lagi ungkapan yang berbunyi: "Mendasari program tersebut, kedamaian keluarga dan penyertaan remaja".

Bagi saya, pembangunan insan adalah perkara pokok yang semestinya diberi keutamaan. Tidak ada maknanya, kerajaan berbelanja berbilion ringgit setiap tahun untuk membangunkan ekonomi, jika tidak disertai dengan pembangunan insan. Peruntukan besar yang diberikan kepada Kementerian Pendidikan adalah sesuatu yang dialu-alukan kerana pendidikan merupakan segala-galanya. Tidak ada ertinya rakyat hidup mewah jika akhlak mereka rosak dan fikiran mereka beku.

Sejak kebelakangan ini, rata-rata rakyat umum membincang dan memperkatakan masalah sosial di antaranya ialah masalah moral. Anak lari dari rumah, masalah lepak, masalah ponteng sekolah, masalah bohsia dan bohjan dan dadah. Apa yang menarik hati kita ialah masalah-masalah tersebut, lebih banyak melibatkan masyarakat Melayu yang beragama Islam, sedangkan masyarakat Cina dan India yang tinggal dalam keadaan dan alam sekitar yang sama, tidak menghadapi masalah seserius itu. Di manakah silapnya? Apakah kerana sistem politik atau sistem pendidikan kita? Apakah kerana subsidi yang terlalu banyak diberikan kepada mereka menyebabkan mereka tidak independence. Atau adakah kerana sistem pendidikan yang telalu mengutamakan kecemerlangan akademik menyebabkan anak-anak kita hilang keyakinan diri?

Yang cemerlang terus mendapat pembelaan dan yang lemah terus terabai. Sebagai contoh, kita seolah-olah lebih mengutamakan membina universiti-universiti dari sekolah-sekolah teknik dan vokasional. Dalam hubungan ini, saya ingin menyentuh sedikit tentang pendidikan dan pembelajaran. Kalau kita teliti falsafah pendidikan negara, ia merupakan usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu bagi melahirkan insan berilmu dan mampu mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan kepada negara – adalah suatu yang amat cantik dan ideal. Tetapi dari segi pelaksanaan dan amalannya, ia masih perlu dibincang secara mendalam.

Untuk menjayakannya, hari ini kita banyak bergantung kepada guru-guru termasuklah guru agama. Hari ini guru-guru dibebankan dengan tugas dan tekanan yang berat. Bilangan murid dalam darjah jauh melebihi dari yang diperakukan oleh KBSR dan KBSM. Begitu juga dengan alat kelengkapannya. Guru-guru juga terikat dengan kurikulum dan gaji yang tidak menarik. Kelulusan peperiksaan akademik dijadikan ukuran kejayaan seseorang murid atau kejayaan sesebuah sekolah. Murid yang kurang cerdas dalam akademiknya, sedangkan mereka mempunyai potensi dalam bidang-bidang tertentu, seolah-olah tidak mendapat dorongan dan bimbingan untuk mengasah bakat yang sedia ada dan akhirnya mereka terumbang-ambing.

Dengan kata lain, apa yang dikejar oleh ibu bapa, murid dan guru adalah kecemerlangan akademik, bukan pengembangan potensi individu. Pada pendapat saya, jika keadaan ini berterusan, matlamat kita untuk mewujudkan satu rupa bangsa yang berilmu dan mampu mencapai kesejahteraan diri atau masyarakat berdikari tidak akan tercapai kerana pada

puratanya lebih ramai murid yang tidak cemerlang dari yang cemerlang akademiknya, sedangkan yang harus kita beri keutamaan ialah mereka yang gagal dalam peperiksaan PMR dan SPM.

Mereka hari ini seolah-olah terbiar. Pandai-pandailah hendak hidup! Dengan kata lain, sistem pendidikan kita lebih banyak melahirkan anak-anak yang gagal atau tidak cemerlang dari yang cemerlang. Walaupun kita tahu, setiap orang ada kelebihannya, yang boleh menjadikannya cemerlang dalam bidangnya. Untuk mengatasi masalah itu, satu reformasi pendidikan atau sistem pembelajaran yang melaluinya kita dapat melahirkan individu yang dikehendaki dan diperlukan oleh negara mesti dilakukan segera. Untuk mencapai taraf negara maju, kita memerlukan rakyat yang berilmu, berakhlak mulia. Oleh itu, sistem pembelajaran kita harus diberi penekanan terhadap pembentukan peribadi yang unggul seperti 'berilmu, berketrampilan, berfikiran positif, berakhlak mulia, berwawasan, dedikasi, tekun dan komited".

Tuan Yang di-Pertua, kita memerlukan banyak tenaga manusia. Kita memerlukan ramai tenaga di peringkat operator, technician dan juga pengurusan. Dalam hubungan ini, bilangan operator seharusnya lebih ramai dari bilangan technician dan bilangan technician lebih ramai dari bilangan pengurusan. Tetapi kalau kita lihat dari struktur persekolahan kita hari ini, kita tidak nampak bagaimana kita boleh mencapai ke arah itu. Setiap tahun kita melihat puluhan ribu lepasan sekolah dan ribuan graduan yang memasuki pasaran buruh. Sedangkan bilangan technician yang keluar dari sekolah menengah vokasional atau politeknik terlalu sedikit, walhal golongan inilah yang sangat diperlukan oleh negara.

Oleh itu, saya suka mencadangkan supaya bilangan sekolah menengah vokasional dan politeknik diperbanyakkan dan jika boleh diwujudkan satu sekolah menengah vokasional atau politeknik di setiap daerah.

Satu lagi perkara yang ingin saya ketengahkan di sini ialah mengenai gejala sosial. Di satu pihak, kerajaan nampaknya bersungguh-sungguh untuk membasmi gejala-gejala buruk sosial tetapi di satu pihak lain, kerajaan seolah-olah tidak kisah. Contohnya, di satu pihak Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, pihak Polis, Jabatan Agama Negeri-negeri, Pemadam dan lain-lain bersungguh-sungguh membanteras maksiat, penyalahgunaan dadah, lepak, bohsia dan lain-lain, tetapi di satu pihak pula, kerajaan mengeluarkan lesen-lesen konsert, disko, karaoke, kelab-kelab malam tanpa kawalan yang sepatutunya. Begitu juga dengan tayangan-tayangan filem. Banyak filem-filem yang ditayangkan yang bertentangan dengan nilai-nilai ketimuran dan juga nilai-nilai Islam. Di satu pihak, kita mahu membentuk nilai-nilai murni tetapi di satu pihak tayangan-tayangan filem bertentangan dengan nilai-nilai murni.

Tuan Yang di-Pertua, kepesatan pembangunan fizikal tidak seharusnya menjadi ancaman kepada sektor pertanian. Lebih-lebih lagi sektor perikanan. Pada masa ini, sudah telalu banyak kawasan penangkapan ikan yang tercemar, khususnya sungai-sungai dan laut di pantai barat Semenanjung. Pembangunan industri petroleum juga menjadi ancaman kepada nelayan tradisional, banyak kawasan menangkap ikan yang telah diambil,

kekurangan bekalan ikan dan bertambahnya permintaan, menjadikan harga ikan meningkat. Memandangkan industri perikanan merupakan satu industri yang sangat berpotensi, sedangkan bilangan nelayan semakin menurun, maka sudah sampai masanya kerajaan melalui Kementerian Pendidikan menjadikan perikanan satu industri yang menarik. Hari ini, kita dapati sudah ada sekolah politeknik, sekolah-sekolah menengah vokasional yang mengkhusus dalam bidang-bidang pertanian, elektronik, mekanikal, perdagangan dan sebagainya, tetapi belum wujud sebuah pun sekolah menengah vokasional yang khusus untuk perikanan, seolah-olah perikanan atau ikan bukan satu industri yang penting atau satu industri yang malang.

Oleh itu, saya suka mencadangkan supaya diwujudkan sekolah menengah vokasional khusus untuk bidang perikanan, di mana melalui sekolah tersebut, kita akan dapat melahirkan sumber tenaga manusia yang lebih moden serta usahawan-usahawan di samping membangunkan industrian perikanan negara yang masih jauh ketinggalan berbanding dengan negara-negara seperti Jepun, Korea, Taiwan mahupun Thailand. Hari ini nelayan-nelayan ke laut . . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung.

Dato' Haji Basri bin Bajuri: . . . . . bukan hendak menangkap ikan, tetapi hendak memburu ikan. Untuk mencapai ke peringkat maju dalam industri perikanan, kita memerlukan satu peruntukan yang besar, lebih-lebih lagi dalam usaha kita membangunkan masyarakat nelayan dan industri perikanan.

Bagi menggulungnya saya suka menekankan bahawa pembangunan yang pesat dan pertumbuhan ekonomi yang membanggakan terpaksa dibayar dengan risiko dan ancaman kesihatan yang tinggi.

Peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar yang berjumlah RM122 juta itu bukanlah satu peruntukan yang besar, tetapi perlu ditambah kerana memandangkan betapa seriusnya masalah pencemaran dalam negara kita, selain dari masalah jerebu, pertumbuhan industri-industri kecil di kawasan-kawasan perumahan, pertumbuhan kilang-kilang yang tidak dirancang bukan sahaja menyakitkan mata memandang tetapi juga memburukkan pencemaran, di samping mengancam kesihatan kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Serian.

6.36 ptg.

Richard Riot anak Jaem (Serian): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk melahirkan sokongan penuh saya kepada Belanjawan Negara 1995 dan dengan ini mengucapkan syabas dan tahniah serta mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim Menteri Kewangan yang kita sanjungi lagi kasihi yang telah berjaya membentang Belanjawan yang begitu baik sekali.

Nyata Belanjawan Negara 1995 ini disambut baik oleh seluruh rakyat Malaysia dari segenap lapisan masyarakat, sama ada golongan yang berada atau yang tidak berada, sama ada ahli-ahli korporat atau orang-orang yang makan gaji. Nyata

semua rakyat gembira dan memujinya dan beberapa gelaran yang diberikan oleh rakyat terhadapnya, gelaran-gelaran yang memberi pujian belaka, seperti di bawah ini memanglah tepat:

(i) Belanjawan terbaik sejak merdeka;

(ii) Belanjawan rakyat;

(iii) Belanjawan penyayang;

(iv) Belanjawan membalas budi; dan

(v) Belanjawan kejayaan pemerintahan Barisan Nasional,

kerana belanjawan yang berorientasikan kepentingan rakyat ini sememangnya adalah belanjawan terbaik dalam sejarah kita, sememangnya adalah belanjawan rakyat, sememangnya adalah belanjawan penyayang, belanjawan membalas budi dan sememangnya belanjawan kejayaan pemerintahan Barisan Nasional.

Nyata reaksi rakyat Malaysia terhadap Belanjawan Negara 1995 ini adalah positif belaka terutama sekali bila mendengar bahawa:

(i) duti import ke atas lebih 2,600 jenis barangan, termasuk 600 jenis barang makanan dikurangkan atau dihapuskan;

(ii) cukai pendapatan individu, syarikat dan koperasi diturunkan;

(iii) duti eksais ke atas lori, tayar, minyak pelincir dan beberapa barangan lain dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, semua ini sudah tentu akan memberi faedah dan memberi manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia terutama sekali mereka yang berpendapatan rendah. Tidak cukup dengan penurunan dan penghapusan cukai, duti import dan duti eksais ini, kerajaan pula memberi bonus sebulan gaji dengan kadar minima RM600 kepada kesemua 800,000 pegawai dan kakitangannya, termasuk polis dan tentera sebagai menghargai jasa mereka. Ini melibatkan perbelanjaan RM1bilion.

Tuan Yang di-Pertua, penurunan dan penghapusan cukai, duti import dan duti eksais akan menyebabkan negara kita kehilangan hasil cukai sebanyak RM2 bilion, tetapi kerajaan sedia berbuat demikian kerana kerajaan kita yang kita kasihi memang mementingkan rakyat, memang sayang kepada rakyatnya.

Tuan Yang di-Pertua, semua penurunan ini dan bonus kepada pegawai kerajaan tidak mungkin dapat diberi oleh kerajaan kalau ekonomi negara tidak kukuh. Tetapi, ekonomi negara kita yang sangat kita cintai ini sangatlah kukuh dan stabil. Dengan pertumbuhan ekonomi negara yang begitu pesat dan mampam, melebihi 8% selama 7 tahun berturut-turut, iaitu sejak tahun 1988, iaitu di antara yang tertinggi di dunia dan sukar ditandingi oleh mana-mana negara; dengan pencapaian cemerlang belanjawan berimbang 1994 yang menghasilkan kajayaan-kejayaan antara lain:

(i) lebihan (surplus) lebih kukuh iaitu RM637 juta jauh berbeza dari defisit belanjawan 1982 berjumlah RM11.2 bilion;

(ii) dengan rizab negara yang menuncak kepada RM81.7 bilion dan mampu menampung import tertangguh selama 6.7 bulan; kerajaan kita dapat memberi habuan kepada rakyatnya melalui Belanjawan 1995 yang dibentangkan pada 28 Oktober yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini kita harus bersyukur kepada Tuhan dan mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada pemimpin-pemimpin negara di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri yang kita kasihi lagi segani, dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan serta pegawai-pegawai kerajaan kerana telah berjaya mengurus ekonomi negara dengan bijak, cekap, disiplin lagi ketat.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan Negara 1995 dirangka bagi mencapai 4 objektif. Saya tidak berhajat untuk menyebutkan objektif-objektif ini. Kita percaya bahawa dengan kecekapan, dengan kebijaksanaan para pegawai kita mengurus Belanjawan negara kita untuk tahun 1995 ini, kesemua empat-empat objektif ini akan dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang pembangunan desa. Banyak negara berbangga mempamerkan wajah kota raya gemilang dengan bangunan-bangunan yang mencakar langit tetapi menyisihkan pembangunan wilayah dan desa. Kita di Malaysia amat bernasib baik. Bernasib baik kerana para pemimpin negara kita tidak berbuat demikian. Kita bernasib baik kerana negara kita menerusi falsafah pembangunannya ingin mengintegrasikan pertumbuhan dengan pengagihan.

Dalam hal ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kerajaan kerana memperuntukan hampir 64% atau RM9.2 bilion daripada Belanjawan Pembangunan untuk melaksanakan projek-projek di wilayah dan kawasan desa.

Tuan Yang di-Pertua, selaku Wakil Rakyat dari Sarawak yang kebanyakan daripada penduduk-penduduknya iaitu lebih kurang 80% adalah masyarakat luar bandar yang tinggal di desa, di pedalaman, di pinggiran hutan berhampiran dengan sungai, saya amat mengalukan peruntukan ini.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Sarawak telah merdeka dalam Malaysia selama 31 tahun. Kita bersyukur kepada Tuhan kerana selama 31 tahun ini khususnya di bawah pucuk pimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud menerusi dasar politik pembangunannya, negari Sarawak telah membangun dengan begitu pesat. Industri-industri, kilang-kilang, kompleks-kompleks komersial dan sebagainya tumbuh seperti cendawan khususnya di kota-kota dan pekan. Tanah-tanah terbiar dijadikan ladang estet. Pembangunan nampak di sana-sini, di seluruh negeri Sarawak. Akan tetapi oleh kerana negeri Sarawak begitu besar, begitu luas kawasannya hampir seluas dan sebesar seluruh kawasan Semenanjung Malaysia, tambahan pula dengan taburan penduduknya yang berselerak, negeri Sarawak masih ketinggalan dalam banyak bidang khususnya dalam bidang infrastruktur seperti jalan raya dan kemudahan-kemudahan asas seperti elektrik dan air, kalau dibandingkan dengan negeri-negeri di Semenanjung.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Kerajaan Pusat supaya memberikan perhatian yang khusus dan pertimbangan yang istimewa kepada negeri Sarawak semasa mengagihkan Belanjawan 1995 nanti. Ini yang benar-benar kita pohonkan supaya mewujudkan keseimbangan pembangunan antara wilayah ataupun negeri.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa jalan raya adalah nadi kepada segala pembangunan. Secara langsung atau tidak, kemudahan jalan raya akan meningkatkan taraf kehidupan dan sosio ekonomi penduduk-penduduk di sesebuah kawasan. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana telah memperuntukkan RM60 juta untuk pembinaan projek jalan utama Serian–Tebedu–sempadan Indonesia yang sedang giat berjalan dan saya harap jalan ini akan dapat siap mengikut jadual iaitu sebelum bulan November 1995. Sekali lagi berbanyak-banyak terima kasih saya ucapkan kepada Kerajaan Pusat di atas peruntukan yang begitu besar itu.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya Serian, masih terdapat tidak kurang daripada 15 buah yang langsung tidak boleh di hubungi dengan jalan melainkan dengan berjalan kaki berjam-jam merempuh bukit-bukau, merentasi banjaran gunung dan merintangi anak-anak sungai. Kawasan yang saya maksudkan ini ialah kawasan yang dipanggil Amo di daerah kecil Tebedu. Saya telah difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Sarawak telah pun bersetuju untuk membina jalan bagi menghubungkan kampung-kampung di kawasan tersebut. Saya telah difahamkan bahawa tender telah pun dibuat pada bulan April tahun ini tetapi sehingga sekarang belum ada berita lanjut mengenainya. Mungkin peruntukan Kerajaan Negeri tidak begitu mencukupi. Oleh yang demikian, saya merayu kepada Kementerian Luar Bandar yang di peruntukan RM134.8 juta untuk jalan-jalan luar bandar dalam Belanjawan Negara 1995 ini nanti untuk mengagihkan peruntukan untuk membiayai pembinaan projek tersebut. Jalan ini amat-amat diperlukan agar kawasan terpencil ini dapat juga membangun seperti kawasan-kawasan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga memohon kepada kerajaan supaya memberi peruntukan untuk menurap jalan-jalan seperti di bawah ini iaitu jalan-jalan yang telah wujud tidak kurang dari 15 tahun yang lalu tetapi masih jalan tanah dan jalan kerikil yang berdebu pada musim kemarau dan becak di musim tengkujuh. Jalan-jalan yang saya maksud-kan ialah:

(1) Jalan Tebakang–Mongkos;

(2) Jalan Baki–Riih;

(3) Jalan Koran–Mentong; dan

(4) Jalan Gedong–Triboh.

Tuan Yang di-Pertua, air dan elektrik adalah dua asas utiliti awam yang utama. Bekalan air – walaupun kerajaan telah memberi penekanan ke atas pelaksanaan program bekalan air luar bandar bagi membolehkan lebih ramai lagi penduduk luar bandar terutamanya mereka yang tinggal di kawasan-kawasan terpencil mendapat bekalan air yang bersih dan selamat, namun di negeri Sarawak, saya percaya liputannya masih rendah dan jauh di bawah paras liputan negara. Sebagai contoh, di kawasan saya Serian, kebanyakan penduduk luar bandar masih tidak mendapat bekalan air yang bersih dan selamat dan masih bergantung kepada sungai, gunung dan telaga.

Sarawak amnya, kawasan saya khususnya amat memerlukan banyak lagi peruntukan untuk melaksanakan program bekalan air luar bandarnya agar lebih ramai lagi penduduk luar bandar dapat menikmati bekalan air yang bersih dan selamat. Oleh itu saya amat kesal setelah meneliti pengagihan peruntukan Belanjawan Negara 1995 di mana peruntukan untuk bekalan air luar bandar bagi negeri Sarawak telah diturunkan. Dari peruntukan sebanyak RM20 juta pada tahun 1994, ia diturunkan menjadi hanya RM9 juta untuk tahun 1995 iaitu penurunan

sebanyak RM11 juta. Saya kesal mengapa ini boleh berlaku. Saya kesal mengapa pemotongan sebegitu besar iaitu sebanyak RM11 juta boleh dibuat sedangkan negeri Sarawak amnya dan kawasan saya khasnya amat-amat memerlukan peruntukan tersebut.

Begitu juga dengan bekalan elektrik. Saya amat kesal mendapat tahu bahawa peruntukan bagi bekalan elektrik ke luar bandar bagi negeri Sarawak telah dikurangkan dari RM40 juta pada tahun ini kepada hanya RM27 juta pada tahun 1995 iaitu penurunan sebanyak RM13 juta. Saya juga kesal dengan peruntukan ini kerana kadar liputan bekalan elektrik di luar bandar di negari Sarawak masih rendah dan masih memerlukan banyak pertolongan dari Kerajaan Pusat. Oleh yang demikian, saya benar-benar merayu kepada Kerajaan Pusat supaya mempertimbangkan semula pengagihan peruntukan kedua-dua perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalualukan cadangan kerajaan untuk memperuntukkan RM10.031 bilion bagi maksud pendidikan iaitu merupakan peruntukan yang paling besar pernah diluluskan bagi maksud pendidikan. Dari jumlah ini, Tuan Yang di-Pertua, RM6.251 bilion disediakan bagi keperluan pendidikan termasuk pendidikan rendah dan menengah. Sejumlah RM1.814 bilion pula disediakan bagi pembinaan dan kenaikan taraf lebih 1,600 buah sekolah termasuk sekolah vokasional, teknik, politeknik serta pembangunan beberapa universiti termasuk Universiti Malaysia Sarawak.

Mengenai Kementerian Pendidikan ini saya ingin menyentuh satu, dua perkara. Satu, rumah guru. Satu masalah yang dihadapi oleh para guru kita khususnya guru-guru di sekolah rendah di kawasan luar bandar ialah tidak cukup rumah guru. Sebagai contoh, di kawasan saya di Serian di mana terdapat 79 buah sekolah rendah yang mana kebanyakannya adalah di luar bandar, guru-guru di sekolah tersebut terpaksa berkongsi dua, tiga hingga lima orang dalam satu rumah guru, rumah yang buruk dan usang, tambah lagi tidak dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik. Bagi guru yang masih bujang, berkongsi rumah sebegini mungkin tidak mengapa sangat tetapi bagi guru-guru yang sudah berkeluarga, ini memang tidak boleh jadi.

Oleh yang demikian, saya merayu kepada kerajaan melalui Kementerian Pendidikan yang diperuntukan RM70 juta untuk rumah-rumah guru di luar bandar dalam Belanjawan 1995 supaya memberi perhatian yang serius tentang keadaan ini. Kedua, membina sekolah rendah baru.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan Sungai Aping, Tong Nibong, di daerah saya, Serian, memerlukan sebuah sekolah rendah baru bagi keperluan murid-murid dari tujuh buah kampung di kawasan tersebut iaitu Kampung Sungai Aping, Kampung Tong Nibong, Kampung Sungai Keranji, Kampung Sungai Paoh, Kampung Sungai Buru, Kampung Kenyalang dan Kampung Empassa.

Pada masa sekarang, ramai dari kanak-kanak di kawasan tersebut langsung tidak pernah ke sekolah dan perkara ini sebenarnya telah saya bangkitkan di Dewan yang mulia ini sebanyak dua kali iaitu pada tanggal 27hb. Oktober tahun lepas dan pada 17hb. Oktober tahun ini, iaitu sebulan yang lalu, tetapi jawapan yang diberi oleh kementerian tidak begitu memberangsangkan. Oleh yang demikian, saya memohon kepada kerajaan supaya benar-benar mengambil berat tentang keperluan mereka ini dengan membina sebuah sekolah rendah di kawasan tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Richard Riot anak Jaem: Dan untuk menggulang, saya terpaksa skip beberapa perkara dan menyebut sedikit tentang anggota keselamatan kita yang telah gugur.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang anggota keselamatan kita telah terkorban di Bosnia, Somalia dan Kampuchea demi keamanan sejagat. Antara mereka yang telah terkorban ialah Mendiang Koperal Ghani Anak Binjoi dari Kampung Koran Mawang, iaitu sebuah kampung di kawasan saya. Mendiang Koperal Ghani bersama-sama Allahyarham Staff Sarjan Azman Ahmad telah gugur di Somalia pada 18hb. Julai tahun ini dalam satu serang hendap semasa menjalankan tugas untuk menjaga keamanan antarabangsa di bawah panji Bangsa-Bangsa Bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, gugurnya wira-wira, gugurnya satria-satria kita ini di Somalia, Bosnia dan Kampuchea telah mengharumi nama negara kita di mata dunia. Gugurnya wira-wira kita ini demi keamanan sejagat menandakan dan menunjukkan kepada dunia bahawa negara kita yang dikasihi ini, iaitu negara Malaysia, negara yang sentiasa mengamalkan sikap berkecuali benar-benar cintakan kepada keamanan sejagat, keamanan dunia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Wakil Rakyat bagi kawasan Parlimen Serian dan bagi keluarga Mendiang Koperal Ghani Anak Binjoi, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada kerajaan di atas keprihatinan kerajaan dalam membantu keluarga mendiang setakat ini. Setakat ini, bantuan yang telah diberi oleh kerajaan kepada keluarga mendiang cukup memuaskan. Saya berharap dan saya percaya dan penuh yakin bahawa bantuan yang akan diberi oleh kerajaan kepada keluarga-keluarga mendiang dan juga kepada keluarga wira-wira kita yang gugur yang lain akan cukup memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa dan suntuk.

Tuan Richard Riot anak Jaem: Satu sahaja, satu ayat – sebab ini permintaan, saya anggap sebagai penting.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang benar-benar diperlukan oleh keluarga mendiang sekarang ialah sebuah pondok – sebuah rumah, kerana mendiang telah meninggalkan seorang isteri berusia hanya 24 tahun dan meninggalkan tiga orang anak. Anaknya berumur di antara 5 tahun hingga hanya 7 bulan; dan yang kecil sekali yang berumur 7 bulan ini waktu Mendiang telah gugur hanya berumur 7 hari sahaja.

Pada masa sekarang, keluarga ini, keluarga mendiang tinggal menumpang saudara mara di Kampung Koran dan ini amat menyulitkan dan merumitkan. Oleh yang demikian, sebagai akhir kata, saya benar-benar menyeru kepada kerajaan melalui Kementerian Pertahanan supaya mengambil tindakan yang segera, supaya mendirikan rumah untuk keluarga ini.

Dengan kata-kata itu, dengan doa agar negara kita yang dikasihi ini mencapai objektif-objektif Belanjawan 1995 untuk melangkah setapak lagi ke Wawasan 2020, saya dengan perasaan amat gembira dan bangganya menyokong Belanjawan Negara 1995. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kota Melaka.

6.56 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya memulakan ucapan saya, saya ada satu permintaan, kalau boleh kita pasang thermostat supaya hawa dingin boleh dinaikkan sedikit, kerana saya rasa bukan sahaja saya sendiri, tetapi ada Ahli-ahli Dewan Rakyat yang lain merasa bahawa kadangkala apabila tidak ada ramai Ahli-ahli di sini, agak dingin dan sejuk sedikit. So, kalau boleh, minta peruntukan daripada pihak kementerian untuk memasang thermostat supaya keadaan lebih panas sedikit.

Kedua, saya pun tertarik tentang keselamatan di sekitar kawasan Parlimen. Di sini saya rasa, ini dari pemerhatian saya, saya nampak hanya ada seorang pegawai secara permanent, dengan izin – permanent di Parlimen. Bangunan Parlimen sebagai satu kawasan yang amat penting di mana ramai pemimpin, bukan sahaja pemimpin dalam negeri, tetapi pemimpin negara yang mengunjungi kawasan ini, saya rasa adalah perlu bahawa pegawai keselamatan ditambah daripada hanya satu orang kepada sekurang-kurangnya 7 atau 10 orang untuk mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini berlaku.

Saya tahu bahawa hingga sekarang tidak ada apa-apa kejadian yang tidak diingini berlaku, tatapi adalah lebih baik kita mencegah sebarang kemungkinan dan menambah pegawai keselamatan. Adalah diharapkan bahawa kita dapat berbuat demikian dengan secepat mungkin. Kalau tidak nanti, kalau-kalau sesuatu berlaku, saya rasa kita pula hendak cari salah, mengapa hanya seorang pegawai keselamatan secara permanent yang ditempatkan di kawasan Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada Belanjawan yang disifatkan oleh kami sebagai satu Belanjawan Pilihanraya, sungguhpun pihak kerajaan telah menyatakan bahawa Belanjawan ini adalah satu Belanjawan yang paling baik sekali – ada seorang Ahli Parlimen pula bercakap "Yang paling baik di dunia dan sejak sejarah bermula". Saya rasa saya amat hairanlah mengapakah pandangan ini tidak dipersetujui oleh Bursa Saham Kuala Lumpur.

Kalau Belanjawan ini sebegitu baik, sejak Belanjawan ini dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 28hb. Oktober 1994, saham di Bursa Saham Kuala Lumpur menjunam jatuh daripada 1113 mata kepada 1029 mata pada hari Jumaat minggu yang lepas, iaitu kejatuhan sebanyak 83 mata.

Oleh sebab itu saya rasa amatlah jelas bahawa Belanjawan ini bukanlah sebegitu baik yang dilaung-laungkan oleh pihak kerajaan. Kalau tidak, Bursa Saham Kuala Lumpur tak akan jatuh dengan sebegitu besar sekali dan juga . . . . .

Tuan Yim Chee Chong: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Seremban bangun.

Tuan Yim Chee Chong: Bolehkah minta jalan?

Tuan Lim Guan Eng: Saya minta maaflah, saya tak cukup masa. Saya tak cukup masa.

Tuan Yim Chee Chong: Ya, saya berani komen you punya statement itu yang silap!

Tuan Lim Guan Eng: Saya tak cukup masa, minta maaf! Satu lagi ialah saya juga harap kalau kerajaan rela memberikan penurunan cukai dan lain-lain sebanyak RM2 bilion seperti yang diumumkan, mengapa pula harga petrol tidak diturunkan? Memang dimaklumkan bahawa sejak Perang Teluk, harga petroleum jatuh sebanyak 50%, tetapi di negara Malaysia, tidak ada sebarang perubahan dalam harga petroleum.

Di sini saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan bahawa sudah sampai masanya untuk menurunkan harga petrol kerana dari segi kos petrol sekarang adalah dalam lingkungan 60 sen, tetapi excise duty yang dikenakan ke atas petrol ialah sebanyak 50 sen. Saya rasa adalah terlalu tinggi dan nikmat ekoran daripada penurunan harga petroleum sedunia haruslah dinikmati oleh rakyat Malaysia, bukan dinafikan kepada rakyat Malaysia dengan mengenakan excise duty.

Oleh sebab itu saya harap bahawa pihak kerajaan bolehlah menurunkan harga petroleum supaya semua rakyat Malaysia, khususnya daripada golongan tidak berada boleh menikmati penurunan harga petroleum sedunia. Adalah tidak munasabah dan tidak masuk akal sama-sekali mengapakah harga petroleum masih berada dalam tahap yang sama apabila harga petroleum sedunia adalah dalam tahap US$40 setong sedangkan sekarang adalah dalam lingkungan US$20 setong.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat tertarik dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tentang perlunya membanteras amalan rasuah. Tetapi ini hanya janji-janji manis sahaja yang tidak pernah dilaksanakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Sebagai satu contoh di Melaka. Tuan Yang di-Pertua, saya datang daripada sebuah negeri yang telah menghadapi banyak kontroversi di mana seorang pemimpin telah terpaksa meletak jawatan kerana banyak skandal sama ada skandal peribadi atau skandal rasuah dan atas kelakuan peribadi beliau, bekas Ketua Menteri Melaka itu telah mencetuskan tiga krisis iaitu krisis moral, keyakinan rakyat dan krisis kepimpinan. Tetapi malangnya tiga krisis ini masih berterusan.

Satu daripada aspek di mana penyokong-penyokong kuat Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengamalkan penyelewengan, amalan rasuah atau penyalahgunaan kuasa ialah pengurniaan gelaran Datuk kepada pemimpin-pemimpin UMNO. Dalam upacara atau istiadat pengurniaan gelaran Datuk oleh Gabenor Negeri Melaka atas . . . . .

Tuan Yim Chee Chong: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Seremban bangun lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Minta maaf, tidak cukup masa. Atas recommendation, dengan izin, Ketua Menteri Melaka ada . . . . .

Tuan Yim Chee Chong: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya. Dia tidak beri jalan.

Tuan Lim Guan Eng: . . . . 24 orang telah dikurniakan gelaran Datuk dan di antaranya ialah Ketua Pemuda UMNO Negeri Kelantan, Mohd. Fahmi Che Salleh, Ketua Bahagian UMNO Pasir Mas, Ibrahim Ali; Ketua Pemuda UMNO Bahagian Kepong, Ridzuan Hamid dan. . . . .

Tuan Yim Chee Chong: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti sekejap.

Tuan Lim Guan Eng: . . . . . pemimpin Pemuda UMNO Mohamad Al Amin Abdul Majid.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti sekejap. Seremban bangun atas apa?

Tuan Yim Chee Chong: *(Menyampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia tidak beri jalan.

Tuan Lim Guan Eng: Di sini saya hendak bertanya . . . . .

Tuan Yim Chee Chong: *(Menyampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, jangan mencelah kalau dia tidak beri jalan.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di sini saya hendak bertanya, apakah sumbangan pemimpin-pemimpin UMNO dari Kelantan dan dari Wilayah Persekutuan ini kepada ekonomi dan pembangunan negeri Melaka. Seperti Ketua Pemuda UMNO Negeri Kelantan, Yang Berhormat Fahmi Che Salleh, apakah sumbangannya? Atau Yang Berhormat dari Pasir Mas. Apakah sumbangannya kepada negeri Melaka? Tidak ada sebarang sumbangan langsung. Malah saya rasa dia jarang melawat negeri Melaka selain daripada apabila beliau masih mewakili parti Semangat 46 apabila beliau memberikan ceramah di Melaka, dia menghentam Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik sebagai "buaya terbesar di negeri Melaka". Itu sahaja sumbangannya kepada negeri Melaka. Itulah sebabnya saya menyatakan bahawa dalam semua aspek, selain daripada pengurniaan gelaran Datuk telah diperdagangkan, dengan izin, commercialization of Datukship. Di mana gelaran Datuk boleh dijual beli dengan satu harga berpatutan. Di negeri Pulau Pinang dan saya rasa di Melaka, gelaran Datuk tidak boleh ditarik balik . . . . .

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: *(Bangun)*

Tuan Lim Guan Eng: Nanti. Nanti saya habiskan dulu. Di mana gelaran Datuk tidak boleh ditarik balik, saya rasa harga untuk mendapat gelaran Datuk adalah sangat tinggi. Adalah sangat tinggi dan inilah di mana Yang Berhormat dari Pasir Mas, Datuk Ibrahim Ali tidak ada sumbangan langsung kepada negeri Melaka. Ridzuan Hamid yang membela Tan Sri Rahim Tamby Chik dan menyatakan bahawa Tan Sri Rahim boleh pergi ke luar negeri kalau dia hendak dan ambil pelacur-pelacur atau mendapat wanita bawah umur, boleh dapat Datuk. Adakah orang semacam ini yang tidak ada standard, tidak ada nilai moral boleh mendapat gelaran Datuk? Inilah yang saya amat kesal dan di antara orang lain yang telah mendapat gelaran Datuk iaitu pada tahun lepas ialah Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr. Ibrahim Saad.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat . . . . .

Tuan Lim Guan Eng: Dan juga sekarang Pemangku Ketua Pemuda UMNO, Datuk Haji Mohd. Nazri Tan Sri Aziz . . . . .

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat hendak beri jalan?

Tuan Lim Guan Eng: . . . . yang juga diberikan gelaran Datuk. Nanti sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Oleh sebab itu saya rasa apakah gunanya kalau gelaran Datuk ini diberikan kepada orang yang tidak memberikan sebarang sumbangan kepada negeri Melaka? Sama ada Yang Berhormat dari Pasir Mas atau Ketua Pemuda UMNO. Ini semua menunjukkan bahawa crest commercialization of Datukship, dengan izin, telah berlaku di negeri Melaka dan satu . . . . . .

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Machang bangun lagi Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Ya!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Machang bangun lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Singkat sahaja.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Pengurniaan bintang dan kebesaran ini adalah sumbangan kepada negara secara keseluruhannya. Bukannya sumbangan kepada negeri-negeri tertentu. Adalah satu kebiasaan bagi pemimpin sebuah negeri, Sultan atau Gabenor sebuah negeri untuk memberi pingat ataupun sebarang bintang kepada pemimpin ataupun pembesar-pembesar di negeri lain. Kita adalah sebahagian daripada Malaysia. Melaka adalah sebahagian daripada Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat hendak soalkah atau hendak beri penjelasan?

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Ya hendak soal. Jadi, tidakkah itu .. . . . .

Tuan Lim Guan Eng: Baik. Baik. Terima kasih.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Yang kedua ialah apakah buktinya bahawa Ketua Menteri Melaka telah memperdagangkan pingat-pingat kebesaran yang telah diberikan?

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau saya cakap "memperdagangkan" saya tidak kata dia menjual dengan mendapat wang. Dia memperdagangkan pemberian gelaran Datuk kerana sebagai satu hadiah kepada penyokong-penyokongnya sungguhpun mereka tidak ada memberikan sebarang sumbangan kepada negeri Melaka.

Di sini saya setuju bahawa gelaran Datuk diberikan kepada orang-orang yang berkhidmat kepada negara tetapi untuk sebuah negeri biasanya ia akan diberikan kepada satu, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Kedua, rakyat negeri tersebut – betul. Tetapi apa yang belaku di sini ialah kesemua orang ini bukan orang Melaka dan tidak ada sebarang sumbangan kepada pembangunan nasional. Siapa Ridzuan Hamid? Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah mendedahkan dia pergi bar, pergi disko, angkat perempuan dan lain-lain. Apa hendak cakap lagi? Orang macam ini boleh dapat Datuk? Itulah saya sudah cakap . . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Behormat, sila gulung.

Tuan Lim Guan Eng: Itulah saya cakap bahawa . . . . .

Seorang Ahli: Macam saya bolehkah?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat yang lain jangan mencelah ya!

Tuan Lim Guan Eng: Tentang penyelewengan yang berlaku dalam Akta Pengambilan Tanah. Di sini saya ingin menyeru kepada pihak kerajaan supaya meminda Akta Pengambilan Tanah supaya dapat memberikan pampasan yang lebih lumayan dan dengan memasukkan kos sosial. Kerana apa yang berlaku sekarang ialah bahawa bayaran pampasan tanah hanya dibayar sekadar mengikut kadar harga tanah semasa tanpa mengira kos sosial yang dialami oleh para penduduk sama ada untuk mendapat tempat kediaman yang baru ataupun untuk berpindah ke kawasan yang lain.

Di situ saya rasa kalau ini tidak berlaku, ada banyak masalah yang akan timbul seperti mana yang berlaku di Melaka di kawasan Pantai Kundor, Tanah Merah, di Kampung Air Salak, di Kampung Sungai Udang, di Kampung Baru Paya Mengkuang, di Kampung Baru Kuala Sungai Baru di mana saya rasa hampir lima buah kampung tradisi dan kampung baru menghadapi survival, dengan izin, kerana kesemua kampung ini akan diambil alih oleh kerajaan atau pemimpin yang rakus, yang ingin mengambil tanah untuk mendapat keuntungan yang besar dan menjadi kaya.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Machang.

7.08 mlm.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan (Machang): Tuan Yang di-Pertua, baru sekejap tadi sahabat saya dari Serian telah memberi banyak sanjungan kepada Belanjawan tahun ini. Oleh itu saya telah pun kehabisan perbendaharaan kata superlative untuk memperihalkan Belanjawan tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, pendapatan negara kita ataupun GNP perkapita kita hampir mencecah US$4,000, suatu tingkat pendapatan yang boleh dianggap lumayan. Manakala dari segi GNP, purchasing power parity per kapita kita sudah melebihi US$8,000 iaitu hampir sama dengan Korea Selatan yang sudah dianggap negara perindustrian baru ataupun NIC. Tidak dapat dinafikan sudah 6 tahun berturut-turut kita telah mencatatkan pertumbuhan yang amat tinggi. Penekanan kita terhadap pertumbuhan ekonomi telah meningkatkan GNP kita dan sekali gus GNP perkapita negara kita.

Dalam aspek pembangunan negara kita lebih menyakini 'trickle down theory' ataupun 'teori titisan nikmat ke bawah', di mana pertumbuhan ekonomi yang pesat dengan secara sendirinya atau secara automatis akan memberi nikmat kepada seluruh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, satu aspek yang tidak boleh kita abaikan dari segi pembangunan ialah pemerataan agihan pendapatan (equitable distribution of income). Jurang perbezaan pendapatan di antara kelompok yang berada dan kelompok yang termiskin di negara kita ini amat ketara. Kelompok 20% terbawah hanya menikmati 4.6% pendapatan negara, manakala 20% tertinggi menikmati 53.7% daripada pendapatan negara. Perangkaan ini menggambarkan betapa meruncingnya perbezaan pendapatan di antara yang kaya dan yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, perancangan pembangunan kita di masa hadapan, saya cadangkan supaya ditumpukan usaha untuk merata jurang pendapatan yang amat ketara ini. Saya penuh yakin insya-Allah, kita akan berjaya sebagaimana kita berjaya meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara kita.

Manusia sejak daripada beribu tahun dahulu telah prihatin terhadap ketidaksamarataan (inequality of income). Plato pernah menyatakan kepada muridnya Aristotle bahawa di dalam mana-mana organisasi, pendapatan seorang anggota organisasi janganlah melebihi 5 kali ganda pendapatan orang yang terendah pendapatannya dalam organisasi itu.

Di negara kita jurang perbezaan pendapatan di antara kelompok 20% teratas adalah 10 kali ganda banyaknya lebih banyak daripada kelompok 20% terbawah, berbanding dengan Jepun perbezaan hanya 4 kali ganda. Setakat ini kita masih terkongkong di dalam putaran ganas ekonomi barat, semakin pesat ataupun semakin laju kita membangun semakin luas jurang pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu perkara seperti ini berlaku di negara kita, sebagaimana kita dapati di negara-negara barat, seperti Amerika misalnya. Britain adalah sebuah negara yang kaya raya, tetapi di negara mereka itu terdapat orang-orang jalanan ataupun 'homeless'. Jadi, kita terlebih dahulu bersedia supaya perkara-perkara ini tidak berlaku di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya Skim Pinjaman ASB diperluaskan kepada golongan miskin bukan sahaja kepada golongan termiskin ataupun 'absolute poor'. Jumlah pinjaman kepada mereka ini tidak semestinya RM5,000 sebagaimana yang diberikan kepada golongan termiskin. Saya cadangkan supaya golongan miskin diberi pinjaman sebanyak RM2,000.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus memberi penghargaan kepada perkhidmatan awam kita di atas kejayaan ekonomi kita, Kita mempunyai perkhidmatan awam yang cekap dan dedikasi.

Dua tahun lalu kerajaan telah memperkenalkan Sistem Saraan Baru (SSB), di antara matlamat sistem ini ialah untuk mendorong kakitangan kerajaan supaya bekerja kuat, meningkatkan prestasi dan kecemerlangan sejajar dengan gaji yang diperolehi.

SSB telah memperkenalkan sistem pergerakan gaji secara metrik. Sistem metrik berasas sistem penilaian prestasi yang membolehkan seseorang pekerja mendapat kenaikan gaji secara mendatar, menegak dan melintang. Kenaikan gaji untuk mereka yang cemerlang hanya diadkan kepada 5% sahaja.

Sejak SSB diperkenalkan pada tahun 1992 yakni dua tahun lalu, kita telah mendengar rungutan demi rungutan oleh pelbagai pihak perkhidmatan awam. Sistem ini telah menimbulkan berbagai-bagai masalah kelemahan dan tidak puas hati di kalangan pekerja.

Mengikut Presiden CEUPACS 90% daripada 150,000 kakitangan kerajaan yang terbabit di dalam kaji selidik SSB tidak puas hati dengan SSB, 5% yang tidak pasti dan hanya 5% sahaja yang berpuas hati. Aspek yang paling tidak puas hati ialah tentang penilaian ataupun assessment dan laporan prestasi kerja.

Mereka meragui tentang kemampuan, kebolehan ketua-ketua jabatan untuk menilai kerana banyak tohmahan yang menyatakan penilaian dibuat secara mendadak sahaja, secara diskriminasi dan sebagainya. Ada juga yang menyatakan bahawa laporan dibuat dan penilaian dibuat secara tidak tepat dan berat sebelah, hanya mereka yang rapat dengan Ketua Jabatan ataupun boss sahaja yang mendapat markah yang tinggi. Kemungkinan terdapat mereka yang bekerja keras dan produktif belum tentu mendapat penilaian yang setimpal dan saksama. Apakah lagi mereka yang selalu berbeza pendapat dengan Ketua-ketua Jabatan.

Sistem Penilaian SSB telah melemahkan semangat pekerja, sistem kuota dalam kenaikan gaji pekerja cemerlang juga menimbulkan rasa kecewa di kalangan pekerja, kerana wujudnya pilih kasih dan kuota dibuat sebelum penilaian dibuat. Oleh itu, misalnya kalau dalam sesuatu peperiksaan mereka yang dapat pangkat 1 (satu) misalnya dihadkan kepada 5% sahaja, maka ini adalah satu perkara yang tidak adil. Jadi, kalau mereka yang betul-betul baik, walaupun bilangan mereka ramai, mereka perlu diberi pengiktirafan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, penilaian di bawah SSB mungkin sesuai untuk sektor swasta, tetapi tidak sesuai untuk sektor awam. Fungsi sektor awam lebih menekankan kepada memberi perkhidmatan dan bukan didorong oleh usaha untuk mencari untung ataupun 'profit motivated'. Pekerja sektor awam benar-benar berhasrat satu formula ataupun cara baru dicari untuk mengatasi kelemahan SSB.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya satu Suruhanjaya diberntuk untuk menggubal satu sistem baru untuk memperbaiki dan meningkatkan prestasi perkhidmatan awam. Sistem yang ada sekarang yang masih bertunjangkan 'Eastman Report' yang dibuat 3 dekad lalu, 30 tahun lalu sudah tidak sesuai lagi buat masa ini. Suatu reformasi pentadbiran amatlah perlu untuk menangani cabaran dan persaingan yang lebih hebat di masa depan.

Saya juga bersimpati dengan pekerja-pekerja ataupun kakitangan awam Kerajaan Negeri Kelantan. Hingga setakat bulan Oktober ini kakitangan perkhidmatan awam di negeri Kelantan masih belum menerima kanaikan gaji untuk tahun 1994 yakni pergerakan gaji tahun lepas. Saya berharap pihak JPA dan juga Kerajaan Pusat memberi khidmat nasihat kepada Kerajaan Negeri yang lembab itu supaya kakitangan-kakitangan Kerajaan Negeri tidak lemah semangatnya

Tuan Yang di-Pertua, sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sungai Petani.

7.21 mlm.

Che Ibrahim bin Mustafa (Sungai Petani): Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1995 sebenarnya disambut dengan penuh rasa syukur oleh rakyat jelata, walau apa juga gelaran dan nama yang ditempelkan. Hakikatnya jelas kerana Belanjawan ini tetap menyinggung setiap hiraki dan status rakyat jelata. Limpahan dan tempiasannya dapat dinikmati oleh semua golongan rakyat bermula daripada rakyat miskin sampailah kepada jutawan yang pendapatannya puluhan ribu setiap bulan. Pemerataannya menyeluruh, adil dan tidak membebankan.

Belanjawan 1995 adalah manifestasi daripada keprihatinan kerajaan terhadap kehendak dan aspirasi rakyat. Belanjawan dan aspirasi rakyat, Belanjawan yang mengambil kira tiap keperluan rakyat

jelata. Sentuhan Belanjawan ini sebenarnya begitu menyengat sekali. Sentuhannya begitu menusuk penduduk setinggan di pinggir kota yang masih lagi berebut kepala paip air untuk mandian dan basuhan. Pak tani dan nelayan pantai miskin yang menjadi penghuni setia gubuk buruk yang hampir menyembah bumi di pinggir sawah dan pantai juga tetap dapat manfaatnya.

Orang kampung, rakyat biasa, pemandu teksi dan peraih barangan di pasar-pasar sehinggalah kepada suri rumah tangga tetap terpaku kukuh menetapi tiap patah demi patah kata-kata yang terpancut keluar daripada mulut Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan ternyata rata-ratanya amat berpuas hati dengan Belanjawan yang bijaksana ini. Orang-orang kampung ini tidak mengerti apa itu Belanjawan, tidak faham sangat tentang fakta dan angka. Namun mereka sabar terpaku menanti di depan kaca TV, jauh berbeza dengan telatah Presiden Semangat 46 yang bergegas keluar belum pun sempat Belanjawan habis dibentangkan.

Rakyat amat berpuas hati dengan Belanjawan ini. Biar apa pun yang dilebelkan, Belanjawan penyayang, Belanjawan pemurah, Belanjawan pilihan raya atau juga nama yang ditempelkan namun yang pastinya seluruh rakyat jelata tetap terpukau dengan Belanjawan yang amat pragmatis ini. Belanjawan 1995 adalah manifestasi daripada kejayaan gemilang negara di mata dunia. Belanjawan ini dibentangkan dalam suasana negara yang ceria dan dikagumi dunia. Pendapatan perkapita meningkat ke angka RM8,856. Pengangguran berada pada tahap 2.9%. Malah Malaysia telah mencapai tahap guna tenaga penuh. Lebihan tahun ini amat kukuh pada RM631 juta. Rizab negara memuncak pada angka RM81.7 bilion. Pertumbuhan ekonomi negara berada pada tahap 8.5%. Malaysia berada pada tahap ke-19 di arena perdagangan antarabangsa. Dalam suasana kepesatan pertumbuhan ekonomi negara, inflasi masih lagi dapat dibendung pada kadar 3.7%. Kadar kemiskinan menjunam turun pada angka 20.7% dalam tahun 1985 ke kadar 8.8% pada tahun 1994. Dalam senario beginilah Belanjawan 1995 dibentangkan. Berasaskan senario ini ternyata kejayaan Malaysia sebagai kuasa muda ekonomi, perdagangan dan industri memang tidak boleh dipandang enteng oleh dunia.

Kejayaan ini semua adalah kejayaan bersama. Kejayaan ini adalah hasil kerja kuat dan kepimpinan dinamik daripada pucuk pimpinan negara yang tidak puas-puas memerah otak, mencanai fikiran dan bersenteng lengan untuk memberikan kebahagiaan hidup kepada rakyat jelata. Kejayaan ini juga adalah manifestasi konkrit daripada usaha gigih semua rakyat yang tetap bertungkus-lumus untuk merealisasikan hasrat para pemimpin mereka. Belanjawan ini sekali gus menjadi Belanjawan membalas budi rakyat yang sentiasa berdiri kukuh di belakang pimpinan negara. Tanpa rakyat yang senada, seirama dan sejiwa Malaysia tidak mungkin mencapai kejayaan seperti hari ini.

Di kesempatan yang sangat berharga ini ingin saya rakamkan ucapan tahniah kepada kerajaan di atas kebijaksanaannya menangani isu Al-Arqam. Pergerakan yang mempunyai ribuan pengikut daripada tiap hiraki dan status ini telah dapat diatasi dengan penuh hikmah. Iktibar di sebalik isu Al-Arqam ini ialah berapa kebekuan, kejumudan dan mudah terpengaruh di kalangan masyarakat itu

jauh lebih penting daripada isu penyelewengan akidah itu sendiri. Fenomena jumud dan beku minda ini amat merisaukan kita daripada isu penyelewengan akidah seorang individu kerdil keturunan Boyan bernama Asaari Mohamad. Persoalannya, apakah ada satu jaminan yang akan menghalang munculnya seorang tokoh lain di hari muka dengan ciri-ciri psikologi yang sama untuk memulakan satu gerakan "cult" dengan unsur gerakan pemikiran yang entah dipungut dari longkang mana dengan sedikit bakat untuk berdakwah atau menulis dan berpidato, tidak mustahil tokoh ini akan memulakan gerakan yang lain pula. Yang pasti, suasana pemikiran sosial yang beku dan jumud itu juga menjadi tapak semaian yang amat subur bagi kemunculan gerakan-gerakan lain yang lebih merbahaya.

Riwayat dan kisah kemuculan Al-Arqam sewajarnya menjadi sempadan dan batasan yang konkrit untuk diteladani. Dalam konteks inilah langkah-langkah yang lebih jitu dan bersifat jangka panjang wajar diambil untuk mengangani isu-isu sebegini seterusnya.

Dari dimensi yang lain, Belanjawan ini sekali gus mengangkat martabat dan maruah Bahasa Melayu itu sendiri. Segala fakta dan data, segala saranan dan imbuhan dilarik dengan bahasa yang tersusun indah, mantap serta amat menonjol keberkesanannya. Pembentangan Belanjawan ini menjadi bukti konkrit betapa Bahasa Melayu ada maruahnya malah mampu digunakan dalam perbincangan-perbincangan serius. Dalam konteks Belanjawan ini sebenarnya merupakan kesinambungan keagungan penggunaan Bahasa Melayu dalam tradisi intelektual yang amat gemilang sejak zaman Allahyarham Hamzah Fansuri. Tradisi penggunaan perkataan yang mantap dan berkesan yang dilarik dengan bahasa yang indah tersusun rapi tidak pernah wujud sebelum ini. Ternyata sebagai Menteri Kewangan dengan kombinasi kemahiran yang ada, termasuk pengolahan bahasa yang pukal dan mantap, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar berjaya menonjolkan imejnya yang tersendiri.

Kesan sampingan yang tidak dapat dihindarkan yang seringnya datang seiring dengan kepesatan pembangunan ialah inflasi. Ternyata bahaya inflasi sentiasa membayangi dan memburu kita sebagai pengguna. Pelupusan duti import dan pelepasan cukai hampir 2,600 barangan sememangnya dialu-alukan.

Rakyat menyambut penuh kegembiraan dengan penurunan duti import ini. Ternyata dalam apa jua situasi pun kenaikan harga adalah lebih cepat daripada arahan untuk diturunkan harga. Yang penting, tanpa penguatkuasaan pihak penguatkuasa Kementerian Perdagangan, objektif kerajaan menurunkan duti import ini pasti tidak membawa sebarang makna. Saya berharap agar tindakan yang lebih drastik dan berkesan diambil oleh pihak kementerian berkenaan dalam menangani isu ini agar pemerataan kekayaan negara itu akan dapat dinikmati dengan lebih saksama.

Belanjawan ini amat prihatin dengan masalah rakyat. Kerajaan tidak pernah mengabaikan masyarakat luar bandar. Kerajaan benar-benar memahami tanggungjawabnya terhadap masyarakat luar bandar. Di sinilah sarang dan landas untuk kita bertolak. Kerajaan ingin menseimbangkan kemajuan kota raya

dengan bangunan pencakar langit yang tinggi menjulang dan jalan raya yang melebar luas. Di samping mempamerkan kegemilangan wajah kota raya dengan bangunan-bangunan tumbuh mercup bagai cendawan tumbuh di musim hujan, kerajaan tetap memberi keutamaan kepada masyarakat luar bandar. 64% atau RM9.2 bilion daripada Belanjawan Pembangunan diperuntukkan untuk projek-projek di wilayah dan di kawasan desa. RM1.232 bilion adalah untuk projek pertanian, subsidi padi dan membiayai projek pertumbuhan ekonomi desa. Selain daripada itu, RM300 juta diperuntukkan untuk kemudahan kesihatan luar bandar. RM119 juta dikhususkan untuk bekalan air dan RM179.6 juta untuk bekalan elektrik.

Masyarakat luar bandar wajar diberi keutamaan. Mereka adalah kelompok yang sentiasa bersama kerajaan. Orang kampung di desa bukannya mengharapkan bangunan pencakar langit yang tinggi menjulang awan. Kadangkala orang kampung pun tidak faham mengapa dataran golf begitu mudah dilulus dan dimajukan. Orang-orang di kampung saya sangat gembira kerana dalam masa 4 jam mereka kini boleh berkereta ke Kuala Lumpur untuk menziarah anak mereka di Bukit Damansara. Tetapi mereka juga bertanya mengapa anak-anak mereka di kampung terpaksa berdebu, berhabuk dan berlumpur bila ke sekolah, kerana jalan kampung belum lagi ditar.

Mereka gembira kerana bandar dan pekan berkembang maju dengan pesat. Neon yang berkerdipan tak henti-henti menggamit belia dan beliawanis kampung berkunjung ke kota, namun mereka juga amat kesal kerana jauh di pedalaman sana ada lagi rumah yang terpaksa menggunakan 'pelita ayam'. Anak-anak sekolah terangguk-angguk menelaah buku-buku pelajaran dalam kesamaran cahaya pelita minyak tanah, walaupun di sebarang jalan sana, di tengah kota lampunya terang-benderang hingga ke pagi. Orang-orang kampung saya sering berbicara betapa ibu tua terpaksa memikul baldi mengangkat air buat mandian. Manakala anak-anak sekolah terus berebut kepala paip air hanya untuk segera ke sekolah. Pada hal di seberang jalan, air paip menyimbah 24 jam menghijaukan dataran golf untuk para elitis dan birokrat kota melapangkan otak setelah puas bekerja memajukan rakyat jelata di kampung.

Petani, penoreh getah dan pesawah padi di kampung berbuih mulut bercakap fasal jalan tar yang belum muncul walaupun laungan kemerdekaan telah pun 37 tahun berlalu. Mereka mahu anak-anak mereka menjadi orang besar; jadi cikgu, jadi kerani, jadi peguam, malah jadi menteri. Namun kadangkala cita-cita ini hanya dihembus angin lalu kerana sekolah belum ada kemudahan; cikgu tidak cukup, komputer tidak ada, bahan bacaan pun tak seberapa dan banyak lagi yang perlu berganti.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) Yang Berhormat, minta gulung.

Che Ibrahim bin Mustafa: Mereka berbuih mulut bercakap tentang Wawasan 2020, tetapi kata mereka macam mana impian muluk ini dapat direalisasikan sedangkan kemudahan asas, masalah utama dan keperluan penting tidak dapat ditangani. Semoga rintihan murni itu dapat sedikit-sebanyak mengguris hati kecil para bapa menteri kita yang sering berdegar-degar gembarnya bila berbicara

tentang petani, tentang nelayan, tentang pesawah miskin dan orang kampung di desa-desa.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong.

7.35 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan memaparkan segala-gejala yang baik untuk ekonomi kita. Menurutnya kebanyakannya telah mencapai tahap dunia dan disegani oleh negara-negara maju. Kalau ini adalah benar-benar menjadi kenyataan dan akan terus menjadi kenyataan, rakyat boleh berasa senang hati. Kami berharap pertumbuhan ekonomi akan terus mencatat 8.5% setahun dan pengangguran yang rendah akan terus wujud. Langkah-langkah seperti pelepasan ataupun pengencualian cukai 1,500 jenis barangan sebagai kesinambungan CEPT memaju ke AFTA, konsep berkawasan perdagangan bebas ASEAN boleh mendatangkan manfaat kepada rakyat sekiranya penguat-kuasaanya berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, strategi Belanjawan yang cocok dengan suasana pilihan raya umum tahun depan tidak mencukupi untuk menyediakan rakyat bagi menghadapi masa ekonomi yang kurang baik. Kita mesti sediakan payung sebelum hujan. Saya beri amaran sekarang kerana kita akan menghadapi masa yang tidak begitu baik. Ada pasang, ada surut. Apa yang naik mesti turun – mesti turun! Strategi Belanjawan adalah tidak mencukupi untuk mencegah inflasi, tekanan inflasi yang bertambah, tidak memadai untuk membanteras rasuah, politik wang dan politik perdagangan, (business politic) serta tidak mempunyai kaedah yang mencukupi untuk memastikan tidak akan berlakunya penyelewengan dan skandal dengan pertumbuhan unit trust.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang unit trust di Malaysia hanya mempunyai kira-kira tiga peratus daripada jumlah pasaran capitalisation, kapitalisasi. Unit trust komersial hanya mempunyai 0.5% daripada jumlah pasaran capitalisation. Saya setuju kalau kita adakan lebih banyak unit trust, dan unit trust boleh menjadi satu cara pelaburan yang sihat untuk rakyat Malaysia. Itu saya tidak membantah. Hanya saya dapati tidak ada cukup Rang Undang-undang, tidak ada cukup kaedah untuk memelihara rakyat yang melabur dalam unit trust. Itu sahaja yang saya tekankan di sini. Menteri Kewangan mesti mengambil perhatian mengenai betapa perlunya kita adakan satu undang-undang yang ketat untuk menjaga rakyat yang suka melabur di dalam unit trust. Kita tidak mahu menyaksikan sekali lagi skandal yang berlaku dengan unit trust seperti mana yang berlaku dengan koperasi-koperasi beberapa tahun yang lampau. Ini tidak seharusnya belaku. Saya percaya Arau pun tidak mahu menyaksikan hal sedemikian.

Tuan Shahidan bin Kassim: *(Menyampuk)*

Dr. Tan Seng Giaw: Jangan kacau! Tuan Yang di-Pertua, ada strategi sahaja pun tidak mencukupi untuk membolehkan syarikat, banyak syarikat yang dapat

kontrak dengan projek-projek penswastaan. Sekarang kontrak-kontrak projek penswastaan telah diberi kepada hanya segelintir syarikat ataupun segelintir orang sahaja. Ini memang satu gejala yang tidak baik, yang tidak dipamerkan oleh Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tunjukkan satu lambang. *(Sambil menunjukkan akhbar)* Lambang ini baik juga. Parit Sulong jangan membidas saya menggunakan akhbar ini dengan tujuan yang tidak baik.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: *(Menyampuk)*

Dr. Tan Seng Giaw: Padang Terap sama dengan Arau yang tidak menghormati wanita.

Saya baca ucapan Ahli dari Arau tidak begitu menghormati wanita. Walau bagaimanapun, sila lihat . . . . .

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order. Saya ingat, saya dengan terang-terang menyatakan saya cukup kasih dan sayang kepada wanita. Ibu saya wanita, mana boleh bercakap macam itu! Sangkaan jahat itu. Kita tidak boleh memisahkan lelaki/wanita macam itu. Macam mana saya anti-wanita pula, saya memang suka kepada wanita. *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa terus berjalan, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, masa berjalan, dia takut kepada satu orang sahaja, 'isterinya' daripada Pasir Mas. Begitu juga dengan Padang Terap – isterinya daripada Kampung Laut Kelantan, semuanya daripada Kelantan. Takut semua itu satu orang yang takuti.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ha! Isteri saya bukan Pasir Mas, Tuan Yang di-Pertua, Parit Sulong. *(Ketawa)*

Dr. Tan Seng Giaw: Parit Sulong!

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya belum berkahwin lagi dengan orang Pasir Mas, ini Parit Sulong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ini satu lambang iaitu satelit yang pertama Malaysia . . . . .

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin); Yang Berhormat, Jerai bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak cukup masa, tunggu lain kalilah. Duduk diam dahulu, saya hendak bercerita mengenai roket. *(Ketawa)*

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, dia bercakap fasal bini orang – tidak boleh.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan satu roket, sepatutnya ada DAP di dalamnya, roket ini Ariane IV yang akan membawa satelit pertama Malaysia. Satelit itu MEASAT I (Malaysia East–Asia Satellite) – yang akan dilancarkan pada Disember tahun depan. Ariane IV sepatutnya kita memuatkan, memaparkan simbol DAP di roket ini.

Seorang Ahli: Boleh bawa DAP!

Dr. Tan Seng Giaw: Bawa satelit – Ariane IV akan melancarkan MEASAT I ke orbit sejauh 36,000 kilometer di atas paras khatulistiwa dari tapak pelancar di Perancis Guyana. Walau bagaimanapun, ini saya tidak membantah kalau kita hendak mengadakan satelit pertama untuk Malaysia, untuk memperbaiki cara saluran komunikasi dengan era komunikasi sekarang. Kita mesti ada, bukan satu dua tiga empat satelit pun, saya tidak kata yang tak baik, yang saya menyoalkan di sini, dan saya berharap Yang Amat

Berhormat dapat mengambil perhatian mengenai mengapa kita pilih Syarikat Arianespace untuk mengendalikan satelit pertama Malaysia ini? Kerana kos itu amat tinggi. Kos satelit dan pelancaran yang dibuat oleh Amerika Syarikat dan juga . . . . .

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Jerai hendak minta jalan.

Dr. Tan Seng Giaw: Jerai tidak faham mengenai satelit dengan roket.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, adakah Ahli Yang Berhormat dari Kepong mencadangkan menggunakan roket DAP bawa naik satelit itu, roket DAP boleh naikkah?

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak mencadangkan begitu. Sebenarnya, kita ada cadangan yang bernas, alternatif yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, pelancaran satelit kalau dibuat oleh negara China itu tak boleh tahan lasak. Cuma boleh tahan tempoh masa hidupnya 1/3 daripada satelit yang dibuat oleh pihak Amerika Syarikat ataupun yang dibuat di Eropah. Tetapi yang paling baik dibuat oleh pihak Amerika Syarikat seperti Hughes Electronics salah satu subsidiari General Motors – itu yang baik, boleh tahan. Dan pelancarannya ini, walaupun pihak negara China tak boleh membina satelit yang begitu sofistikated yang begitu tahan lama, tetapi pelancarannya sangat murah.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Dapat komisyen kot?

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak, bukan komisyen, saya hendak menjimatkan wang rakyat sahaja. Arau jangan kacau kerana hal roket DAP dan sebagainya – dia tak faham.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Kota Setar bangun.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Sila tamatkan ucapan, boring speech. *(Ketawa)*

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, tadi saya sebutkan mengenai salah satu syarikat terkemuka yang boleh membina satelit dengan baik iaitu G.M. Hughes Electronics yang sekarang kembali kepada China, berpakat dengan pihak industri di negara China untuk pelbagai projek kerana di Chinalah pasaran satelit komunikasi yang terbesar di dunia sekarang ini. Dan mereka boleh dapat melancarkan satelit . . . . .

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Larut bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tunggu sekejap! Saya habis dahulu, sebelum ada order. Macam mana order pula hendak naik kelangit pun order pula. *(Ketawa)* tak ada masa, kalau saya diberi satu jam, saya boleh beri jalan. Tuan Yang di-Pertua, satu jam.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa kita cuma ada tujuh minit.

Dr. Tan Seng Giew: Tuan Yang di-Pertua, tak boleh berikan?

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Point of order 36.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua kata tak boleh beri!

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, selepas pukul 8.00 malam ini kita beri dia bercakap selama dua jam. *(Ketawa)*

Dr. Tan Seng Giaw: Selepas ini? Macam mana Jerai ini pula?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong hanya ada dua minit lagi!

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Point of order 36.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, apa dia?

Dato Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Point of order 36. Ahli Yang Berhormat itu menyakitkan hati Kerajaan Negeri China – dia kata: "Roket China tak best!" *(Ketawa)*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ya!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, dua minit sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya berharap pihak kerajaan dapat mempertimbangkan semula kerana kalau kita gunakan kemudahan untuk melancarkan satelit kita melalui roket China seperti 'long march', kita boleh menjimatkan lebih banyak wang. Sebenarnya satu pelancaran daripada pihak China hanya menelan belanja US$45 juta. Tetapi kalau kita menggunakan pelancaran daripada Amerika Syarikat ataupun daripada Eropah – Ariane IV seperti itu, kos pelancaran itu adalah dua kali ganda ataupun satu kali ganda – hampir US$100 juta. Dan kita boleh menjimatkan 50% kos pelancaran satelit kita ke angkasa lepas, dan ini cadangan DAP . . . . .

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, mungkin 50% roket itu naik separuh jalan sahaja – dia terjun balik.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kita mesti menjimatkan kos kita dan pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos bersetuju. Saya harap kita semak semula untuk menjimatkan wang, bukan sahaja kita hendak mengadakan MEASAT I, MEASAT II, MEASAT III, MEASAT IV, MEASAT V pada masa hadapan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah cukup!

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi yang hendak saya bincangkan. EPF lagi, masalah penyelenggaraan termasuk penyelenggaraan di Dewan Rakyat yang tidak sempurna.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa sudah cukup, Jawatankuasa masih ada lagi!

Dr. Tan Seng Giaw: Dalam peringkat Jawatankuasa?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Beri peluang kepada seorang lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli Yang Berhormat dari Lubok Antu.

7.50 mlm.

Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua . . . . .

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, apa dia?

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, point of order 66(3).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Apa dia Yang Berhormat?

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Kita diperuntukkan 11 hari untuk perbahasan peringkat dasar, termasuk dua hari Menteri menjawab. Oleh kerana kita baru 8 hari, saya mintalah supaya Parit, saya, Bagan Serai dan Lubok Antu – 4 orang ini kalau boleh dibenarkan bercakap besok.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Hari ini, seperti mana yang telah diizinkan awal-awal tadi, bahawa kita kena selesai jam 8.00 malam. Jadi, dalam Peraturan Mesyuarat pun dia tidak mengatakan semestinya kita mesti habiskan sekian harinya. Habis, habis. Maka pada hari ini adalah hari penghabisan, jam 8.00 malam. Minta teruskan.

Tuan Jawah anak Gerang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan bercakap ringkas sahaja. Saya bangun di sini untuk menyokong Belanjawan yang dibentangkan dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan 2,600 jenis barang-barang yang telah diturunkan cukai atau yang telah dimansuhkan, sekarang ini barang-barang tersebut belum lagi diturunkan. Maka di sini saya ingin merayu kepada Menteri ataupun Kementerian berkenaan supaya mengambil tindakan-tindakan tertentu supaya barang-barang yang telah diturunkan harga untuk kepentingan orang ramai haruslah diturunkan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan dasar-dasar kependudukan negara, saya ingin bertanya di sini, bilakah dasar ini akan dapat dicapai. Saya rasa jika dasar kependudukan negara akan dapat lebih direalisasikan, kerajaan mestilah mengawal khasnya, penggunaan pil-pil perancang keluarga seperti contraceptive pills yang digunakan dengan sangat berleluasa di luar-luar bandar, khasnya di rumah-rumah panjang. Apa yang sangat sedih ialah kesan yang sangat buruk akibat daripada penggunaan pil-pil tersebut.

Jadi, di sini saya ingin merayu supaya penggunaan pil-pil perancang keluarga di luar-luar bandar akan lebih terkawal, jika tidak, kita akan terpaksa menghadapi masalah, khasnya, kita terpaksa menutup banyak sekolah di luar-luar bandar kerana tidak cukup murid-murid yang pergi ke sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan jalan raya, khasnya di kawasan saya Lubok Antu, saya ingin betanya di

sini, iaitu berkenaan dengan menurap atau mengetar jalan dari simpang Lubok Antu ke Pekan Lubok Antu. Saya telah difahamkan kerja-kerja penurapan jalan tersebut akan dilaksanakan tetapi hanya setakat hidro Batang Ai sahaja, belum lagi sampai ke Pekan Lubok Antu iaitu kira-kira 6 kilometer lagi dan saya di sini ingin menyoal Menteri Kerja Raya kenapa kerja-kerja penurapan yang dilakukan itu tidak sampai ke Pekan Lubok Antu? Saya merayu di sini supaya kerja-kerja tersebut haruslah diteruskan ke Pekan Lubok Antu – fasal hari ini tidak ada orang!

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan haidro Bakun, saya harap kerajaan akan mengambil segala iktibar daripada Hidro Batang Ai. Apa-apa kesilapan, apa-apa masalah yang terdapat di Hidro Batang Ai, saya harap di sini tidak akan lagi berlaku di Hidro Bakun. Satu benda yang sangat penting ialah berkenaan dengan pampasan kepada penduduk-penduduk yang terlibat di dalam projek Hidro Batang Ai. Walaupun projek Hidro Batang Ai lama sudah siap, tetapi sampai hari ini masih ramai orang yang mempunyai tanah di Hidro Batang Ai, iaitu di kawasan Lubok Antu, di kawasan saya yang belum lagi menerima pampasan dan saya di sini juga ingin bertanya, bilakah kerajaan akan membayar pampasan ini?

Kita tahu dalam undang-undang kerajaan adalah salah untuk kerajaan mengambil tanah rakyat dengan tidak membayar pampasan, dan saya di sini amatlah merayu supaya walaupun projek Hidro Batang Ai sudah siap lebih 10 tahun dan sekarang ini rakyat saya di sana masih tertanya-tanya bilakah pampasan ini akan dibuat?

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pembinaan hospital ataupun klinik-klinik desa saya suka merayu di sini sama ada kerajaan ada mempunyai rancangan untuk membuat atau membina satu lagi hospital di kawasan saya iaitu di Lubok Antu – tiada hantu. *(Ketawa)* Ataupun menaikkan taraf klinik di Lubok Antu kerana di Lubok Antu sekarang ramai penduduk, hotel-hotel bertaraf antarabangsa seperti.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat ada yang minta jalan.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Hantu pakai klinikkah?

Tuan Jawah anak Gerang: Hotel Hilton pun ada di Hidro Batang Ai oleh kerana ramai penduduk dan pelancong pun ramai yang melawat Lubok Antu, saya rasa kita perlu bina satu hospital di Lubok Antu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kad pengenalan – ini yang paling penting sekali, ramai penduduk Sarawak tidak mempunyai sebarang kad pengenalan atau surat lahir. Susah hendak lahir ke dunia ini, mati pun susah kerana tidak ada surat. Jadi, saya merayu di sini, buat apa sahaja, bukan susah buat kad pengenalan ini. Beri sahaja, lawatlah kerumah panjang dan beri kad pengenalan. Kalau tidak, banyak susah. Saya boleh sebutkan di kawasan saya, iaitu Rumah Abun, Ulu Skrang, ramai penduduk – lebih 100 orang, hanya 5 orang sahaja ada kad pengenalan. Tidak kasihkah kita? Itulah rakyat kita, dirumah Gramong, Ulu Kantong, ada lebih 100 di sana, hanya 16 orang sahaja yang mempunyai kad pengenalan. Wakil-wakil

Rakyat di sini tidak kasihkah? Kasih! Cukuplah – kalau kasih. Jadi, saya amatlah menyeru – apa masalahnya? Pergilah ke sana beri sahaja kad pengenalan, bukannya orang itu datang dari Indonesia, bukan datang dari mana-mana, itulah rakyat Malaysia. Rakyat Malaysia tidak dapat kad pengenalan – apalah masalahnya? Bahkan rakyat dari negara lain seperti dari negara Vietnam ataupun Indonesia, banyak yang mempunyai kad pengenalan – kad pengenalan merah, kad pengenalan biru pun ada. Tetapi rakyat kita Malaysia belum ada dapat kad pengenalan. Itu adalah satu perkara yang amat ganjil sekali. Saya ingin merayu sebagai rakyat, rakyat kita sendiri, berilah kad pengenalannya dahulu. Pergilah ke kawasan saya kalau tidak bersetuju.

Seorang Ahli: Mungkin hantu curi. *(Ketawa)*

Tuan Jawah anak Gerang: Tidak ada hantu curi. Jadi, yang terakhir sekali saya ingin bertanya iaitu berkenaan dengan kempen berkongsi kereta. Saya di sini hendak bertanya apa terjadinya dengan kempen berkongsi kereta di negara kita? Sama ada kempen ini berjaya atau tidak? Sama ada kempen ini bersesuaian atau tidak. Saya tengok tidak ada orang yang berkongsi kereta sekarang jadi apa yang terjadi dengan kempen kongsi kereta sekarang?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Muhirudin): Yang Berhormat . . . . .

Tuan Jawah anak Gerang: Ha, tidak ada orang kongsi kereta. Jadi, kita bercakap sahaja kempen hendak kongsi kereta, tetapi, adakah ini berjaya atau tidak – itu saya ingin persoalkan di sini. Jadi, dengan itu sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Muhirudin): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang esok.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 8.00 malam.